# JAWAPAN

## SEJARAH

# KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025 (SET 1)

## KERTAS 1

1 **B**

**Ulasan:** Ikatan hubungan antara golongan pemerintah yang terdiri daripada sultan dan pembesar dengan golongan diperintah terdiri daripada rakyat yang merangkumi golongan merdeka dan hamba merupakan satu hubungan timbal balik bagi mewujudkan persefahaman dan keamanan kerajaan. Rakyat akan memberikan kesetiaan dan mengakui kekuasaan sultan manakala kesejahteraan rakyat Melaka dijamin oleh Sultan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 6*

2 **C**

**Ulasan:** Wilayah pengaruh merujuk kepada kawasan pemerintahan raja yang diterima dan diakui oleh rakyat. Terdapat dua jenis wilayah pengaruh zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pertama, wilayah taklukan yang diperoleh daripada peperangan. Antara wilayah yang ditakluki termasuklah Pahang, Kuala Linggi, Kelantan, Rokan, Inderagiri dan Kampar. Kedua ialah Wilayah Naungan, iaitu wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka melalui perkahwinan atau persahabatan. Contoh wilayah naungan ialah Lingga, Patani dan Kedah.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 7*

3 **A**

**Ulasan:** Saya San merupakan salah seorang tokoh nasionalisme di Myanmar. Saya San merupakan bekas pongyi (sami Buddha) yang mendapat sokongan daripada golongan petani yang terbeban dengan pelbagai jenis cukai yang dikenakan oleh British. Saya San telah mengetuai Pemberontakan Saya San pada tahun 1930–1932, selepas golongan sami Buddha menubuhkan Majlis Am Sangha Samagyi. Golongan pongyi atau sami Buddha bersama-sama dengan pejuang golongan kelas menengah lain seperti golongan Thakin (siswazah universiti) dan golongan petani telah menentang pengaruh British yang mengancam kedudukan agama Buddha, pendidikan dan kebudayaan Burma.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 29*

4 **D**

**Ulasan:** Akhbar *The Malay Mail* dan *The Malaya Tribune* merupakan akhbar berbahasa Inggeris yang menjadi media penulisan tokoh nasionalis dalam mengembangkan semangat nasionalisme di negara kita. Akhbar ini memuatkan perkembangan sosiopolitik dan ekonomi negara kita. Pada awal abad ke-20, pengarang seperti Muhammad Yusof Ahmad (Tok Kenali), Muhammad Yusof Abdul Hamid, Dato' Onn Jaafar dan Abdul Rahim Kajai mula bersuara tentang pendidikan dan politik tanah air. Melalui akhbar ini, pendedahan terhadap pendidikan telah ditekankan dalam kalangan penduduk terutama orang Melayu supaya melanjutkan pelajaran hingga ke luar negara.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 38*

5 **C**

**Ulasan:** Sejak awal abad ke-20, British berusaha membendung pengaruh idea gerakan Islam dari Timur Tengah kerana ia memberi pengaruh yang kuat dalam kebangkitan nasionalisme di negara kita. Gerakan ini telah menyeru orang Islam yang ditindas oleh penjajah Barat agar bangkit bersama-sama menentang imperialisme Barat. Ia telah menarik minat penduduk Tanah Melayu terutama kaum muda. Bagi langkah berjaga-jaga dan mengawal pergerakan ini, British telah memperkenalkan Enakmen Undang-undang Islam 1904 bagi memastikan semua edaran yang bertulis berkaitan agama dan politik Islam perlu mendapat keizinan sultan. Jabatan Siasatan Jenayah dan Biro Siasatan Politik pula diperkenalkan untuk mengawal gerakan Islah Islamiah di Tanah Melayu kerana ia mampu mengancam British.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 52*

6 **B**

**Ulasan:** Selepas kekalahan Jepun, Bintang Tiga Parti Komunis Malaya telah mengambil alih penguasaan di Tanah Melayu kerana kelewatan pendaratan semula British. Tindakan Bintang Tiga/ komunis telah mengancam institusi politik, kekeluargaan dan agama Islam. Bintang Tiga/ komunis telah mengganggu urusan keagamaan di surau dan masjid menyebabkan orang Melayu membentuk Gerakan Fi-Sabilillah yang bertujuan mempertahankan maruah bangsa, hak, harta dan kelangsungan hidup orang Melayu. Gerakan Fi-Sabilillah ini membantu masyarakat Melayu berdepan dengan kezaliman Bintang Tiga/ komunis.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 84*

7 **D**

**Ulasan:** Datin Puteh Mariah merupakan salah seorang tokoh wanita daripada Perak yang menentang pembentukan Malayan Union. Bantahan daripada golongan wanita ini merupakan benteng barisan hadapan dalam penentangan terhadap Malayan Union yang memperjuangkan hak-hak orang Melayu supaya dikembalikan. Selain Datin Puteh Mariah, Cikgu Zaharah Abdullah, Halimahton Abd Majid, Saleha Mohd Ali, Zaharah Tamim dan Hasnah Ishak juga merupakan tokoh wanita yang terlibat dalam penentangan kepada Malayan Union.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 103*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

8 **A**

**Ulasan:** Pada peringkat awal Barisan Pemuda Sabah (BARIP) ditubuhkan untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan politik kaum bumiputera Sabah. Kemudian pemimpinnya bergerak aktif membangkitkan kesedaran berpolitik dalam kalangan masyarakat tempatan. British berasa bimbang pengaruh pemimpin ini menggugat kedudukan mereka di Sabah. Oleh itu, British bertindak melumpuhkan gerakan nasionalisme ini dengan menawarkan kenaikan pangkat dan memindahkan ahli dan pemimpin yang aktif ke bandar lain. Kesannya, kegiatan berpersatuan di Sabah semakin lemah.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 116*

9 **C**

**Ulasan:** PUTERA merupakan gabungan beberapa pertubuhan Melayu radikal yang membidas kerajaan British kerana menjalankan rundingan secara tertutup dengan UMNO. Pihak British telah mengetepikan PKMM daripada Jawatankuasa Kerja tersebut. Golongan bukan Melayu pula menubuhkan All Malaya Council of Joint Action (AMCJA) yang dipengerusikan oleh Tan Cheng Lock. AMCJA beranggapan British telah tunduk kepada tuntutan UMNO dan menganggap Jawatankuasa Kerja ini tidak demokratik. Kemudian AMCJA telah bergabung dengan PUTERA dan menolak perjanjian persekutuan. PUTERA-AMCJA menganggap Perlembagaan Persekutuan sebagai tidak demokratik, mengukuhkan British dan perkauman. Gabungan ini menentang cadangan perlembagaan tersebut secara terbuka.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 128*

10 **D**

**Ulasan:** Jawatankuasa Kerja telah membentangkan rangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dalam persidangan yang dihadiri oleh Raja-raja Melayu, wakil British dan UMNO. Ciri- ciri Perjanjian PTM 1948 ialah dalam bidang pentadbiran, persekutuan ini merupakan gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat yang akan diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British. Kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan dengan membentuk sebuah Majlis Raja-raja yang membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara tertentu seperti dalam bidang perundangan, rang undang-undang perlu mendapat perkenan daripada Raja-raja Melayu. Kewarganegaraan pula dilaksanakan secara kuat kuasa undang-undang, iaitu kewarganegaraan *Jus Soli* hanya diberikan kepada rakyat Raja dan rakyat British sahaja, dan kewarganegaraan secara pendaftaran bagi mereka yang dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu dan bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari mereka memohon.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 134–135*

11 **A**

**Ulasan:** Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan bergerak aktif menyebarkan fahaman komunis melalui kesatuan sekerja, pertubuhan, penerbitan akhbar dan sekolah Cina. Selepas Jepun menyerah kalah, berlaku kekosongan politik di Tanah Melayu kerana kelewatan British kembali ke Tanah Melayu. Ini telah memberi peluang PKM meluaskan pengaruhnya. PKM kemudiannya diharamkan oleh British.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 147*

12 **D**

**Ulasan:** Melonggarkan syarat kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu untuk menjadi rakyat Tanah Melayu merupakan salah satu usaha dalam menangani ancaman komunis melalui Perang Saraf, iaitu usaha memenangi hati dan fikiran rakyat. Langkah ini penting dalam mewujudkan bangsa yang bersatu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 159*

13 **D**

**Ulasan:** Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) ditubuhkan pada Januari 1949 yang menghimpunkan pemimpin tiga kaum utama, iaitu Melayu, Cina dan India. Ia bertujuan untuk membentuk kerjasama antara kaum sebagai syarat bagi mencapai kemerdekaan dan mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial ke arah mencapai status berkerajaan sendiri. Moto CLC melambangkan objektif CLC yang bertujuan untuk mengkaji hubungan kaum secara mendalam, membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial melalui pembahagian yang adil untuk semua dan mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan penduduk.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 174*

14 **B**

**Ulasan:** Pembentukan Parti Perikatan yang terdiri daripada UMNO, MIC dan MCA merupakan kerjasama politik ke arah kemerdekaan. Penyertaan MIC dengan UMNO dan MCA pada Oktober 1954 telah melengkapkan kerjasama tiga kaum terbesar di Tanah Melayu. Kerjasama ini penting untuk mencapai kemerdekaan dan memastikan penduduk berbilang kaum bersatu padu dan hidup dalam keadaan rukun dan damai. Logo kapal layar bagi Parti Perikatan melambangkan kesediaan menempuh cabaran dan rintangan bagi mencapai kemerdekaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 187*

15 **B**

**Ulasan:** Pilihan raya pada peringkat awal telah menyedarkan rakyat tentang amalan demokrasi. Pilihan raya ini memberikan pengalaman kepada rakyat dalam mengendalikan pilihan raya peringkat persekutuan yang diadakan pada tahun 1955. Pilihan raya ini juga merupakan persediaan ke arah berkerajaan sendiri.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 197*

16 **A**

**Ulasan:** Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu menunjukkan barisan pemimpin yang berwibawa yang terdiri daripada pelbagai kaum. Pembentukan kabinet ini menunjukkan kompromi para pemimpin menerusi jawatan yang diamanahkan, di samping bekerjasama dan berkongsi kuasa antara satu sama lain bagi mencapai kemerdekaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 205*

17 **A**

**Ulasan:** Salah satu kandungan di dalam draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ialah sistem kewarganegaraan berasaskan *jus soli* kepada semua yang lahir di Tanah Melayu. Perkara ini mendapat tentangan daripada Dato' Onn Jaafar daripada Parti Negara. PAS juga mengkritik soal kewarganegaraan yang dianggap tidak menjaga kepentingan orang Melayu dan kedudukan agama Islam. Hal ini telah mendorong Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat mengadakan kongres pada 4 hingga 7 Mei 1957 untuk membincangkan draf perlembagaan ini.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 222–223*

18 **C**

**Ulasan:** Pada 9 Mei 1957, Tunku Abdul Rahman, Dato' Abdul Razak Hussein, Ong Yoke Lin dan V.T. Sambanthan berlepas ke London sekali lagi untuk berbincang dengan kerajaan British tentang isu kewarganegaraan dan beberapa isu yang belum muktamad. Beberapa perubahan dan pindaan dibuat pada draf perlembagaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 223*

19 **C**

**Ulasan:** Pemasyhuran kemerdekaan negara kita pada 31 Ogos 1957 merupakan peristiwa yang penting bagi negara kita. Pemasyhuran ini membuktikan bahawa negara kita telah bebas daripada cengkaman kuasa asing dan bebas menentukan pemerintahan serta hala tuju negara. Sambutan kemerdekaan ini merupakan muafakat pemimpin dan rakyat yang berbilang kaum yang terlibat dalam persediaan pemasyhuran kemerdekaan negara kita.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 232–239*

20 **B**

**Ulasan:** Salah satu aspek prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu ialah aspek kerajaan. Kerajaan ialah institusi yang menguruskan dan mentadbir negara. Kerajaan terbahagi kepada tiga komponen utama, iaitu Badan Eksekutif, Badan Perundangan dan Badan Kehakiman. Kerajaan dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya merupakan aspek utama dalam amalan demokrasi. Selain mempunyai kerajaan, aspek lain dalam prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu ialah, wilayah pengaruh – kawasan yang mempunyai sempadan untuk membentuk Persekutuan Tanah Melayu; keunggulan undang-undang kerajaan dan rakyat tertakluk di bawah undang-undang; lambang – seperti Jata Negara, lagu kebangsaan dan bendera kebangsaan merupakan identiti, jati diri rakyat dan simbol perpaduan; dan pengiktirafan rakyat yang membolehkan kita mendapat hak asasi.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 246–247*

21 **C**

**Ulasan:** Ciri negara berdaulat menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik. Adalah penting untuk menjiwai dan mempertahankan identiti negara agar negara luar menghormati kedaulatan negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 9*

22 **A**

**Ulasan:** Sejak awal kemerdekaan, pemerintah dan rakyat berusaha mengekalkan perpaduan kaum kerana ia penting dalam usaha mengekalkan kedaulatan negara. Menggunakan bahasa kebangsaan dan menghayati rukun negara merupakan salah satu langkah rakyat bagi menjamin perpaduan kaum.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 13*

23 **A**

**Ulasan:** Terdapat empat ciri tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan. Antaranya, kesultanan atau pemerintahan beraja – sebelum merdeka, raja atau sultan berkuasa penuh di negeri masing-masing. Selepas merdeka, pemerintahan beraja disesuaikan dengan konsep demokrasi berparlimen dan Yang di-Pertuan Agong sebagai kuasa tertinggi di negara mengikut perlembagaan. Agama Islam – sebelum merdeka, raja berkuasa penuh dalam hak dan kedaulatan raja, adat istiadat orang Melayu dan agama Islam. Selepas merdeka agama Islam di negeri Melayu terletak di bawah kuasa raja di negeri masing-masing dan bagi Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri yang tidak beraja, terletak di bawah YdPA. Bahasa Melayu – sebelum merdeka menjadi *lingua franca* dan bahasa ilmu. Kini bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi; dan kedudukan orang Melayu dan bumiputera – sebelum


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

merdeka, ia di bawah kuasa raja dan ketua peribumi. Selepas merdeka, YdPA bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera serta kepentingan sah kaum lain.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 28–29*

**24** **B**

**Ulasan:** Pindaan Perlembagaan 1965 adalah berkaitan dengan pemisahan Singapura daripada Malaysia. Tunku Abdul Rahman membawa usul pindaan perlembagaan yang dinamakan pindaan Singapura pada 7 Ogos 1965. Parlimen telah meluluskan usul ini supaya Singapura keluar daripada Malaysia. Oleh itu, semua yang berkaitan dengan Singapura dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia (pindaan 1965) seperti imigresen, kewangan, hubungan luar dan pertahanan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 31*

**25** **C**

**Ulasan:** Durbar ialah perjumpaan atau persidangan umum yang diadakan oleh Raja Melayu dengan British. Durbar dibentuk pada tahun 1897 seiring dengan penubuhan NNMB. Durbar berperanan menjadi sebuah majlis persidangan bagi Raja-raja Melayu negeri Perak, Selangor Negeri Sembilan dan Pahang untuk membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan pihak British.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 42*

**26** **A**

**Ulasan:** Badan kehakiman ialah badan yang bertanggungjawab mentafsirkan dan melaksanakan undang-undang serta mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Peranan badan kehakiman adalah untuk mengadili pertikaian antara pemerintah dengan rakyat mahupun sesama rakyat. Ia juga menyelesaikan konflik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 55*

**27** **B**

**Ulasan:** Pengurusan hidupan liar dan taman negara merupakan tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam memulihara khazanah negara kerana negara kita terkenal dengan kekayaan flora dan fauna. Di samping mewujudkan kawasan perlindungan dan taman negara, Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 diwujudkan dan kini diganti dengan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 74*

**28** **D**

**Ulasan:** Kerajaan Persekutuan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi membina rumah untuk rakyat berpendapatan rendah. Kerajaan Persekutuan melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) pada tahun 1997 untuk membina perumahan awam di seluruh negara. Kerajaan Negeri juga memperkenalkan program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) melalui peruntukan kewangan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Penyediaan perumahan ini bukan sahaja untuk menyelesaikan kekurangan rumah tetapi juga sebagai langkah menghapuskan kemiskinan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 77*

**29** **B**

**Ulasan:** Penubuhan JSKM merupakan salah satu langkah pembentukan Malaysia. JSKM ditubuhkan ketika Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura pada 23 Julai 1961. Tujuan penubuhan JSKM ialah meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia, menyediakan ruang perbincangan bagi mendapatkan kata sepakat, mengumpulkan pandangan tentang pembentukan Malaysia, menyebarkan maklumat berkaitan dengan Malaysia; dan memupuk aktiviti penghebahan dan mempercepatkan pembentukan Malaysia. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam memberikan kefahaman kepada pemimpin dan mendapatkan sokongan terhadap pembentukan Malaysia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 99*

**30** **D**

**Ulasan:** Pada November 1961, rundingan berhubung pembentukan Malaysia diadakan di London antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan kerajaan British. Kedua-dua kerajaan bersetuju agar ditubuhkan sebuah suruhanjaya bagi meninjau reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah. Kemudian Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan bagi menyediakan laporan dari tinjauan tersebut.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 100*

**31** **B**

**Ulasan:** Krisis perlembagaan berlaku di Sarawak pada Jun 1966, apabila 21 orang ahli Council Negri tidak berpuas hati dengan kepimpinan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak. Beliau telah dipecat oleh Gabenor dan Stephen mencabar tindakan ini di Mahkamah Tinggi Sarawak. Beliau telah memenangi kes dan kembali menjadi Ketua Menteri. Tetapi Council Negri telah melaksanakan undi tidak percaya kepada beliau. Krisis politik ini menyebabkan ketidakstabilan politik dan mengancam keselamatan dan keamanan Sarawak. Darurat diisytiharkan di Sarawak. Akhirnya, Stephen Kalong Ningkan digantikan dengan Tawi Sli.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 118*

32 **D**
**Ulasan:** Komunis melakukan ancaman melalui gerakan politik dan serangan bersenjata. Gerakan komunis juga terlibat dalam politik. Mereka menentang gagasan Malaysia. Penglibatan mereka menyebabkan kerajaan Sarawak memburu dan menangkap ahli yang terlibat. Mereka melarikan diri ke Kalimantan dan membentuk Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU). PKKU meneruskan penentangan melalui Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) dan Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS) untuk membentuk republik komunis di Sarawak.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 121*

33 **A**
**Ulasan:** Usaha mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional merupakan cabaran besar yang dihadapi oleh Malaysia. Penduduk yang pelbagai budaya ini, perpaduan sentiasa menjadi agenda bagi pengurusan masyarakat dan pemerintahan negara ini. Selain itu, jarak antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah yang jauh menjadi cabaran kepada integrasi nasional serta sukar memupuk semangat satu negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 118*

34 **D**
**Ulasan:** Kedudukan bahasa kebangsaan diperkukuhkan dengan memperuntukkannya sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan melalui Akta Pendidikan 1996. Kedudukan ini diperkuat lagi dengan menjadikan bahasa tersebut sebagai mata pelajaran yang wajib diajar di semua sekolah dan institusi pendidikan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 147*

35 **B**
**Ulasan:** Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Tun Abdul Razak merupakan salah satu usaha kerajaan dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Matlamat rancangan ini untuk menambahkan pendapatan rakyat dan pengeluaran bahan makanan supaya cukup untuk keperluan negara. Rancangan ini memberikan tumpuan kepada penggunaan tanah yang sepenuhnya seperti tanaman jangka pendek, perkebunan berkelompok, penternakan, pemasaran yang baik dan projek kecil yang lain.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 169*

36 **C**
**Ulasan:** Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dilancarkan untuk memudahkan kaum bumiputera memiliki saham dalam syarikat berhad. Pemilikan modal saham ini bertujuan untuk mengurangkan jurang dari segi taraf hidup dan pendapatan antara bumiputera dan bukan bumiputera. Ia juga untuk merupakan langkah DEB untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 168 & 172*

37 **C**
**Ulasan:** Malaysia terlibat dalam misi pegawai pemerhati di bawah PBB di negara yang menghadapi konflik seperti Sierra Leone, Chad-Libya, Bosnia dan Herzegovina, Iraq, Kemboja, Liberia, Congo, Namibia, Angola, Mozambique, Ethiopia dan Timor Leste. Tugas pegawai pemerhati antaranya termasuklah membantu pentadbiran dan pengurusan, memberikan latihan teknikal dan menjadi jurubahasa.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 202*

38 **A**
**Ulasan:** Malaysia turut menyertai Rancangan Colombo, iaitu rancangan pembangunan ekonomi dan sosial di bawah Komanwel yang dilaksanakan oleh Komanwel. Rancangan ini bertujuan menangani masalah kemiskinan dalam kalangan anggota Komanwel, mendapat khidmat nasihat berkaitan dengan pendidikan, pertanian, teknikal dan kesihatan, dan terlibat dalam program latihan untuk kakitangan awam dan pembangunan sektor swasta.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 206*

39 **C**
**Ulasan:** Penglibatan rakyat dalam isu kemanusiaan dan keamanan dapat dilihat melalui penglibatan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), Muslim Care Malaysia, Aman Palestin dan Cinta Gaza Malaysia, dan lain-lain terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan bagi membantu masyarakat yang tertindas dan golongan yang kurang bernasib baik sama ada disebabkan bencana alam mahupun peperangan. Isu Palestin dan Syria merupakan isu yang menonjolkan penglibatan rakyat Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa, selain daripada misi kemanusiaan Aceh dan Sri Langka.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 234*

40 **D**
**Ulasan:** Malaysia menandatangani Perjanjian Zon Senjata Nuklear Asia Tenggara pada 1995 untuk memastikan pertahanan dan keselamatan rantau Asia Tenggara berada dalam keadaan aman dan selamat terutamanya daripada persaingan senjata nuklear. Perjanjian ini menekankan agar negara yang terlibat tidak mengembangkan, mengeluarkan, memperoleh, memiliki atau mengawal senjata nuklear. Malaysia tidak berdiam diri dan membiarkan perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan digunakan oleh kapal perang asing yang membawa senjata nuklear.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 244*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

## KERTAS 2

**Bahagian A**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 90–109* | F1 Semangat Asia<br>F2 Asia untuk Orang Asia<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan slogan yang digunakan oleh Jepun semasa penguasaan ke Tanah Melayu. | 1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **1**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 72* | F1 Jepun bertindak menutup sekolah Inggeris dan Cina<br>F2 Terdapat bangunan sekolah tersebut digunakan untuk keperluan pentadbiran tentera Jepun<br>F3 Sistem persekolahan Jepun diperkenalkan<br>H3a Menekankan semangat Jepun (Nippon Seishin)<br>H3b Menghormati kebudayaan dan Maharaja Jepun (Tenno Heika)<br>F4 Pengajaran bahasa Jepun (Nippon Go) dijalankan secara meluas<br>H4 Untuk menjadikan bahasa Jepun sebagai lingua franca dalam Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya<br>F5 Sekolah bermula dengan perhimpunan pagi menghadap arah negara Jepun<br>H5 Dan menyanyikan lagu kebangsaan Jepun (Kimigayo)<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan usaha yang dilakukan oleh pihak Jepun dalam menjalankan dasar pendidikan di negara kita selepas penguasaan Jepun.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **1**(*c*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 72* | F1 Untuk membentuk semangat persaudaraan sejagat (Hakko Ichiu)<br>F2 Untuk mencapai teknologi industri<br>F3 Untuk meningkatkan disiplin<br>F4 Dan menerapkan nilai Jepun<br>F5 Tentera Jepun berusaha memupuk nasionalisme Asia<br>F6 Menghapuskan pengaruh barat<br>F7 Dan menanamkan kesetiaan kepada Jepun melalui pendidikan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sebab Jepun memperkenalkan sistem persekolahan Jepun di Tanah Melayu.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **2**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178* | F1 Lee Tiang Keng<br>F2 Tunku Yaacob ibni Sultan Abd. Hamid<br>F3 Dato' Mahmud Mat<br>F4 Dato' Nik Ahmad Kamil<br>F5 Dr. Ismail Abdul Rahman<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan nama dua Ahli lain dalam Sistem Ahli 1951 yang tiada di dalam gambar.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **2**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178* | F1 Selaras dengan dasar dekolonisasi British<br>F2 Menyediakan langkah berkerajaan sendiri secara beransur-ansur kepada tanah jajahan<br>F3 Usaha Dato' Onn Jaafar<br>H3a Meminta agar tindakan diambil untuk menambah peluang pentadbiran kepada wakil tempatan<br>H3b Kerana kekurangan pegawai tempatan dalam perkhidmatan kerajaan<br>F4 Menyediakan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan sebab Sistem Ahli ditubuhkan.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **2**(*c*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178* | F1 Hal Ehwal Ekonomi<br>F2 Perindustrian dan Perhubungan Sosial<br>F3 Perumahan dan Kerja Raya<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan portfolio yang masih dikekalkan di bawah pentadbiran British.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **2**(*d*)<br>*KBAT* | Sistem Ahli<br>F1 Nama keanggotaan Sistem Ahli dikenal sebagai Ahli<br>F2 Cara pemilihan bagi Sistem Ahli ialah Ahlinya terdiri daripada pegawai tadbir dan tokoh masyarakat<br>H2a Yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi<br>H2b Diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong<br>F3 Peranan Sistem Ahli ialah menguruskan pentadbiran jabatan<br>H3 Dan mencadangkan undang-undang<br>F4 Tempoh jawatan Ahli dalam Sistem Ahli bermula pada 1951 hingga 1955 Sistem Jemaah Menteri<br>F5 Manakala anggota Sistem Jemaah Menteri dikenal sebagai menteri<br>F6 Menteri dalam Sistem Jemaah Menteri dipilih oleh rakyat<br>H6a Melalui sistem pilihan raya<br>H6b Dilantik oleh Perdana Menteri<br>H6c Diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong<br>F7 Peranan Sistem Jemaah Menteri ialah menjadi badan pelaksana kerajaan persekutuan<br>H7 Mencadangkan, membahaskan dan meluluskan undang-undang<br>F8 Ditentukan melalui keputusan pilihan raya lima tahun sekali<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki membandingkan antara ciri-ciri Sistem Ahli dengan Jemaah Menteri.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **3**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 78–79* | F1 Memastikan keselamatan rakyat<br>F2 Menjamin kedaulatan negara<br>F3 Menyekat ancaman komunis<br>F4 Menghadapi pencerobohan pengganas<br>F5 Mengawal sempadan negara<br>F6 Mengembalikan semula ketenteraman awam<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan matlamat penubuhan RASCOM dan ESSCOM.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **3**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 78–79* | RASCOM<br>F1 Ancaman komunis semakin meningkat di Sarawak<br>H1 Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia kedua (Pengerusi Majlis Keselamatan Negara) mengisytiharkan Bahagian Ketiga Sarawak sebagai Rajang Area Security Command (RASCOM) atau Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang pada 26 Mac 1972<br>F2 Ketua Menteri Sarawak bertanggungjawab menyelaraskan fungsi dan aktiviti pasukan keselamatan dengan pejabat awam dalam kawasan RASCOM<br>F3 Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui RASCOM merupakan strategi yang berjaya memulihkan serta mengekalkan keselamatan dan keamanan di bahagian tengah Sarawak<br><br>ESSCOM<br>F4 Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menubuhkan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM – Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah)<br>H4 Akibat pencerobohan pengganas dari Kepulauan Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah (12 Februari 2013)<br>F5 Misi ESSCOM untuk meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah daripada ancaman melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan<br>F6 ESSCOM bertanggungjawab mengawasi keselamatan 10 daerah di Pantai Timur Sabah<br>H6 Dikenal sebagai Eastern Sabah Security Zone (ESSZONE – Zon Keselamatan Timur Sabah<br>F7 ESSCOM memambah baik aspek keselamatan membuktikan komitmen kerajaan pada setiap peringkat – usaha mengembalikan semula ketenteraman demi kesejahteraan rakyat Sabah<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan cabaran yang dihadapi oleh RASCOM dan ESSCOM dalam meningkatkan keselamatan negara.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | <br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Melicinkan pentadbiran<br>H1a Membolehkan usaha pembangunan dilaksanakan bersama<br>H1b Menggalakkan sikap proaktif dalam kalangan pemimpin<br>H1c Memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat<br>C1 Kerjasama menangani pandemik Covid-19 – melicinkan pentadbiran dan penularan Covid-19 dapat diatasi bersama<br>F2 Mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat<br>H2a Rakyat menikmati pembangunan bersama<br>H2b Tiada jurang yang ketara di setiap negeri<br>H2c Tiada isu-isu tidak puas hati<br>C2a Kemudahan rumah mampu milik – PRIMA<br>C2b Kesannya kebajikan rakyat terjaga<br>F3 Menjaga keselamatan negara<br>H3a Mengekalkan ketenteraman awam<br>H3b Menangani ancaman jenayah rentas sempadan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | C3 RASCOM dan ESSCOM membuktikan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam menjaga keselamatan Sarawak dan Sabah kedaulatan negara dapat dikekalkan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kepentingan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memelihara kedaulatan negara.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 238* | F1 Kesan rumah hijau<br>F2 Kerosakan dan penipisan ozon<br>F3 Pencemaran yang disebabkan aktiviti manusia yang tidak terkawal<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan isu-isu yang berkaitan alam sekitar dalam Deklarasi Langkawi.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **4**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 238* | F1 Pemberian Anugerah Langkawi<br>H1a Diberikan kepada warganegara Malaysia<br>H1b Yang menunjukkan komitmen dan sumbangan besar dalam bidang alam sekitar<br>F2 Malaysia melaksanakan Dasar Alam Sekitar Negara 2002<br>H2 Yang menjadi asas dalam pembangunan negara<br>F3 Pada 2006 kerajaan negeri Kedah mengisytiharkan Langkawi sebagai geopark<br>H3 Bagi memastikan kelestariannya terjamin<br>F4 Malaysia melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara pada tahun 2009<br>H4a Untuk menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau<br>H4b Bagi mengawal perubahan iklim<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan dengan bukti bahawa Malaysia sangat komited dalam menyelesaikan isu alam sekitar.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Menangani masalah perubahan iklim<br>H1a Mengurangkan masalah pemanasan global<br>H1b Menyerap karbon dioksida dan menyederhanakan suhu<br>F2 Mewujudkan bandar dalam taman<br>H2 Mengurangkan fenomena Pulau Haba Bandar<br>C2 Bandar Putrajaya dan Kuala Lumpur<br>F3 Menambah keluasan kawasan hijau di Malaysia<br>H3a Lebih banyak kawasan akan dilitupi oleh pokok<br>H3a Membekalkan oksigen kepada manusia<br>H3b Mewujudkan kawasan rekreasi kepada penduduk<br>C3 Taman Botani Perdana Kuala Lumpur dan Taman Tasik Taiping<br>F4 Menjamin kesihatan penduduk<br>F5 Menjamin persekitaran yang seimbang<br>F6 Mengelakkan bencana alam<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar kepada negara dan dunia.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

**Bahagian B**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 9* | F1 Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua peringkat, iaitu pentadbiran pusat | 1 |
| | H1a Dan pentadbiran peringkat jajahan | 1 |
| | F2 Pentadbiran pusat dilaksanakan oleh Pembesar Berempat | 1 |
| | H2a Bendahara | 1 |
| | H2b Yang menjalankan tugas sebagai ketua pentadbir | 1 |
| | H2c Ketua turus angkatan tentera | 1 |
| | H2d Menasihati sultan dalam pelbagai hal | 1 |
| | H2e Menjadi pemangku sultan | 1 |
| | F3 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem kewangan yang teratur | 1 |
| | F4 Sumber pendapatan diperoleh daripada urusan perdagangan, cukai dan ufti | 1 |
| | F5 Penghulu Bendahari dilantik | 1 |
| | H5a Bagi menguruskan perbendaharaan secara teratur | 1 |
| | H5b Syahbandar mengutip cukai di pelabuhan | 1 |
| | H5c Pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan | 1 |
| | H5d Hasil perbendaharaan digunakan untuk kepentingan kerajaan | 1 |
| | H5e Seperti membeli senjata dan membina istana | 1 |
| | F6 Sistem keselamatan Kesultanan Melayu Melaka adalah kemas untuk menjaga keamanan di darat dan di laut | 1 |
| | F7 Temenggung | 1 |
| | H7 Dilantik untuk menjaga keselamatan kota | 1 |
| | F8 Laksamana | 1 |
| | H8 Bertindak sebagai panglima angkatan laut Melaka | 1 |
| | F9 Pada peringkat jajahan pembesar ditugaskan untuk menguruskan pentadbiran di daerah dan kampung | 1 |
| | H9a Pembesar dilantik oleh sultan dan Pembesar Berempat | 1 |
| | H9b Peranan pembesar termasuklah menjaga dan mengekalkan kawasan pentadbiran | 1 |
| | H9c Dibenarkan mengutip cukai | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka, iaitu Pembesar Berempat pada peringkat pusat dan pembesar pada peringkat jajahan. [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **5**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 10–11* | F1 Keunggulan undang-undang dalam sesebuah pemerintahan | 1 |
| | H1a Merupakan asas pembentukan negara dan bangsa | 1 |
| | H1b Merupakan cara untuk mengawal masyarakat | 1 |
| | H1c Melalui peraturan yang telah ditetapkan bagi menjamin hak dan keamanan rakyat | 1 |
| | F2 Keunggulan sesebuah undang-undang akan menentukan struktur kerajaan | 1 |
| | C2 Kehakiman, bahasa, agama dan kerakyatan sesebuah kerajaan dan negara | 1 |
| | F3 Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka terdapat dua undang-undang | 1 |
| | H3 Iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka yang dipengaruhi oleh hukum adat tempatan dan agama Islam | 1 |
| | F4 Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 fasal | 1 |
| | H4a Yang menyentuh bidang kuasa raja dan pembesar serta pantang larang dalam kalangan anggota masyarakat | 1 |
| | H4b Ia turut menyatakan hukuman terhadap kesalahan jenayah awam | 1 |
| | F5 Manakala Undang-undang Laut Melaka pula menyentuh perkara yang berkaitan dengan tatacara pelayaran di laut | 1 |
| | H5 Bidang kuasa nakhoda kapal dan hukuman bagi kesalahan jenayah | 1 |
| | C5 Seperti tanggungjawab pengawal kapal, atur cara pelayaran, perniagaan | 1 |
| | F6 Menjadikan KMM sebuah kerajaan yang terkenal | 1 |
| | F7 Mewujudkan pentadbiran yang tersusun | 1 |
| | F8 Menjamin perjalanan pemerintahan yang lancar/ cekap | 1 |
| | F9 Menjamin keselamatan KMM | 1 |
| | F10 Mewujudkan keharmonian/ kesejahteraan | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F11 Menggambarkan kebijaksanaan pemerintah | **1** |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab pelaksanaan Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka dalam Kesultanan Melayu Melaka. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **5**(*c*) *KBAT* | F1 Negara dapat diperintah dengan lancar | 1 |
| | H1a Suasana kehidupan menjadi teratur | 1 |
| | H1b Rakyat dapat hidup dalam suasana aman | 1 |
| | C1a Rakyat patuh kepada undang-undang negara | 1 |
| | C1b Sistem politik akan menjadi stabil | 1 |
| | F2 Melahirkan rakyat yang setia kepada raja dan negara | 1 |
| | H2 Mengukuhkan institusi raja/ Raja Berperlembagaan | 1 |
| | C2a Rakyat tidak boleh mempertikaikan kewibawaan dan kedudukan sultan di negara | 1 |
| | C2b Kedaulatan dan kesejahteraan negara dapat dikekalkan | 1 |
| | F3 Seterusnya dapat memajukan ekonomi sesebuah negara | 1 |
| | H3a Hal ini memboleh rakyat dapat hidup makmur | 1 |
| | H3b Oleh itu, imej negara akan meningkat | 1 |
| | C3 Seperti kemajuan dalam perdagangan luar | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kesan mewarisi keunggulan pentadbiran dan undang-undang dalam Kesultanan Melayu Melaka yang diamalkan untuk mengukuhkan negara bangsa kita. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **6**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 38* | F1 Merangsang pemikiran masyarakat Huachiao/ kaum Cina seberang laut | 1 |
| | F2 Menyeru mengekalkan identiti bangsa | 1 |
| | F3 Memperjuangkan nasib kaum wanita | 1 |
| | F4 Menyemai perasaan cinta akan negara China | 1 |
| | F5 Memuatkan soal pemerintahan monarki di China | 1 |
| | F6 Persoalan pergolakan politik di China | 1 |
| | F7 Pada tahun 1929, penulisan bersifat antiimperialisme | 1 |
| | F8 Memperjuangkan soal kesatuan sekerja | 1 |
| | F9 Keadilan sosioekonomi bagi masyarakat Cina kelas bawahan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan isu yang dibangkitkan di dalam akhbar Cina dalam membangkitkan perasaan nasionalisme orang Cina. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **6**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 38* | F1 Mengetengahkan isu dan hak masa depan bangsa | 1 |
| | F2 Polemik kaum muda dan kaum tua | 1 |
| | F3 Isu pentadbiran negara | 1 |
| | F4 Masalah ekonomi/ sosial bangsa | 1 |
| | F5 Bersuara tentang pendidikan dan politik tanah air | 1 |
| | H5 Seperti pengarang Muhammad Yusof Ahmad (Tok Kenali) Muhammad Yusof Abdul Hamid, Dato' Onn Jaafar dan Abdul Rahman Kajai | 1 |
| | F6 Akhbar Fajar Sarawak pula menjadi saluran menyedarkan kaum yang dijajah | 1 |
| | H6 Yang ditulis oleh Muhammad Rakawi Yusuf/ Muhammad Awi Anang/ Muhd Daud Abdul Ghani/ Haji Abdul Rahman Kassim | 1 |
| | F7 Menggesa masyarakat bangkit menuju kemajuan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan isu yang dibangkitkan di dalam akhbar yang dinyatakan. | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **6**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Perangsang kepada pemikiran baharu<br>H1a Hal ini kerana, akhbar mengandungi pelbagai maklumat yang bernilai positif untuk pembangunan negara<br>H1b Mereka mudah untuk berfikiran rasional mengenai sesuatu pembaharuan<br>H1c Kerana akhbar mampu mempengaruhi fikiran mereka<br>C1 Akhbar Berita Harian menyediakan ruangan seperti ruangan resensi buku, sudut bicara agama dan sudut sastera dan budaya untuk menambahkan ilmu pengetahuan pembacanya<br>F2 Akhbar turut berperanan sebagai tempat untuk rakyat meluahkan masalah serta rayuan bantuan<br>H2a Hal ini kerana, akhbar menyediakan satu ruangan khas kepada rakyat<br>H2b Melalui ruangan khas ini, rakyat boleh mengadu apa-apa kepada kerajaan ataupun meminta pendapat orang ramai mengenai sesuatu isu<br>H2c Dengan ini, masalah pembangunan infrastruktur luar bandar boleh diselesaikan dengan langkah yang bijak apabila mengetahui di dalam hati rakyat<br>F3 Akhbar merupakan sesuatu sumber dan saluran pelbagai maklumat kepada masyarakat<br>H3 Hal ini kerana, akhbar memaparkan berbagai-bagai maklumat di dalam atau di luar negara<br>C3a Ia meliputi pelbagai bidang seperti kesusasteraan, pendidikan dan ekonomi<br>C3b Dengan adanya maklumat-maklumat ini, masyarakat dapat meluaskan pengetahuan mereka<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan atau fungsi akhbar pada hari ini. Calon digalakkan memberi huraian dan contoh yang sesuai dengan fakta/ isi yang diberikan.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m* | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **7**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 242* | F1 Pengamalan Sistem Raja Berperlembagaan<br>H1a Setelah merdeka, negara kita mengamalkan konsep Raja Berperlembagaan<br>H1b Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua utama negara dengan bidang kuasa tertentu<br>F2 Sistem Demokrasi Berparlimen<br>H2a Rakyat mempunyai kuasa memilih kerajaan dan pemerintah melalui pilihan raya<br>H2b Pelaksanaan pilihan raya memberi rakyat hak bersuara dan pilih wakil<br>H2c Menentukan hala tuju masa depan dan kesejahteraan negara<br>H2d Parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan<br>H2e Pada peringkat negeri pula, Dewan Undangan Negeri berkuasa menggubal undang-undang lebih berkesan dan mampu memakmurkan negara<br>F3 Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Perdana Menteri PTM pertama<br>H3a Beliau mengekalkan ahli kabinet dan membuat perubahan<br>H3b Dengan melantik Dato' Abdul Razak Hussein sebagai Timbalan Perdana Menteri<br>H3c PTM mempunyai Menteri Luar sebagai tanda kebebasan negara menjalankan dasar luar negara yang disandang oleh Tunku Abdul Rahman<br>F4 Menggantikan pegawai Eropah dengan rakyat tempatan<br>H4a Bidang profesional, pendidikan tinggi, keselamatan dan pertahanan<br>H4b Tunku Abdul Rahman dan Dato' Abdul Razak Hussein melaksanakan penggantian secara berperingkat<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sistem pemerintahan dan pentadbiran negara selepas kemerdekaan. Ia merupakan kesan kemerdekaan terhadap negara kita dalam bidang politik.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 6 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| 7(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 243* | F1 Dasar Luar | 1 |
| | H1a Kerajaan memberikan perhatian melalui pengukuhan Kementerian Luar | 1 |
| | H1b Pada 1957 kumpulan pertama pegawai dihantar ke Britain untuk mendapatkan latihan | 1 |
| | H1c Tokoh penting yang menentukan dasar luar negara ialah Tan Sri Muhammad Ghazali Shafie/ Dr. Ismail Abdul Rahman | 1 |
| | H1d Negara yang menjalinkan hubungan dengan negara kita ialah Indonesia/ India/ Australia/ New Zealand/ Mesir/ Jepun | 1 |
| | F2 Menganggotai Komanwel | 1 |
| | H2a Pertubuhan Komanwel bermanfaat merapatkan hubungan sosioekonomi dengan negara ahli | 1 |
| | H2b Menjadi medan negara kita mempamerkan komitmen terhadap isu dihadapi oleh negara anggota | 1 |
| | F3 Pertahanan negara | 1 |
| | H3a Sebelum merdeka, negara dilindungi melalui kerjasama pertahanan Britain/ Australia/ New Zealand | 1 |
| | H3b Selepas merdeka, negara kita mengekalkan hubungan baik dengan Britain dan negara Komanwel perjanjian pertahanan Anglo Malayan Defence Agreement (AMDA) 1957 | 1 |
| | F4 Penyertaan dalam blok Sterling | 1 |
| | H4a Menggunakan Pound Sterling dalam urusan perdagangan antarabangsa | 1 |
| | H4b Pendapatan tinggi negara kita hasil daripada getah dan bijih timah menguatkan kedudukan Pound Sterling | 1 |
| | H4c Mengukuhkan kedudukan ekonomi ahli Sistem Keutamaan Tarif Komanwel | 1 |
| | F5 Diiktiraf Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) | 1 |
| | H5a Pada 17 September 1957 menjadi ahli PBB yang ke-82 | 1 |
| | H5b 15 Oktober 1957, bendera negara rasmi dikibarkan di ibu pejabat PBB, New York | 1 |
| | H5c Negara menjunjung prinsip PBB melindungi hak asasi manusia | 1 |
| | F6 Misi pengaman PBB | 1 |
| | H6a Negara kita terlibat dalam misi pengaman PBB di Congo | 1 |
| | H6b Menggambarkan kepercayaan dan pengiktirafan tertinggi PBB kepada negara baharu dalam pengurusan konflik antarabangsa | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan dan penglibatan Persekutuan Tanah Melayu selepas mendapat kemerdekaan terutama dalam PBB dan Komanwel. Ia merupakan kesan kemerdekaan terhadap negara kita pada peringkat antarabangsa.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| 7(*c*)<br>*KBAT* | F1 Tema ini dipilih bagi memberikan peringatan kepada rakyat akan kepentingan bersatu mempertahankan negara | 1 |
| | H1a Mengingati susah payah orang dahulu yang telah berkorban demi negara kita yang tercinta | 1 |
| | H1b Kitalah pewaris yang harus meneruskan perjuangan ini hingga akhir hayat | 1 |
| | F2 Mewujudkan kesedaran rasa sayang dan cintakan negara | 1 |
| | H2a Di samping bersatu hati tanpa mengira perbezaan pendapat, ideologi, fahaman politik dan juga perbezaan agama dan bangsa | 1 |
| | C2a Peristiwa pencerobohan pengganas di Lahad Datu, Sabah baru-baru ini, majoriti rakyat telah mempamerkan semangat patriotik dan jati diri yang agak tinggi | 1 |
| | C2b Dengan memberi sokongan padu kepada anggota polis dan tentera yang dikatakan bersabung nyawa berdepan dengan pengganas | 1 |
| | C2c Masyarakat negara kita terus menanamkan rasa cinta kepada negara | 1 |
| | F3 Kekukuhan ekonomi dan perpaduan kaum menjadi kunci kepada keutuhan kemerdekaan yang telah dilalui | 1 |
| | H3a Rakyat menikmati agihan kestabilan politik, kemewahan ekonomi dan keadilan sosial yang sama dan seimbang | 1 |
| | H3b Pendidikan terus memacu rakyat untuk menjadi bangsa yang moden, beradab dan dihormati | 1 |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | C3 Oleh itu, Malaysia harum di pentas dunia sebagai sebuah negara membangun yang maju dan stabil | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan pendapat berkenaan tema Kemerdekaan 2013, iaitu "Malaysia Berdaulat Tanah Tumpahnya Darahku". Calon digalakkan memberi huraian dan contoh yang sesuai dengan fakta/ isi yang diberikan.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 141* | F1 Kesan dasar pentadbiran British menyebabkan munculnya sistem pendidikan vernakular | 1 |
| | C1 Vernakular Melayu, Cina, India dan Inggeris di negara kita | 1 |
| | H1a Sekolah vernakular berkembang mengikut kaum dan diteruskan selepas kemerdekaan | 1 |
| | H1b Pendidikan vernakular mewujudkan perbezaan pemikiran dalam kalangan rakyat berbilang kaum | 1 |
| | F2 Kegiatan ekonomi yang berbeza antara kaum | 1 |
| | H2 Wujud jurang ekonomi yang tidak seimbang | 1 |
| | F3 Pemisahan petempatan (kawasan perlombongan, bandar, estet dan kampung) | 1 |
| | H3a Pekerja luar dibawa masuk kerja dalam sektor perlombongan, perladangan dan perniagaan | 1 |
| | H3b Kaum bumiputera bertumpu di kawasan luar bandar | 1 |
| | H3c Dan menjalankan kegiatan ekonomi tradisional | 1 |
| | H3d Hal ini menyebabkan kaum-kaum ini terpisah dan hubungan kaum renggang | 1 |
| | H3e setiap kaum kurang berinteraksi antara satu sama lain | 1 |
| | H3f Masalah hubungan kaum berterusan | 1 |
| | F4 Fahaman politik berasaskan kaum bermula dengan penubuhan parti politik sebelum kemerdekaan hingga kini | 1 |
| | H4a Parti politik ini memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing | 1 |
| | H4b Keadaan ini mempengaruhi hubungan antara kaum | 1 |
| | C4 Isu diperjuangkan – bahasa, budaya, pendidikan dan ekonomi | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab sistem pendidikan pada zaman British tidak menggalakkan perpaduan kaum yang berpunca daripada dasar pentadbiran British.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **8**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 144–147* | F1 Dasar ini dilaksanakan melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 atau dikenal sebagai Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957 | 1 |
| | F2 Semua dasar pendidikan sebelum ini disemak semula hasilkan Laporan Rahman Talib dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 | 1 |
| | F3 Laporan Rahman Talib | 1 |
| | H3a Jawatankuasa dipengerusikan Abdul Rahman Talib | 1 |
| | H3b Laporan jawatankuasa ini menjadi asas penggubalan Akta Pelajaran 1961 | 1 |
| | H3c Laporan Rahman Talib mengekalkan teras sistem pendidikan kebangsaan untuk pupuk perpaduan dan integrasi | 1 |
| | H3d Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar semua peringkat pendidikan | 1 |
| | H3e Menggunakan bahasa seragam dapat mewujudkan perpaduan | |
| | H3f Mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasi negara kita bagi semua jenis sekolah untuk mewujudkan perasaan cinta akan negara | 1 |
| | H3g Laporan Rahman Talib mencadangkan agar mata pelajaran Sejarah ditambah untuk menanam perasaan cinta dan kesetiaan terhadap negara | 1 |
| | H3h Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat untuk membentuk sikap bertoleransi, bekerjasama dan persefahaman antara kaum | 1 |
| | H4b Mewujudkan sekolah kebangsaan – menggabungkan semua kaum untuk memupuk perpaduan | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H4c Memperkenalkan kursus kemahiran untuk melahirkan tenaga kerja mahir yang melibatkan pelbagai kaum serta persediaan memenuhi permintaan pasaran kerja | 1 |
| | F5 Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan pada September 1974 untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan | 1 |
| | H5a Antara kandungan Laporan Jawatankuasa Kabinet ialah bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dan mata pelajaran wajib dalam peperiksaan awam | 1 |
| | H5b Menekankan pendidikan kerohanian – mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral | 1 |
| | H5c Menekankan aktiviti kokurikulum yang melibatkan semua kaum – unit beruniform, sukan dan permainan serta persatuan | 1 |
| | H5d Hasil daripada laporan jawatankuasa ini Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan manakala 1988 – Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan Falsafah Pendidikan Negara digubal | 1<br>1 |
| | F6 Akta Pendidikan 1996 | |
| | H6a Kedudukan bahasa kebangsaan dikukuhkan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan melalui Akta Pendidikan 1996 | 1 |
| | H6b Kedudukan diperkuat lagi dengan bahasa dijadikan sebagai mata pelajaran wajib diajarkan di semua sekolah dan institusi pendidikan | 1 |
| | H6c Institusi pendidikan swasta dikehendaki adakan pengajaran bahasa kebangsaan, Pengajian Malaysia dan Pendidikan Islam/ Moral | 1 |
| | H6d Untuk pupuk semangat cinta akan negara dan nilai murni | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan langkah-langkah atau cara untuk memenuhi tujuan Dasar Pendidikan Kebangsaan, iaitu memupuk perpaduan kaum.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **8**(*c*)<br>KBAT | F1 Perpaduan kaum melahirkan suasana aman | 1 |
| | H1a Menjamin politik negara yang stabil | 1 |
| | H1b Masyarakat saling bekerjasama dan menerima permuafakatan politik | 1 |
| | H1c Menerima pakatan politik pelbagai parti politik | 1 |
| | H1d Meyakini perkongsian kuasa politik mengukuhkan negara | 1 |
| | H1e Mengambil kira kepentingan masa depan negara | 1 |
| | H1f Membantu pentadbiran negara berjalan lancar | 1 |
| | H1g Pihak pemerintahan dapat melaksanakan dasar pembangunan secara berkesan | 1 |
| | F2 Memantapkan integrasi nasional | 1 |
| | H2a Merapatkan hubungan sesama rakyat | 1 |
| | H2b Menjayakan usaha pembentukan identiti bangsa Malaysia | 1 |
| | H2c Menerima kebudayaan kebangsaan/ Prinsip Rukun Negara | 1 |
| | H2d Menggagalkan usaha golongan ekstremis agama/ politik | 1 |
| | H2e Mematuhi/ menerima kandungan perlembagaan negara | 1 |
| | H2f Mengelakkan sikap permusuhan/ saling membenci | 1 |
| | H2g Menyumbang tenaga/ idea untuk pembangunan negara secara bersama | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kepentingan perpaduan kaum dalam memastikan keharmonian kaum dan agama kekal utuh.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **9**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 212* | F1 Menolak dasar pro-Barat yang diamalkan sebelum itu<br>H1a Mengambil pendirian neutral<br>H1b Menyertai pakatan negara tanpa pihak<br>H1c Menjalinkan hubungan yang lebih terbuka dengan pelbagai pihak tanpa sebarang sekatan<br>F2 Penyertaan Malaysia bermula dengan kehadiran Muhammad Ghazalie Shafie/ SU tetap Kementerian Luar Negeri<br>H2a Menyertai persidangan NAM di Tanzania<br>H2b Mengesahkan peranan Malaysia dalam NAM<br>H2c 2003 Malaysia menjadi Tuan Rumah Sidang Kemuncak NAM<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab/ latar belakang pelibatan Malaysia dalam NAM.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **9**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 212–213* | F1 Tuan Rumah Sidang Kemuncak dan Pengerusi NAM<br>H1a Mempengerusikan persidangan NAM 2003/ 2006<br>H1b Diisytiharkan Deklarasi Kuala Lumpur<br>H1c Menyatakan pendirian terhadap isu Palestin<br>H1d Mengutuk pencerobohan kuasa besar terhadap negara kecil<br>C1 Serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq<br>F2 Membangkitkan isu antarabangsa<br>H2a Membangkitkan isu Aparteid<br>H2b Memberikan tekanan politik/ ekonomi kepada Afrika Selatan<br>H2c Membangkitkan isu Bosnia dan Herzegovina yang ditekan oleh Serbia<br>H2d Berjaya menggantungkan keahlian Yoguslavia dalam NAM<br>H2e Pelarian Bosnia Herzegovina diterima oleh Malaysia dan anggota NAM<br>F3 Menganjurkan keamanan dunia<br>H3a Menandatangani Pengisytiharan Lusaka<br>H3b Mendesak mengharamkan senjata nuklear<br>H3c Mendesak kuasa besar tidak campur tangan/ memberikan tekanan kepada negara rantau ini<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sumbangan dan peranan Malaysia dalam NAM.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **9**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Bekerjasama dengan badan dunia lain<br>H1 Malaysia boleh menyelesaikan masalah melalui rundingan<br>C1 Bekerjasama dengan PBB<br>F2 Ekonomi<br>H2a Meningkatkan perdagangan antara semua negara yang berpotensi<br>H2b Meluaskan pasaran dalam kalangan negara Islam dan negara membangun<br>C2 Mewujudkan Hab Halal dunia<br>F3 Membantu negara Islam miskin<br>H3 Memberi peluang ekonomi kepada negara-negara mundur<br>C3 Kilang Pemasangan PROTON di Karachi, Pakistan<br>F4 Membuka hubungan diplomatik yang luas<br>H4a Mengelakkan diri daripada kancah politik kuasa besar<br>H4b Tidak terlibat dalam Perang Dingin<br>H4c Melindungi kedaulatan negara serantau<br>H4d Bebas daripada campur tangan asing dalam hal ehwal negara<br>H4e Menjamin kestabilan politik serantau<br>H4f Tidak bersekongkol dengan mana-mana blok dunia<br>C4 Blok Kapitalis atau Blok Timur<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cara/ langkah-langkah untuk Malaysia aktif dalam pertubuhan antarabangsa.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |

# KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025 (SET 2)

## KERTAS 1

1 **B**

**Ulasan:** Ciri-ciri negara bangsa Alam Melayu terdiri daripada raja yang merupakan tonggak utama kerajaan yang dibantu oleh pembesar. Kedua, undang-undang yang menjamin kesejahteraan di seluruh wilayah pengaruh. Ketiga, wilayah pengaruh, iaitu kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja. Dan yang terakhir ialah rakyat, iaitu penduduk di sesebuah wilayah yang setia kepada raja.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 4*

2 **A**

**Ulasan:** Rakyat tidak akan menderhaka kepada raja kerana adanya konsep daulat dan derhaka yang telah dibuat antara pemerintah dengan golongan yang diperintah melalui waadat. Sekiranya berlaku penderhakaan, rakyat akan terkena tulah, iaitu kecelakaan yang menimpa seseorang kerana melanggar larangan atau titah raja dan menderhaka kepada raja.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 13*

3 **C**

**Ulasan:** Semangat *bushido* ialah sikap yang sanggup menanggung risiko, bersungguh-sungguh mencapai cita-cita dan sedia berkorban demi melaksanakan tanggungjawab terhadap ketua dan negara.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 27*

4 **D**

**Ulasan:** Kesatuan Melayu Singapura (KMS) antara persatuan terawal yang diasaskan oleh Mohammad Eunos Abdullah dan dianggotai oleh kakitangan kerajaan. Persatuan ini bertujuan menggalakkan ahli bergerak aktif dalam pentadbiran, memperjuang kepentingan orang Melayu dalam politik dan pendidikan. KMS bekerjasama dengan British dan meminta supaya lebih banyak peluang diberikan kepada orang Melayu dalam pentadbiran.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 40*

5 **A**

**Ulasan:** Sekatan ekonomi – tindakan menghentikan perdagangan dan membekukan semua harta milik Jepun di wilayah yang dikuasai British, Amerika Syarikat dan Belanda. Jalan keluar dari sekatan ekonomi oleh pihak Bersekutu, Jepun merancang menguasai wilayah di selatan Asia Tenggara. Hasrat Jepun membentuk pemerintahan baharu di Asia Pasifik mencapai kemuncak apabila rundingan di Amerika Syarikat untuk menamatkan sekatan ekonomi terhadap Jepun gagal.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 65*

6 **C**

**Ulasan:** Faktor yang mendorong Jepun menguasai negara kita ialah Jepun ingin mengeksploitasi bahan mentah di negara kita untuk keperluan industri kesan Pembaharuan Meiji dan operasi ketenteraan Jepun. Antaranya bijih timah dan getah di Tanah Melayu serta minyak di Miri Sarawak. Faktor kedua ialah kedudukan strategik negara kita sesuai untuk ketenteraan Jepun. Penguasaan Singapura membuka laluan penguasaan telaga minyak di Sumatera. Penguasaan Pulau Borneo menjayakan penaklukan di Pulau Jawa.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 68*

7 **A**

**Ulasan:** Pertubuhan-pertubuhan Melayu seperti Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS), Persatuan Melayu Kedah, Perikatan Melayu Perak, Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Melayu Johor telah berjaya menghimpunkan orang Melayu seluruh negara dan setiap lapisan masyarakat bantah MU. Persatuan Melayu menjadi penggerak dengan menganjurkan rapat umum – membantah cara MacMicheal mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 103*

8 **C**

**Ulasan:** Tiada penentangan daripada rakyat tempatan kerana Dasar British menindas kegiatan berpersatuan. British menawarkan kenaikan pangkat dan memindahkan ahli/ pemimpin aktif ke bandar lain. Kesannya, kegiatan persatuan lemah kerana masalah kewangan dan tiada pemimpin cekap. Selain itu, dasar British mengehadkan peluang dalam pentadbiran.Kesannya, penduduk Sabah kurang pengalaman dalam birokrasi Barat.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 116*

9 **D**

**Ulasan:** Penubuhan PTM 1948 memberi manfaat kepada orang Melayu kerana pembentukan perjanjian PTM 1948 mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain. Walaupun kewarganegaraan dibuka kepada orang bukan Melayu untuk menjadi warganegara, orang Melayu telah diiktiraf sebagai penduduk asal dan diberi kedudukan istimewa.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 136*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

10 **D**
**Ulasan:** Faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union. Selain itu, cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO. Terakhir ialah sokongan pentadbir British.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 132*

11 **B**
**Ulasan:** Pada awal tahun 1920-an mula dibawa masuk melalui cawangan Parti Kuomintang (KMT) yang beribu pejabat di China. Pertubuhan selain KMT ialah Main School yang bergerak dalam kalangan orang Hailam di bawah arahan Parti Komunis China (PKC). Pada 1927, perpecahan antara Parti KMT dengan PKC. Pada 1928, The Communist International (Comintern) yang berpusat di Moscow mengarahkan penubuhan Parti Komunis Nanyang (PKN).

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 146*

12 **A**
**Ulasan:** Rancangan Briggs dilancarkan pada 1950 oleh Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu. Tujuan utama – memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen yang membekalkan makanan, senjata, maklumat dan ubat-ubatan kepada PKM. Rancangan Briggs merupakan langkah berkesan melemahkan pergerakan komunis.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 157*

13 **B**
**Ulasan:** PKMM dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam. PKMM menetapkan matlamat politik untuk menanam semangat kebangsaan dan bekerjasama dengan kaum lain bagi membentuk perpaduan. PKMM memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya. Melalui slogan "Merdeka" – PKMM mendaulatkan hak rakyat dalam politik, ekonomi, agama, sosial dan kebudayaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 172*

14 **A**
**Ulasan:** Laporan Fenn-Wu 1951 diterbitkan berikutan bantahan masyarakat Cina terhadap Laporan Barnes. Laporan ini mengkaji pendidikan Cina dan mencadangkan penambahbaikan untuk menjadikan sekolah Cina sebagai institusi memberi faedah kepada penduduk Tanah Melayu. Antara kandungan Laporan Fenn-Wu ialah sekolah Cina diteruskan secara berasingan di bawah sistem kebangsaan dan pendidikan sekolah Cina harus berorientasikan Tanah Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 180*

15 **B**
**Ulasan:** 1951 – pilihan raya majlis perbandaran pertama diadakan di George Town, Pulau Pinang. Pilihan Raya Perbandaran George Town diadakan untuk memilih sembilan orang ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 197*

16 **B**
**Ulasan:** 16 Disember 1962 – pilihan raya kerajaan tempatan pertama diadakan di Sabah di bawah Local Government Elections Ordinance – 118 kawasan (ward) di pihak berkuasa tempatan. Setiausaha Kolonial bagi Kerajaan Tempatan selaku Penguasa Pilihan Raya bertanggungjawab menjalankan pilihan raya tersebut.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 203*

17 **D**
**Ulasan:** Pada 20 Februari 1956 Tunku Abdul Rahman dan rombongan merdeka selamat tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka. Rombongan merdeka diarak hingga ke Padang Banda Hilir, Melaka. Rakyat berkumpul untuk mendengar ucapan pengumuman tarikh kemerdekaan. Tunku Abdul Rahman memaklumkan melalui Perjanjian Kemerdekaan, negara kita akan diberikan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 219*

18 **B**
**Ulasan:** Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengeluarkan draf perlembagaan yang mengandungi sistem kewarganegaraan berasaskan *jus soli* kepada semua yang lahir di Tanah Melayu. Ahli UMNO tidak bersetuju konsep *jus soli* kerana bimbang kedudukan istimewa orang Melayu tergugat. PAS pula mengkritik soal kewarganegaraan dianggap tidak menjaga kepentingan orang Melayu dan mahu kedudukan agama Islam menjadi asas pemerintahan negara.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 223*

19 **D**
**Ulasan:** Soekarno menyatakan bahawa kemerdekaan bererti bebas selama-lamanya – merangkumi kebebasan berfikir, bertindak daripada politik penindasan dan rejim autokratik. Mahatma Gandhi mengatakan bahawa kemerdekaan perlu merangkumi politik, ekonomi dan moral. Setiap negara berhak menguruskan sendiri negaranya, walaupun sukar supaya setiap komuniti hidup dalam harmoni. Tun Dr. Mahathir Mohamad pula menyatakan merdeka bukan sekadar bebas daripada cengkaman

kuasa dan minda penjajah tetapi menghayati semangat jiwa merdeka dengan menyayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara ini dengan apa cara sekalipun. Menurut Tunku Abdul Rahman kemerdekaan ibarat tempat perhentian dalam perjalanan jauh bagi mewujudkan sebuah negara baharu berdaulat. Rakyat perlu berkhidmat untuk negara baharu, berusaha dengan tenaga dan fikiran bagi mencipta satu bangsa baharu dengan cita-cita keadilan dan kebebasan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 234–235*

**20** **C**

**Ulasan:** Jata Negara, lagu kebangsaan, bendera kebangsaan dan bunga kebangsaan merupakan identiti dan jati diri rakyat. Lambang ini juga menjadi simbol perpaduan. Setiap elemen pada lambang mempunyai pengertian berdasarkan sosiobudaya dan sejarah negara. Lambang juga mempunyai nilai kedaulatan tersendiri dan lambang jati diri negara, kita perlu memberikan penghormatan kepada simbol rasmi negara.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 247*

**21** **C**

**Ulasan:** Kedaulatan moden dikaitkan dengan idea kemunculan negara bangsa selepas Revolusi Keagungan di England dan Revolusi Perancis. Kedaulatan juga dikaitkan dengan hak rakyat dan kerajaan berperlembagaan. Selepas Perang Dunia Pertama, kedaulatan dikaitkan dengan unsur persamaan rumpun bahasa dan bangsa untuk membentuk negara masing-masing. Kedaulatan negara kita pula sebagai sebuah negara hasil gabungan negeri yang dikenal sebagai Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Persekutuan Malaysia 1963.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 6*

**22** **D**

**Ulasan:** Peranan pemerintah dalam mengekalkan perpaduan kaum ialah menggubal dasar dan undang-undang berkaitan perpaduan kaum serta integrasi nasional. Selain itu, memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar berkaitan dengan bahasa, pendidikan dan kebudayaan oleh kementerian serta agensi berkaitan. Pemerintah juga berperanan merangka program serta kempen ke arah memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional serta memperuntukkan perbelanjaan yang mencukupi untuk program memupuk perpaduan kaum. Rakyat pula berperanan untuk menggunakan bahasa kebangsaan dan menghayati prinsip Rukun Negara yang dapat menjamin perpaduan kaum. Rakyat juga perlu memahami dan menghormati agama serta budaya pelbagai kaum. Selain itu, mengamalkan semangat perkongsian, bertoleransi dan saling menghormati sesama rakyat Malaysia serta melibatkan diri dalam program kemasyarakatan yang dapat memupuk kerjasama antara kaum.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 13*

**23** **C**

**Ulasan:** Semasa zaman pentadbiran British, NNS memperkenalkan undang-undang dari England, iaitu Charter of Justice. Matlamatnya adalah untuk melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 24*

**24** **A**

**Ulasan:** Pindaan Perlembagaan 1963 berlaku apabila terjadinya penggabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Manakala pindaan perlembagaan 1965 adalah berkaitan dengan pemisahan Singapura daripada Malaysia. Pindaan perlembagaan ini bertujuan menyesuaikan peruntukan negeri baharu ke dalam perlembagaan tanpa mengubah kedudukan negeri yang sedia ada. Pindaan perlembagaan ini berkaitan dengan struktur Mahkamah Atasan pada pindaan 1963 dan pemisahan Singapura pada 1965.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 30–31*

**25** **B**

**Ulasan:** Durbar ialah perjumpaan atau persidangan umum yang diadakan oleh Raja Melayu dengan British. Durbar dibentuk pada tahun 1897 seiring dengan penubuhan NNMB. Durbar berperanan menjadi sebuah majlis persidangan bagi Raja-raja Melayu negeri Perak, Selangor Negeri Sembilan dan Pahang untuk membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan pihak British.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 42*

**26** **B**

**Ulasan:** Jemaah Menteri terdiri daripada Perdana Menteri dan Menteri-menteri seperti Menteri Kewangan, Menteri Pendidikan dan Menteri Kesihatan. Tugas utama Jemaah Menteri menggubal dasar negara dan melaksanakan pembangunan. Perdana Menteri mengetuai Jemaah Menteri, memimpin kerajaan dan menjalankan pentadbiran pada peringkat Kerajaan Persekutuan. Menteri mengetuai kementerian untuk melaksanakan dasar kerajaan yang diputuskan oleh Jemaah Menteri.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 54*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

27 **C**

**Ulasan:** Senarai Bersama ialah perkara membolehkan Parlimen dan DUN menggubal undang-undang untuk perkara yang sama. Sekiranya ada percanggahan, undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen harus dipatuhi. Antara kandungan Senarai Bersama ialah kebajikan awam, biasiswa, perlindungan haiwan liar dan taman negara, perancangan bandar dan luar bandar, kesihatan awam, kebersihan dan pencegahan penyakit, kebudayaan dan sukan, dan perumahan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 70*

28 **D**

**Ulasan:** Kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri penting – memastikan segala usaha pembangunan dapat memberikan manfaat demi kesejahteraan rakyat. Kerjasama meliputi aspek pembangunan sosioekonomi, pemeliharaan khazanah negara, perumahan dan keselamatan. Bagi menjayakan pembangunan sosioekonomi, Kerajaan Persekutuan menubuhkan agensi memberikan bantuan kewangan dan kepakaran kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri menyediakan tanah untuk pembangunan kerana tanah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 72–73*

29 **A**

**Ulasan:** Penubuhan JSKM merupakan salah satu langkah pembentukan Malaysia. JSKM ditubuhkan ketika Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura pada 23 Julai 1961. Tujuan penubuhan JSKM ialah meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia, menyediakan ruang perbincangan bagi mendapatkan kata sepakat, mengumpulkan pandangan tentang pembentukan Malaysia, menyebarkan maklumat berkaitan dengan Malaysia, dan memupuk aktiviti penghebahan dan mempercepatkan pembentukan Malaysia. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam memberikan kefahaman kepada pemimpin dan mendapatkan sokongan terhadap pembentukan Malaysia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 99*

30 **D**

**Ulasan:** 20 Januari 1963 – Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia – dengan alasan mengancam kedudukan Indonesia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 106*

31 **C**

**Ulasan:** Antara cabaran dalaman Malaysia selepas pembentukan Malaysia termasuklah pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah, krisis politik di Sarawak dan perpaduan kaum. Bagi pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah ialah mempelbagaikan kegiatan ekonomi, memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan dan memajukan sistem pendidikan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 117*

32 **D**

**Ulasan:** Tindakan mengebom Tugu Negara di Kuala Lumpur telah menimbulkan kemarahan rakyat. Kerajaan telah mengenakan Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan memperkuatkan perkhidmatan perisikan untuk mengawasi kegiatan komunis.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 125*

33 **C**

**Ulasan:** Dasar pentadbiran British yang mengutamakan sektor ekonomi telah menyebabkan British membawa masuk pekerja luar untuk bekerja dalam sektor perlombongan, perladangan dan perniagaan. Kaum bumiputera pula bertumpu di kawasan luar bandar dan menjalankan ekonomi tradisional. Pemisahan ini menyebabkan berlakunya kerenggangan hubungan antara kaum. Kesannya, masalah ini berterusan sehingga selepas merdeka dan menyebabkan berlakunya peristiwa 13 Mei 1969.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 141*

34 **C**

**Ulasan:** Bahasa Melayu diperkasakan dalam sistem pendidikan melalui pembukaan sekolah menengah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di seluruh negara. Antaranya Sekolah Alam Shah, Sekolah Seri Puteri dan Kolej Sultan Abdul Halim. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dapat memupuk semangat kekitaan dan bersatu dalam kalangan murid.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 148*

35 **A**

**Ulasan:** Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Tun Abdul Razak merupakan salah satu usaha kerajaan dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Matlamat rancangan ini untuk menambahkan pendapatan rakyat dan pengeluaran bahan makanan supaya cukup untuk keperluan negara. Rancangan ini memberikan tumpuan kepada penggunaan tanah yang sepenuhnya seperti tanaman jangka pendek, perkebunan berkelompok, penternakan, pemasaran yang baik dan projek kecil yang lain.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 169*

**36** **D**

**Ulasan:** Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dilancarkan untuk memudahkan kaum bumiputera memiliki saham dalam syarikat berhad. Pemilikan modal saham ini bertujuan untuk mengurangkan jurang dari segi taraf hidup dan pendapatan antara bumiputera dan bukan bumiputera. Ia juga merupakan langkah DEB untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 172*

**37** **B**

**Ulasan:** Malaysia menentang Dasar Aparteid yang menjadi isu penting dalam Komanwel. Malaysia menentang kerana dasar ini menyalahgunakan hak asasi manusia dengan membezakan hak seseorang berdasarkan warna kulit. Ketegasan Malaysia bersama negara-negara lain dalam perkara ini telah menyebabkan Afrika Selatan menarik diri daripada Komanwel.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 207*

**38** **D**

**Ulasan:** MAPHILINDO ditubuhkan bagi menyelesaikan isu pembentukan Malaysia antara Malaysia, Filipina dan Indonesia. Namun begitu MAPHILINDO gagal mencapai matlamatnya.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 210*

**39** **A**

**Ulasan:** Malaysia menjadi lokasi transit jenayah pemerdagangan manusia kerana perkembangan ekonomi dan kemakmuran Malaysia menarik kehadiran warga asing melalui sindiket pemerdagangan orang. Selain itu, kedudukan Malaysia yang strategik di Asia Tenggara dijadikan sebagai lokasi transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain. Malaysia juga menguatkuasakan undang-undang, memberi bantuan kepada mangsa dan undang-undang dikuatkuasakan menerusi Konvensyen PBB.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 229*

**40** **C**

**Ulasan:** Malaysia membangkitkan isu penerokaan secara tidak adil ke atas Antartika kerana penerokaan terhadap Antartika didominasi hanya sebahagian kecil negara. Malaysia menyuarakan pandangan ini dalam persidangan NAM ke-7 di New Delhi, India. Malaysia mendesak supaya PBB mengambil langkah pertama menjadikan Antartika sebagai warisan manusia sejagat. Malaysia mencadangkan agar PBB mentadbir Antartika agar segala bentuk hasil yang terdapat di benua itu dikongsi bersama-sama oleh semua negara. Pandangan ini telah mendapat sokongan negara lain.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 240*

## KERTAS 2

### Bahagian A

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 22–23* | F1 Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara | 1 |
| | F2 Semangat kebangsaan yang menjelaskan sikap dan pendekatan berkaitan dengan perjuangan menentang penjajah | 1 |
| | F3 Pembelaan terhadap bangsa dan negara | 1 |
| | F4 Gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan orang asing | 1 |
| | F5 Idea nasionalisme tidak sama antara zaman | 1 |
| | F6 Idea tersebut berkait rapat dengan pengalaman sejarah dan pengaruh sekeliling | 1 |
| | C6 Keturunan, agama, bahasa dan adat resam | 1 |
| | F7 Hans Kohn – gerakan yang meletakkan kesetiaan seseorang hanya kepada negara atau bangsanya | 1 |
| | F8 Profesor William R. Roff – kesedaran dan ketegasan diri pada dekad terakhir sebelum Perang Dunia Kedua/ disebabkan ancaman terhadap kepentingan orang Melayu dan faktor ekonomi/ kebimbangan terhadap sekularisme dan imperialisme Barat di Tanah Melayu | 1 |
| | F9 Dato' Onn Jaafar – menzahirkan suatu bangsa lebih tegap dan kuat/ boleh berdiri di atas kaki sendiri/ mengambil tempat yang sebenar di sisi bangsa- bangsa lain yang tegap dan bersatu | 1 |
| | F10 Hans Kohn – gerakan yang meletakkan kesetiaan seseorang hanya kepada negara atau bangsanya | 1 |
| | F11 Dr. R. Suntharalingam – fenomena sejagat yang mengiktiraf hak setiap bangsa di dunia/ memindahkan kedaulatan kepada rakyat/ menuntut kesetiaan individu disalurkan kepada negara bangsa | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
| --- | --- | --- |
| | F12 Profesor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid – nasionalisme Melayu telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka/ kesetiaan kepada raja ciri nasionalisme Melayu/ fahaman kebangsaan bersifat ke "Tanah Melayuan" | 1 |
| | F13 Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim – nasionalisme merujuk perjuangan orang Melayu bagi mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan maksud nasionalisme sama ada secara umum atau pendapat daripada tokoh.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **1**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 26–30* | F1 Kebangkitan Pan-Islamisme di empayar Uthmaniyah | 1 |
| | F2 Menyedarkan umat Islam untuk bersatu menentang ancaman luar | 1 |
| | F3 Pengaruh gerakan Islah di Mesir | 1 |
| | F4 Menggesa umat Islam melakukan pembaharuan yang progresif | 1 |
| | F5 Kemunculan Jepun sebagai kuasa besar dunia yang berjaya menewaskan Rusia | 1 |
| | F6 Membuka mata penduduk tempatan untuk memperjuangkan nasib mereka | 1 |
| | F7 Gerakan Revolusi China pimpinan Dr. Sun Yat Sen | 1 |
| | F8 Gerakan ini berjaya menewaskan kerajaan Manchuria dan menubuhkan sebuah negara Republik China | 1 |
| | F9 Idea perjuangan Mahatma Gandhi di India | 1 |
| | F10 Menentang British tanpa kekerasan menjadi inspirasi pergerakan nasionalisme | 1 |
| | F11 Perjuangan Jose Rizal di Filipina | 1 |
| | F12 Perjuangan Soekarno di Indonesia | 1 |
| | F13 Menyemarakkan usaha menentang penjajah di negara kita | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan pengaruh nasionalisme yang berlaku di luar negara termasuklah di negara serantau.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **1**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Mengekalkan kedaulatan negara | 1 |
| | F2 Menjadi pemangkin kepada kemajuan negara | 1 |
| | F3 Memupuk perpaduan kaum | 1 |
| | F4 Mengekalkan keamanan negara | 1 |
| | F5 Mewujudkan semangat kerjasama antara satu sama lain | 1 |
| | F6 Golongan ini menganggap Perlembagaan Persekutuan tidak demokratik | 1 |
| | F7 Mewujudkan semangat toleransi antara kaum | 1 |
| | F8 Sanggup berkorban untuk mempertahankan negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kepentingan memupuk semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat di negara kita.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 132* | F1 Penubuhan Persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan | 1 |
| | F2 Perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union | 1 |
| | F3 Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor | 1 |
| | F4 Raja berkuasa dalam perundangan | 1 |
| | F5 Perkataan "Negeri-negeri Melayu" perlu muncul dalam persekutuan yang baharu | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan dua cadangan daripada Raja-raja Melayu terhadap penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **2**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 136–137* | F1 Mengembalikan semula kuasa Raja-raja Melayu | 1 |
| | F2 Majlis Raja-raja diwujudkan melalui peruntukan Perjanjian PTM 1948 | 1 |
| | F3 Pesuruhjaya Tinggi memastikan raja perlu dirujuk dalam bidang kuasa kerajaan persekutuan | 1 |
| | F4 Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu/ kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | F5 Membuka ruang kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara | 1 |
| | F6 Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal | 1 |
| | F7 Mewujudkan kerjasama antara kaum | 1 |
| | F8 Melalui penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum/ CLC | 1 |
| | F9 Cadangan CLC dimasukkan ke dalam usul perundangan/ diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan | 1 |
| | F10 Berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum | 1 |
| | F11 Merintis pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 | 1 |
| | F12 Membawa kepada kemerdekaan/ negara berdaulat | 1 |
| | F13 British mengiktiraf dasar menaungi negeri Melayu seperti sebelum Perang Dunia Kedua | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 kepada negara kita. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*c*) *KBAT* | F1 Telah mengembalikan semula kuasa Raja-raja Melayu | 1 |
| | F2 Mewujudkan Majlis Raja-raja yang dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu | 1 |
| | F3 Pesuruhjaya Tinggi memastikan raja perlu dirujuk dalam bidang kuasa kerajaan persekutuan | 1 |
| | F4 Sultan berkuasa pada peringkat negeri | 1 |
| | F5 Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu | 1 |
| | F6 Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal | 1 |
| | F7 Kepentingan sah kaum lain juga dijaga | 1 |
| | F8 Syarat kewarganegaraan juga telah diperketatkan | 1 |
| | F9 Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang/ kewarganegaraan secara pendaftaran | 1 |
| | F10 Memupuk perpaduan/ persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum | 1 |
| | F11 Merintis pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 | 1 |
| | F12 Membawa kepada kemerdekaan/ negara berdaulat | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan pendapat sebab penduduk Tanah Melayu menerima Persekutuan Tanah Melayu 1948. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 22* | F1 Undang-undang bertulis | 1 |
| | F2 Undang-undang/ peraturan tertinggi | 1 |
| | F3 Teras pemerintahan negara | 1 |
| | F4 Panduan/ kawalan kepada raja/pemerintah dalam proses pemerintahan negara | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan maksud perlembagaan. | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **3**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 28* | F1 Kesultanan/ pemerintahan beraja | 1 |
| | H1a Sultan merupakan pemerintah berdaulat | 1 |
| | H1b Memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing | 1 |
| | H1c Selepas merdeka disesuaikan dengan Demokrasi Berparlimen | 1 |
| | H1d YDPA sebagai pemerintah tertinggi negara | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H1e Raja/ Sultan merupakan ketua negeri | 1 |
| | F2 Agama Islam | 1 |
| | H2a Raja Melayu tidak perlu menerima nasihat British | 1 |
| | H2b Berkaitan hak/ kedaulatan/ adat istiadat/ agama Islam | 1 |
| | H2c Selepas merdeka agama Islam diletakkan di bawah kuasa raja | 1 |
| | H2d Bagi Wilayah Persekutuan/ negeri tidak beraja diletakkan di bawah kuasa YDPA | 1 |
| | F3 Bahasa Melayu | 1 |
| | H3a Bahasa Melayu digunakan dalam pemerintahan KMM | 1 |
| | H3b Bahasa Melayu menjadi bahasa *lingua franca*/ bahasa ilmu | 1 |
| | H3c Kini bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan/ rasmi | 1 |
| | F4 Kedudukan orang Melayu dan bumiputera | 1 |
| | H4a Sebelum merdeka di bawah kuasa raja/ ketua peribumi | 1 |
| | H4b Selepas merdeka, YDPA memelihara kedudukan istimewa orang Melayu/ bumiputera/ kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan ciri tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Menyesuaikan peruntukan negeri baharu/ pembentukan Malaysia | 1 |
| | F2 Memansuhkan perkara berkaitan Singapura/ pemisahan Singapura | 1 |
| | F3 Melindungi kepentingan rakyat | 1 |
| | F4 Menjaga keselamatan negara | 1 |
| | F5 Supaya sentiasa relevan dengan keperluan semasa | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab perlembagaan dipinda.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 116–118* | F1 Cabaran pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah | 1 |
| | F2 Mempelbagaikan kegiatan ekonomi | 1 |
| | F3 Memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan | 1 |
| | F4 Memajukan sistem pendidikan | 1 |
| | F5 Cabaran politik di Sarawak | 1 |
| | F6 Cabaran perpaduan kaum | 1 |
| | F7 Ancaman komunis | 1 |
| | F8 Penduduk yang terdiri daripada pelbagai latar belakang | 1 |
| | F9 Mewujudkan keseimbangan pembangunan dan sosioekonomi | 1 |
| | F10 Persaingan politik | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan dua cabaran dalaman yang dihadapi oleh Malaysia selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **4**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 116–118* | F1 Mewujudkan keseimbangan pembangunan dan sosioekonomi | 1 |
| | H1a Hasil eksport bahan asli Sarawak dan Sabah dapat ditingkatkan | 1 |
| | H1b Pengeluaran ekonomi bertambah/ lada hitam/ petroleum/ minyak kelapa sawit/ kayu balak/ koko | 1 |
| | F2 Menyusun bidang pekerjaan | 1 |
| | F3 Mempelbagaikan pertanian komersial seperti kelapa sawit, getah dan koko | 1 |
| | F4 Membuka peluang kepada penduduk menyertai kegiatan ekonomi berkaitan dengan petroleum | 1 |
| | F5 Membina sistem perhubungan dan pengangkutan terutama kepada penduduk di kawasan pedalaman | 1 |
| | F6 Pembangunan Sarawak dan Sabah melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia (1966) | 1 |

© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F7 Membina sekolah dan melatih tenaga guru bagi memberikan pendidikan kepada penduduk | 1 |
| | F8 Pengisytiharan darurat di Sarawak pada September 1966 | 1 |
| | F9 Mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional | 1 |
| | F10 Memupuk semangat satu negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cara untuk mengatasi cabaran dalaman Malaysia. [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*c*) *KBAT* | F1 Memastikan kestabilan negara | 1 |
| | F2 Kemajuan dan pembangunan negara tidak terjejas | 1 |
| | F3 Membolehkan ekonomi berkembang maju | 1 |
| | F4 Meningkatkan taraf hidup rakyat | 1 |
| | F5 Negara dihormati di mata dunia | 1 |
| | F6 Mewujudkan masyarakat yang saling menghormati | 1 |
| | F7 Menjamin keselamatan negara | 1 |
| | F8 Melahirkan warga yang cinta akan negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki mengulas petikan berkenaan kepentingan menjaga keharmonian di negara kita. Calon boleh mengolah jawapan yang diperoleh daripada petikan yang diberi. [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |

**Bahagian B**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 68* | F1 Jepun ingin mengeksploitasi kekayaan bahan mentah untuk keperluan perindustrian | 1 |
| | F2 Tanah Melayu merupakan pengeluar utama bijih timah dan getah dunia | 1 |
| | F3 Sasaran utama Jepun di Sarawak untuk mendapatkan sumber minyak terutama di Miri dan Lutong | 1 |
| | F4 Jepun ingin membentuk Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya untuk mengukuhkan ekonomi | 1 |
| | F5 Kedudukan strategik negara kita sesuai untuk ketenteraan Jepun | 1 |
| | F6 Pangkalan tentera laut British, Singapura terletak di hujung Semenanjung Tanah Melayu | 1 |
| | F7 Penguasaan pangkalan tentera laut penting untuk Jepun menguasai telaga minyak di Sumatera | 1 |
| | F8 Penguasaan Pulau Borneo menjayakan operasi penaklukan Jepun di Pulau Jawa | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan faktor kedatangan Jepun ke Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **5**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 70–73* | **Dasar Pentadbiran** | |
| | F1 Tentera Jepun memperkenalkan Pemerintahan Tentera Tanah Melayu | 1 |
| | F2 Tanah Melayu digabungkan dengan Sumatera di bawah satu pentadbiran untuk membentuk Kawasan Pertahanan Khas | 1 |
| | F3 April 1944, Tanah Melayu dan Sumatera ditadbir secara berasingan kerana terdapat perbezaan sistem politik dan ekonomi | 1 |
| | F4 Singapura/ *Syonan-to* diasingkan pentadbirannya dari Tanah Melayu/ Malai Baru | 1 |
| | F5 Perlis/ Kedah/ Kelantan/ Terengganu dipindahkan di bawah pentadbiran Thailand | 1 |
| | F6 Sarawak, Sabah dan Brunei digabungkan menjadi satu unit pentadbiran dikenali *Kita Boruneo* | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F7 Kedudukan Raja-raja Melayu diiktiraf sebagai ketua hal ehwal agama Islam dan adat | 1 |
| | F8 Kedudukan sultan di negeri masing-masing di bawah pengawasan Gabenor Jepun | 1 |
| | F9 Pemimpin tempatan yang berpendidikan dan berpengalaman diberi peluang kenaikan pangkat/ jawatan tinggi | 1 |
| | F10 Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda/ Koa Kunrenjo ditubuh | 1 |
| | F11 Bertujuan melatih dan menanam semangat memperjuangkan cita-cita politik Jepun | 1 |
| | **Dasar Ekonomi** | |
| | F12 Melaksanakan sistem ekonomi kawalan | 1 |
| | F13 Memperkenalkan Rancangan Pengeluaran Lima Tahun dan Jawatankuasa Penyelidikan Bahan | 1 |
| | F14 Mengawal selia pelupusan barangan dan membuat penyelidikan kegunaan baharu | 1 |
| | F15 Membangunkan industri tempatan dan penggunaan optimum peralatan dan kemudahan sedia ada | 1 |
| | F16 Mata wang Jepun "wang pokok pisang" dicetak | 1 |
| | **Dasar Sosial** | |
| | F17 Menutup sekolah Inggeris dan Cina | 1 |
| | F18 Bangunan sekolah digunakan untuk keperluan pentadbiran tentera Jepun | 1 |
| | F19 Sistem persekolahan Jepun diperkenalkan | 1 |
| | F20 Memupuk nasionalisme Asia, menghapuskan pengaruh Barat dan menanam kesetiaan kepada Jepun melalui pendidikan | 1 |
| | F21 Tentera Jepun menghormati agama Islam dan adat Melayu | 1 |
| | F22 Tidak campur tangan dalam adat resam tempatan | 1 |
| | F23 Kelas pengajian al-Quran dan sekolah agama diteruskan semula | 1 |
| | F24 Majlis Agama Negeri dibentuk | 1 |
| | F25 Persidangan agama Islam diadakan di Singapura dan Kuala Kangsar | 1 |
| | F26 Memperkenalkan Ordinan Kawalan Barangan dan Bahan Penting | 1 |
| | F27 Mengawal bekalan barangan akibat kekurangan makanan | 1 |
| | F28 Catuan makanan dikuatkuasakan | 1 |
| | F29 Mengawal penjualan barangan keperluan asas seperti beras, garam dan gula | 1 |
| | F30 Menggalakkan penduduk menanam bahan makanan sendiri | 1 |
| | F31 Menjalankan kempen "Tambah Lebih Banyak Makanan" | 1 |
| | F32 Memberi layanan berbeza-beza mengikut kaum | 1 |
| | F33 Layanan baik kepada orang Melayu serta peribumi lain yang bekerjasama dengan Jepun | 1 |
| | F34 Membantu orang India menubuhkan Tentera Kebangsaan India di Tanah Melayu dan Borneo Utara | 1 |
| | F35 Memberi layanan yang kejam kepada orang Cina, lanjutan permusuhan dalam Perang China-Jepun | 1 |
| | F36 Orang Cina dipaksa membayar sejumlah wang sebagai hukuman penentangan mereka terhadap Jepun semasa Perang China-Jepun | 1 |
| | F37 Masyarakat berbilang kaum mengalami kesengsaraan dan pengalaman pahit akibat kekejaman tentera Jepun | 1 |
| | F38 Kaum Cina mengalami kesengsaraan lebih teruk berbanding kaum lain | 1 |
| | F39 Orang Melayu, Cina dan India dipaksa menjadi buruh membina landasan kereta api | 1 |
| | F40 Landasan Kereta Api Maut | 1 |
| | F41 Ramai yang terkorban akibat kerja berat, kekurangan makanan dan ubat-ubatan, pelbagai jenis penyakit serta suasana buruk di tempat kerja | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan dasar pendudukan Jepun yang merangkumi Dasar Pentadbiran, Dasar Ekonomi dan Dasar Sosial. Jawapan calon mestilah menyentuh ketiga-tiga aspek. [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*c*)<br>KBAT | F1 Menanam semangat antipenjajah Barat kepada penduduk tempatan<br>H1a Hal ini memudahkan mereka mendapat sokongan daripada penduduk tempatan<br>H1b Secara tidak langsung mempengaruhi pemikiran masyarakat<br>C1 Contohnya, Kesatuan Melayu Muda bekerjasama dengan Jepun<br>F2 Mengharapkan Jepun memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu<br>H2a Sebaliknya Jepun berjaya memenuhi hasrat mereka menduduki Tanah Melayu<br>H2b Keseluruhan Tanah Melayu diduduki Jepun dengan cepat dan mudah<br>H2c Kesimpulannya, slogan yang digunakan adalah sebagai taktik penjajah untuk menguasai sesebuah negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan pendapat berkenaan sebab Jepun menggunakan propaganda-propaganda tersebut semasa menjajah kawasan timur.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **6**(*a*)<br>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 201 | F1 Menubuhkan Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan<br>F2 Membentuk 52 kawasan pilihan raya<br>F3 Meluluskan Rang Undang-undang Pilihan Raya<br>F4 Membolehkan pilihan raya diadakan<br>F5 Pendaftaran pengundi<br>F6 Syarat untuk menjadi pengundi ditetapkan<br>F7 Penamaan calon<br>F8 Syarat untuk menjadi calon ditetapkan<br>F9 Kempen pilihan raya<br>F10 Dilaksanakan selama 45 hari<br>F11 Melaksanakan proses pengundian<br>F12 Diadakan pada 27 Julai 1955<br>F13 Peti undi dibawa ke pusat pengundian<br>F14 Proses pengiraan undi dilakukan<br>F15 Pengumuman keputusan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan proses pilihan raya umum yang pertama.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **6**(*b*)<br>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 206–207 | F1 Membincangkan soal kewangan<br>F2 Membincangkan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan<br>F3 Menyambung sistem yang diguna pakai dalam MPP<br>F4 Mengguna pakai Model Westminster<br>F5 Mengurangkan kuasa pentadbiran British<br>F6 Meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi British dibatalkan<br>F7 Membincangkan isu keselamatan dalam negeri<br>F8 Membincangkan isu pertahanan<br>F9 Menunaikan mandat untuk mencapai kemerdekaan<br>F10 Membina bangsa yang bersatu melalui pendidikan<br>F11 Menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan<br>F12 Meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan/ kesihatan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu selepas pilihan raya pertama.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **6**(*c*)<br>KBAT | F1 Kerajaan dipilih oleh rakyat<br>H1a Rakyat menentukan pemimpin/ wakil rakyat/ parti politik untuk mentadbir negara<br>H1b Pemimpin yang menang majoriti menjadi wakil kepada rakyat<br>H1c Pemimpin menjaga kepentingan/ kebajikan rakyat<br>F2 Rakyat berhak menukar kerajaan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H2a Menggantikan pemimpin yang lemah/ rasuah/ tidak berintegriti/ tidak menjaga kebajikan rakyat<br>H2b Membuktikan kuasa berada pada tangan rakyat<br>H2c Melancarkan urusan pentadbiran negara/ kesejahteraan rakyat<br>C2 Pilihan raya dilaksanakan lima tahun sekali<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kepentingan pilihan raya kepada negara yang merdeka.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br><br><br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| 7(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 66–67* | F1 Penyatuan beberapa buah negeri membentuk sebuah negara bersekutu<br>F2 Pada tahun 1963 penggabungan 11 negeri Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak<br>F3 Persekutuan dinamakan Malaysia<br>F4 Wujudnya Kerajaan Persekutuan (Kerajaan Pusat) dan Kerajaan Negeri<br>F5 Pembahagian kuasa dalam sistem pentadbiran<br>F6 Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong<br>F7 Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen diwujudkan dalam pentadbiran negara<br>F8 Perlembagaan Persekutuan digubal untuk melicinkan pentadbiran negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan konsep/ maksud persekutuan.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| 7(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 70* | (i) Pentadbiran Kerajaan Negeri<br>F1 Dewan Undangan Negeri (DUN) berkuasa menggubal undang-undang peringkat negeri<br>F2 Kerajaan Negeri diketuai Sultan/ Yang di-Pertua Negeri<br>F3 Kuasa pemerintahan Kerajaan Negeri termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai Senarai Negeri<br>F4 Kerajaan Negeri berkuasa dalam Undang-undang Islam<br>F5 Pentadbiran tanah<br>F6 Pertanian dan perhutanan<br>F7 Kerajaan tempatan<br>F8 Hari kelepasan negeri<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan dan kuasa Kerajaan Negeri.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 69* | (ii) Pentadbiran Kerajaan Persekutuan<br>F1 Parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan<br>F2 Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong<br>F3 Kuasa Kerajaan Persekutuan termaktub dalam Senarai Persekutuan<br>F4 Kuasa meliputi skop kepentingan nasional<br>F5 Merangkumi semua aspek perkhidmatan berhubung dengan pentadbiran negara<br>F6 Hal ehwal luar negeri<br>F7 Pertahanan<br>F8 Keselamatan dalam negeri<br>F9 Pentadbiran keadilan<br>F10 Kewarganegaraan<br>F11 Kewangan<br>F12 Perhubungan dan pengangkutan<br>F13 Pelajaran<br>F14 Perubatan dan kesihatan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan dan kuasa Kerajaan Persekutuan.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **7**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Terbentuk sebuah kerajaan yang stabil dan berwibawa<br>H1a Melalui pengagihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri<br>H1b Mengelakkan berlaku pertindihan kuasa antara kerajaan<br>H1c Rakyat memperoleh manfaat pembangunan ekonomi oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri<br>C1a Penyediaan hospital dan kemudahan sekolah<br>C1b Justeru itu, keamanan dan kestabilan politik dapat dicapai<br>F2 Menjamin pengagihan kekayaan dan pembangunan sama rata<br>H2a Agar dinikmati seluruh rakyat<br>H2b Kehidupan rakyat menjadi harmoni<br>H2c Peningkatan taraf hidup rakyat<br>H2d Kesimpulannya manfaat pembangunan negara dapat dinikmati bersama<br>C2 Kaum Melayu, Cina dan India<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kepentingan/ faedah/ kebaikan/ manfaat pembahagian kuasa yang dilaksanakan dalam negara kita.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 142–143* | F1 Menubuh Jabatan Perpaduan Negara<br>F2 Di bawah kuasa MAGERAN<br>F3 Membentuk Rukun Negara<br>F4 Pembentukan Majlis Muhibah Negara<br>F5 Menubuhkan Majlis Perunding Negara<br>F6 Membentuk parti politik berbilang kaum<br>F7 Meneruskan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia<br>F8 Memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)<br>F9 Pembangunan masyarakat luar bandar dan wilayah<br>F10 Memperkenalkan Zon Perindustrian Bebas Sosial<br>F11 Menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan<br>F12 Memperkukuh sistem pendidikan<br>F13 Memperkasa bahasa Melayu<br>F14 Mengamalkan satu kebudayaan kebangsaan<br>F15 Sukan sebagai alat perpaduan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam mengukuhkan perpaduan rakyat.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **8**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 158* | F1 Negara bersatu<br>H1a Mencipta satu bangsa dan negara yang bersatu padu<br>H1b Masyarakat menganggap mereka sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama<br>H1c Kesetiaan dan cinta akan negara<br>F2 Masyarakat adil<br>H2a Mencipta masyarakat yang menikmati kekayaan negara secara bersama<br>H2b Pihak yang kurang berkemampuan diberi bantuan<br>H2c Supaya mempunyai peluang yang sama<br>H2d Wujud persaingan yang sihat dan bebas<br>F3 Masyarakat progresif | 1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H3a Mengikut kemajuan sains dan teknologi | 1 |
| | H3b Di samping mengamalkan nilai-nilai ketuhanan | 1 |
| | H3c Bergerak maju sejajar perubahan dan kemajuan terkini | 1 |
| | F4 Masyarakat liberal | 1 |
| | H4a Bebas mengamalkan agama, adat resam serta kebudayaan masing-masing | 1 |
| | H4b Mencipta satu masyarakat yang boleh menjadi sumber kekuatan kepada bangsa dan negara Malaysia | 1 |
| | F5 Masyarakat demokratik | 1 |
| | H5 Memelihara cara hidup demokratik | 1 |
| | F14 Berpandukan Perlembagaan Persekutuan | 1 |
| | F15 Menjamin kebebasan asasi rakyat dan kebebasan politik | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan matlamat Rukun Negara untuk melahirkan masyarakat bersatu padu, aman dan sejahtera. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **8**(*c*) KBAT | F1 Perpaduan kaum melahirkan suasana aman | 1 |
| | H1a Menjamin politik negara yang stabil | 1 |
| | H1b Masyarakat saling bekerjasama dan menerima permuafakatan politik | 1 |
| | H1c Meyakini perkongsian kuasa politik mengukuhkan negara | 1 |
| | H1d Mengambil kira kepentingan masa depan negara | 1 |
| | H1e Membantu pentadbiran negara berjalan lancar | 1 |
| | H1f Pihak pemerintahan dapat melaksanakan dasar pembangunan secara berkesan | 1 |
| | C1 Menerima pakatan politik pelbagai parti politik | 1 |
| | F2 Memantapkan integrasi nasional | 1 |
| | H2a Merapatkan hubungan sesama rakyat | 1 |
| | H2b Menjayakan usaha pembentukan identiti bangsa Malaysia | 1 |
| | H2c Menggagalkan usaha golongan ekstremis agama/ politik | 1 |
| | H2d Mematuhi/ menerima kandungan Perlembagaan Negara | 1 |
| | H2e Mengelakkan sikap permusuhan/ saling membenci | 1 |
| | H2f Menyumbang tenaga/ idea untuk pembangunan negara secara bersama | 1 |
| | C2 Menerima kebudayaan kebangsaan/ prinsip Rukun Negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kepentingan mengukuhkan perpaduan dalam negara ini. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **9**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 226* | F1 Menyuarakan bahaya penyalahgunaan dadah dalam forum antarabangsa | 1 |
| | F2 International Drug Enforcement Conference – IDEC (Persidangan Penguatkuasaan Dadah Antarabangsa) | 1 |
| | F3 Mendapatkan kerjasama daripada International Criminal Police Organization – INTERPOL (Polis Antarabangsa) | 1 |
| | F4 Bekerjasama dengan negara lain bagi menggubal strategi operasi menangani masalah dadah | 1 |
| | F5 Kawalan sempadan perlu lebih ketat bagi menghalang kemasukan dadah | 1 |
| | F6 Menjatuhkan hukuman mati bagi kesalahan mengedarkan dadah | 1 |
| | F7 Kelantangan Malaysia memerangi dadah disuarakan dalam forum PBB | 1 |
| | F8 Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Keempat terpilih sebagai Ketua Jawatankuasa Antidadah Antarabangsa pada tahun 1988 | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan langkah yang diambil oleh Malaysia dalam menyelesaikan masalah penggunaan dadah pada peringkat antarabangsa. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **9**(*b*) | F1 Melakukan demonstrasi sebagai tanda sokongan kepada perjuangan rakyat Palestin | 1 |
| *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 234–237* | F2 Menubuhkan Tabung Palestin | 1 |
| | F3 Mengutip sumbangan kewangan kepada mangsa Zionis | 1 |
| | F4 Menghantar bantuan makanan dan perubatan | 1 |
| | F5 Program Freedom Flotilla yang digerakkan oleh Free Gaza Movement | 1 |
| | F6 Menyertai misi kemanusiaan | 1 |
| | F7 Program "Women's Boat to Gaza" | 1 |
| | F8 Menyuarakan kekejaman, pengusiran dan pembunuhan rakyat Palestin pada peringkat pertubuhan antarabangsa | 1 |
| | F9 OIC dan PBB | 1 |
| | F10 Menubuhkan pusat perlindungan kepada pelarian Palestin | 1 |
| | F11 Membantu rakyat Syria menangani masalah kekurangan makanan dan kemudahan perubatan | 1 |
| | F12 Melalui pertubuhan-pertubuhan NGO | 1 |
| | F13 Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare)/ Cinta Syria Malaysia(CSM)/ Global Peace Mission (GPM) | 1 |
| | F14 Bersedia menerima 3,000 orang pelarian warganegara Syria dalam tempoh tiga tahun secara sukarela | 1 |
| | F15 Melancarkan bantuan segera keperluan perubatan, keperluan harian dan makanan kepada mangsa bencana alam tsunami di Acheh dan Sri Langka | 1 |
| | F16 Antara NGO yang terlibat ialah Malaysia Medical Relif Society (MERCY Malaysia)/ Angkatan Belia Malaysia (ABIM)/ Yayasan Restu | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan peranan dan pelibatan Malaysia dalam isu kemanusiaan dan keamanan pada peringkat antarabangsa. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **9**(*c*) | F1 Menyokong dasar kerajaan dalam usaha membendung penularan wabak penyakit | 1 |
| *KBAT* | H1 Mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa | 1 |
| | C1 Perintah kawalan pergerakan | 1 |
| | F2 Perkongsian maklumat berkaitan penularan wabak | 1 |
| | H2a Tidak menyebarkan maklumat yang palsu atau tidak sahih | 1 |
| | H2b Bagi mengelakkan wujud situasi panik dalam masyarakat | 1 |
| | F3 Mengamalkan sikap prihatin dan bertanggungjawab dalam memerangi penularan wabak | 1 |
| | C3 Menawarkan diri sebagai barisan sukarelawan bagi membantu usaha mencegah penularan wabak | 1 |
| | F4 Mengamalkan gaya hidup sihat | 1 |
| | H4a Sentiasa menjaga kebersihan diri dan persekitaran | 1 |
| | H4b Dapat melindungi kepentingan negara dan masyarakat | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kerjasama rakyat dalam mengawal wabak penyakit di Malaysia. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

# KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025 (SET 3)

## KERTAS 1

1 **A**

Ulasan: Raja merupakan salah satu ciri-ciri negara bangsa di Alam Melayu. Raja Champa dianggap sebagai pemerintah yang suci dan dikaitkan dengan Dewa Siva. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan ketaatan daripada rakyat dan sentiasa dianggap suci.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 4*

2 **B**

Ulasan: Kedaulatan merupakan salah satu daripada enam ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka (KMM). Kedaulatan ialah lambang kekuasaan tertinggi seseorang sultan dan merupakan hak mutlak sultan untuk mengawal rakyat dan wilayah. Kedaulatan kerajaan Melaka diakui oleh kerajaan lain dan bebas dari campur tangan kuasa asing. Selain daripada kedaulatan, ciri-ciri negara bangsa KMM ialah mempunyai kerajaan, rakyat, wilayah pengaruh, undang-undang dan lambang kebesaran.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 6*

3 **B**

Ulasan: Dahagi India 1857 merupakan reaksi penduduk terhadap dasar imperialisme British. Dahagi India 1857 dilancarkan oleh sepoi atau askar upahan British berbangsa India. Ia merupakan reaksi kepada ancaman pengaruh British terhadap adat, budaya dan agama. Pada peringkat awal penentangan ini memberikan perhatian kepada isu sosioagama. Brahmo Samaj dan Arya Samaj merupakan pertubuhan penting yang menggiatkan rasa kecintaan kepada budaya tempatan kesan dari pengaruh budaya Barat.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 26*

4 **D**

Ulasan: Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) ditubuhkan untuk melahirkan golongan yang memimpin rakyat di samping menuntut hak untuk mendapatkan pendidikan. Pelajar didedahkan dengan idea tokoh falsafah Islam dan Barat yang memaparkan kelemahan bangsa yang dijajah. SITC sebagai medan ilmu untuk berbincang dan menghasilkan karya nasionalisme untuk menyedarkan masyarakat.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 35*

5 **C**

Ulasan: Benito Mussolini, Itali manakala Adolf Hitler, Jerman merupakan tokoh pemimpin nasionalisme berfahaman melampau, iaitu fasisme di Itali dan nazisme di Jerman. Fasisme bermaksud kepentingan negara melebihi kepentingan individu dan percaya kepada nasionalisme melampau termasuk berperang bagi meningkatkan imej negara. Benito bertindak meluaskan jajahan dengan menguasai Habsyah (Ethiopia) dan Albania. Gerakan nazisme bermaksud mengagungkan bangsa Jerman. Gerakan ini di bawah pimpinan Hitler dan Parti Nazi. Hitler berusaha untuk memulihkan nasionalisme Jerman dengan mengetepikan Perjanjian Versailles, membina semula kekuatan angkatan tentera, dan menduduki Rhineland semula, iaitu wilayah Jerman yang hilang melalui Perjanjian Versailles.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 58*

6 **B**

Ulasan: British menubuhkan unit khas yang dikenal sebagai Force 136 pada tahun 1943 bertujuan mendapatkan sokongan orang Melayu untuk menentang Jepun. Antara anggota terawalnya adalah Mejar Tengku Mahmood Mahyiddeen, Leftenan Tunku Yusuf Tunku Yaakub, Kapten Ibrahim Ismail dan Leftenan Tengku Osman Tengku Mohd Jiwa. Force 136 menjalankan aktiviti rahsia seperti mengumpulkan maklumat, melakukan sabotaj, menyebarkan propaganda dan membuat persiapan untuk British melancarkan Operasi Zipper (serangan secara besar-besaran) untuk menawan Tanah Melayu semula pada tahun 1945. Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) ditubuhkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) selepas orang Cina mendapatkan perlindungan daripada PKM akibat layanan buruk tentera Jepun. MPAJA dilatih oleh British dalam kegiatan menentang tentera Jepun. MPAJA merupakan pasukan gerila anti-Jepun yang terbesar di Tanah Melayu. Kerjasama MPAJA dan Force 136 pada bulan Disember 1943, dengan mengadakan perjanjian kerjasama untuk melawan tentera Jepun. Dalam kerjasama tersebut, MPAJA mendapat bantuan senjata, ubat-ubatan, kewangan dan latihan ketenteraan daripada tentera British.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 75–76*

7 **D**

Ulasan: Kongres Melayu di Kuala Lumpur dianjurkan oleh pemimpin persatuan Melayu dengan penglibatan Raja-raja Melayu di negeri masing-masing. Tujuan kongres ini adalah untuk menzahirkan penubuhan sebuah badan induk untuk menjadi pemangkin menentang Malayan Union (MU). Hasil daripada kongres tersebut ialah semua perwakilan bersetuju menubuhkan United Malays National Organisation (UMNO) untuk menentang MU.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 105*

**8** **A**

Ulasan: Vyner Brooke hadapi masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak selepas Perang Dunia Kedua. Ekonomi Sarawak terjejas, lombong minyak musnah dan ladang getah terbiar. Kemudahan pendidikan, kesihatan, jalan raya dan lapangan terbang perlu dibaiki. Vyner Brooke tidak mampu membangunkan semula Sarawak atau menyediakan kemudahan dan perubahan sosioekonomi kepada penduduk. Hal ini kerana kemusnahan akibat Perang Dunia Kedua memerlukan kos besar.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 107*

**9** **C**

Ulasan: Gabungan kuat rakyat dengan pemimpin yang dipayungi Raja-raja Melayu berjaya merungkai perancangan rapi yang disusun British untuk melemahkan orang Melayu. Kerjasama dan ketegasan Raja-raja Melayu dengan UMNO menentang Malayan Union membolehkan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) 1948 dibentuk. Tolak ansur antara kaum penting untuk mencapai matlamat PTM 1948. Hasilnya PTM mengembalikan status Raja-raja Melayu dan orang Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 133*

**10** **C**

Ulasan: Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dapat diterima oleh masyarakat Tanah Melayu kerana PTM dapat mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu dan menjaga kedudukan istimewa orang Melayu. Selain itu, dapat membuka ruang kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu serta mewujudkan kerjasama kaum.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 136–137*

**11** **A**

Ulasan: 1920-an dibawa masuk – cawangan Parti Kuomintang (KMT) ibu pejabat di China. Pertubuhan selain KMT ialah Main School yang bergerak dalam kalangan orang Hailam di bawah arahan Parti Komunis China (PKC). Pada 1927 – perpecahan antara Parti KMT dengan PKC. Pada 1928 – The Communist International (Comintern) berpusat di Moscow mengarahkan penubuhan Parti Komunis Nanyang (PKN).

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 146*

**12** **A**

Ulasan: Malayan Chinese Association (MCA) ditubuhkan pada 27 Februari 1949. MCA diketuai Tan Cheng Lock. Penubuhan MCA membuktikan bahawa bukan semua orang Cina menyokong komunis. MCA berganding bahu dengan kerajaan memerangi komunis dengan cara membantu kerajaan dari segi kewangan, menempatkan 500 ribu orang penduduk semula ke Kampung Baru, menjalankan kutipan derma melalui jualan loteri kebajikan untuk didermakan kepada penduduk Kampung Baru, berjaya mengumpulkan $2.5 juta bagi memperbaik kehidupan penduduk Cina di Kampung Baru.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 161*

**13** **C**

Ulasan: Independence of Malayan Party (IMP) ditubuhkan pada 1951 dan dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar. IMP melaksanakan idea "Tanah Melayu untuk Malayan". Pemikiran politik Dato' Onn Jaafar terarah kepada perpaduan kebangsaan. Hal ini kerana tuntutan kemerdekaan tidak boleh dibuat tanpa kerjasama kaum. Beliau mahu orang Melayu menjadi pemimpin kepada orang bukan Melayu yang turut mempunyai hak dalam politik dan ekonomi.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 173*

**14** **B**

Ulasan: Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) ditubuhkan pada Mac 1946. Dipimpin oleh Mohd Sirat Yaman, Awang Rambli, Rosly Dhoby, Morshidi Sidek. PPM memperjuangkan mengenai penentangan penjajahan British dan menuntut kemerdekaan Sarawak. Barisan Pemuda Sarawak (PBS) ditubuhkan pada Jun 1947. Dipimpin oleh Abang Mohd. Kassim Taha dan Ahmad Zaidi Adruc. Perjuangannya ialah, memperjuangkan kepentingan penduduk bumiputera ke arah berkerajaan sendiri dan menentang penyerahan Sarawak kepada British. Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKKM) pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam. Perjuangan parti ialah melahirkan kesedaran politik dalam kalangan orang Melayu, menekankan perpaduan antara penduduk berbilang kaum dan mencapai kemerdekaan/ memperjuangkan Melayu Raya. Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak pula ditubuhkan pada 1946. Dipimpin oleh Abang Haji Zaini, Abang Haji Openg dan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah. Perjuangannya ialah memupuk kesetiaan dan perpaduan kaum di Sarawak, menentang penyerahan Sarawak kepada British dan penjenamaan semula Persatuan Melayu Sarawak (PMS) yang diharamkan semasa Jepun.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 184*

**15** **D**

Ulasan: Syarat pengundi ialah warganegara Persekutuan Tanah Melayu (PTM) berumur 21 tahun ke atas dan individu yang tinggal di PTM dalam tempoh enam bulan terdahulu layak untuk memohon sebagai pengundi.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 200*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

16 **D**
Ulasan: Antara rasional had umur kelayakan pengundi kepada 18 tahun ialah memberikan peluang kepada seseorang individu untuk memilih wakil rakyat yang akan mewakili kepentingan mereka. Penurunan umur mengundi ini akan meningkatkan penyertaan belia sebagai warga bertanggungjawab dalam menyumbang kepada demokrasi dan pembangunan negara. Selain itu, membantu belia mempertingkatkan literasi demokrasi dan kematangan melalui pendedahan kepada pengurusan tadbir urus negara.

*KBAT*

17 **C**
Ulasan: Rombongan kemerdekaan Tanah Melayu diketuai oleh Tunku Abdul Rahman. Beliau merancang perjalanan rombongan ke Karachi dengan menaiki kapal laut. Tujuan beliau menyusun perjalanan sebegini agar dapat menggunakan masa pelayaran untuk berbincang dengan wakil Raja-raja Melayu. Tunku Abdul Rahman berbuat demikian bagi mendapatkan persetujuan supaya kedua-dua pihak dapat menyusun strategi bersama-sama apabila berunding dengan kerajaan British.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 217*

18 **B**
Ulasan: Inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ialah pertama, pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen. Yang di-Pertuan Agong dilantik dalam kalangan Raja-raja Melayu setiap lima tahun sekali. Kedua, kewarganegaraan, seseorang lahir dalam Persekutuan atau selepas hari merdeka akan menjadi warganegara. Kewarganegaraan diberikan tiga cara, iaitu penguatkuasaan undang-undang, memohon didaftarkan sebagai rakyat dan naturalisasi/ memohon untuk menukar warganegara. Ketiga, kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain. Rakyat Melayu diberikan beberapa keutamaan dengan mengambil kira status mereka sebagai rakyat asal Tanah Melayu. Manakala hak untuk masyarakat lain tetap dipelihara dan dilindungi. Keempat, kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan dan agama lain boleh diamalkan. Kelima, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa pengantar dan bahasa komunikasi.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 224*

19 **C**
Ulasan: Jawatankuasa sambutan berperanan untuk memeriahkan sambutan peringkat ibu kota dan negeri. Bangunan di sekitar bandar, jalan raya dan Padang Kelab Selangor dihiasi lampu 75 ribu bendera Persekutuan Tanah Melayu (PTM) ditempah khas dari kilang kain di Jepun dan dibawa dengan kapal laut. Selain itu, pakaian khas "baju muskat" untuk menteri dan pegawai tinggi kerajaan. Seterusnya, kerajaan menganjurkan kursus khas berkaitan dengan protokol yang dihadiri oleh 300 orang pegawai kerajaan selama tiga hari. Mereka bertindak sebagai pegawai penerangan dan pegawai pengiring tetamu serta pegawai jemputan luar negara. Di samping itu, kakitangan kerajaan diberikan gaji awal untuk memberi peluang menyambut kemerdekaan yang dinantikan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 237*

20 **A**
Ulasan: Faedah yang diperoleh negara daripada pertubuhan Komanwel dan AMDA adalah daripada pertahanan negara. Sebelum merdeka negara kita dilindungi melalui pembentukan kerjasama pertahanan Britain, Australia dan New Zealand. Selepas merdeka Tunku ingin mengekalkan hubungan baik dengan Britain dan negara Komanwel. Negara belum mempunyai pertahanan menyebabkan negara memerlukan bantuan dari Britain dengan perjanjian pertahanan yang dinamakan Anglo Malaya Defence Agreement (AMDA) pada 1957.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 243*

21 **C**
Ulasan: Kedaulatan mengikut bahasa Melayu membawa maksud kuasa tertinggi terhadap pemerintahan negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 4*

22 **D**
Ulasan: Pemerintah dan rakyat memainkan peranan penting bagi mempertahankan kedaulatan negara. Pemerintah dan rakyat perlu bekerjasama untuk mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi, mengekalkan perpaduan kaum, memupuk patriotisme dan mengukuhkan pertahanan negara. Kerjasama ini penting bagi memastikan kedaulatan dapat dipertahankan demi kemajuan dan kesejahteraan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 12*

23 **C**
Ulasan: Terdapat The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949 yang menggunakan The Common Law of England yang berkuat kuasa pada Ogos 1956. Perlembagaan Sarawak memberi kuasa kepada badan Council Negri (Majlis Negeri) yang terdiri daripada 45 ahli dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha. Majlis Tertinggi dipengerusikan oleh Gabenor dan turut dianggotai oleh Ketua Setiausaha, Setiausaha Kewangan dan Peguam Negara. Perlembagaan Sarawak tahun 1959 memberi kuasa pentadbiran negeri kepada Majlis Tertinggi dan Council Negri.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 24*

**24** **A**

Ulasan: Pembentukan undang-undang dalam Malaysia dibuat menerusi badan perundangan yang dinamakan Parlimen. Parlimen berkuasa penuh membentuk undang-undang negara. Sejak negara merdeka, ahli Parlimen memainkan peranan meminda perlembagaan bagi mengekalkan kedaulatan negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 25*

**25** **A**

Ulasan: Pemerintahan beraja Kesultanan Melayu Melaka (KMM) adalah berkuasa mutlak. Raja berkuasa melaksanakan pemerintahan dalam pentadbiran, perundangan dan kehakiman.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 38*

**26** **B**

Ulasan: Antara kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong adalah melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri. Seterusnya, pelantikan jawatan penting seperti Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Audit Negara, Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, Suruhanjaya Polis dan Ahli Majlis Angkatan Tentera. Baginda juga berperanan sebagai pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia yang dibantu Majlis Angkatan Tentera (bertanggungjawab di bawah kuasa baginda bagi pemerintahan, tatatertib, pentadbiran tentera dan gerakan tentera. Baginda juga berperanan melantik diplomat Malaysia dan menerima menghadap diplomat asing sebelum menjalankan tugas.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 48*

**27** **D**

Ulasan: Tujuan pembahagian kuasa adalah melicinkan perjalanan sistem Persekutuan dan mengelakkan masalah antara kedua kerajaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 68*

**28** **B**

Ulasan: Pembangunan *In-Situ* merupakan salah satu kerjasama pembangunan sosioekonomi antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Pembangunan *In-Situ* menekankan pembangunan fizikal desa, iaitu menyediakan kemudahan asas, rumah rakyat dan pusat pertumbuhan ekonomi desa.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 72*

**29** **C**

Ulasan: Rasional idea pembentukan Malaysia ialah keselamatan. Ancaman komunis di Singapura menggugat keselamatan Persekutuan Tanah Melayu (PTM). Tunku menganggap Singapura pusat kegiatan komunis. Oleh itu, penyatuan dengan Singapura dapat memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan dalam bidang keselamatan dan pertahanan bagi membendung ancaman komunis di Singapura. Penyertaan Sarawak ke dalam Malaysia diharapkan dapat membendung komunis yang masuk ke Sarawak melalui gerakan Clandestine Communist Organization (CCO). Selain itu, ia bertujuan untuk keseimbangan komposisi kaum, mempercepatkan kemerdekaan Sabah, Sarawak dan Singapura serta mempercepatkan pelbagai pembangunan wilayah yang kurang membangun.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 93*

**30** **B**

Ulasan: 20 Januari 1963 – Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia dengan alasan mengancam kedudukan Indonesia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 106*

**31** **A**

Ulasan: Antara cabaran dalaman Malaysia selepas pembentukan Malaysia termasuklah pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah, krisis politik di Sarawak dan perpaduan kaum. Cabaran perpaduan kaum ini berpunca daripada penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik seperti Melayu, Cina, India, Bidayuh dan lain-lain yang menjadikan perpaduan agenda utama dalam pengurusan masyarakat dan pemerintahan negara ini. Selain itu, jarak antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak menjadi cabaran kepada integrasi nasional serta sukar memupuk semangat satu negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 118*

**32** **B**

Ulasan: Strategi Counterinsurgency (COIN) merupakan usaha keselamatan dan pembangunan untuk memenangi hati dan fikiran rakyat bagi menyokong agenda dan dasar kerajaan memenangi komunis. Antara strateginya ialah kerjasama antara pasukan keselamatan, ahli parti politik dan agensi kerajaan secara berkesan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 125*

**33** **B**

Ulasan: Zon Perindustrian Bebas merupakan salah satu cara kerajaan memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional negara dalam aspek ekonomi yang bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Antara kawasan yang terlibat dengan Zon Perindustrian Bebas ialah Bayan Lepas, Pasir Gudang dan Pelabuhan Klang.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 143*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

**34 D**

Ulasan: Pengenalan KSSR bermula kepada murid Tahun 1 pada 2011 bagi memastikan pendidikan relevan dengan keperluan abad ke-21. KSSR bermatlamat untuk menguasai dan menghargai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan alat perpaduan. Selain itu, memastikan murid menguasai tiga bidang asas, iaitu komunikasi, kemanusiaan dan alam sekitar dan perkembangan diri individu.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 146*

**35 D**

Ulasan: Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Tun Abdul Razak merupakan salah satu usaha kerajaan dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Matlamat rancangan ini untuk menambahkan pendapatan rakyat dan pengeluaran bahan makanan supaya cukup untuk keperluan negara. Rancangan ini memberikan tumpuan kepada penggunaan tanah yang sepenuhnya seperti tanaman jangka pendek, perkebunan berkelompok, penternakan, pemasaran yang baik dan projek kecil yang lain.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 169*

**36 A**

Ulasan: Usaha kerajaan untuk memperbaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN) ialah menubuhkan MARDI untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan hasil pengeluaran. Selain itu, pertanian pintar contohnya, penggunaan teknologi pintar bagi meningkatkan pengeluaran pertanian, penggunaan benih berkualiti membolehkan sawah padi diusahakan empat kali setahun bagi meningkatkan hasil padi, jentera moden digunakan untuk membajak dan menuai dengan dikendalikan alat kawalan jauh, serta menggunakan dron untuk menyembur racun dan baja. Akhir sekali, penyebaran industri terpilih dengan mendorong sektor swasta menempatkan semula kilang tambahan di negeri kurang maju dengan menyediakan kemudahan fizikal, pendidikan, kesihatan dan perumahan. Kawasan ini akan menjadi pusat pertumbuhan baharu ekonomi seterusnya menyumbang kepada pembangunan wilayah.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 179*

**37 B**

Ulasan: Ikatan sejarah merupakan salah satu faktor penggubalan dasar luar. Negara yang menjalin hubungan dengan Malaysia melalui ikatan sejarah dan budaya serantau ialah Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, Thailand, Burma, China, India dan menyertai pertubuhan Komanwel selepas merdeka. Selain daripada ikatan sejarah, penggubalan dasar luar juga bergantung kepada keperluan nasional, kebijaksanaan dan kebolehan pemimpin dalam menggubal dasar luar. Faktor terakhir ialah persekitaran luar berdasarkan perkembangan politik, ekonomi dan sosial antarabangsa yang sentiasa berubah.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 197*

**38 A**

Ulasan: Selepas merdeka, Malaysia mengamalkan dasar pro-Barat, iaitu menolak untuk bersikap neutral dan menyertai sebarang pakatan negara tanpa pihak. Hal ini akan menyebabkan negara terjerumus dalam konflik antarabangsa. Dasar ini ditamatkan dan Malaysia mengubah dasarnya dengan mengamalkan dasar berkecuali dan terlibat secara aktif dalam NAM. Pelibatan Malaysia dalam NAM membolehkan Malaysia menjalinkan hubungan yang lebih terbuka dengan pelbagai pihak tanpa sebarang sekatan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 212–213*

**39 D**

Ulasan: Usaha Malaysia dalam memerangi penyalahgunaan dadah ialah menyuarakan dalam forum antarabangsa seperti IDEC (Penguatkuasaan Dadah Antarabangsa) yang ditubuhkan 1983 oleh Amerika Syarikat. Selain itu, mendapatkan kerjasama daripada INTERPOL (Polis Antarabangsa). Seterusnya Malaysia bekerjasama dengan negara lain bagi menggubal strategi operasi. Tun Dr. Mahathir lantang bersuara dalam forum PBB apabila terpilih sebagai Ketua Jawatankuasa Antidadah Antarabangsa 1988.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 226*

**40 D**

Ulasan: Malaysia sedar bahawa isu hak asasi manusia, pelarian dan pendatang tanpa izin (PATI) merupakan isu yang berkait dan penting. Keamanan, kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi yang pesat merupakan faktor kemasukan PATI dan pelarian ke Malaysia. Kehadiran PATI dan pelarian ini memberi implikasi sosial, ekonomi, jenayah, politik, hubungan diplomasi, mengancam ketenteraman dan keselamatan negara. Oleh itu, Malaysia telah mengukuhkan mekanisme pengurusan warga asing. Pelibatan Malaysia dalam program di bawah PBB terutama Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian (UNHCR). Pelantikan Malaysia sebagai ahli suruhanjaya ini pada 1993–1995. Selain itu, penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada 1999.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 245*

## KERTAS 2

**Bahagian A**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 71–81* | F1 Bertempur/ menyerang Jepun | 1 |
| | F2 British menubuhkan South East Asia Command (SEAC) berpusat di Colombo untuk membentuk Force 136 | 1 |
| | F3 Mendapat latihan di India/ Sri Lanka menaiki kapal selam/ diturunkan melalui payung terjun dari kapal terbang | 1 |
| | F4 Menubuhkan pasukan gerila (perang secara bersembunyi dalam kumpulan kecil) | 1 |
| | F5 Menjalankan aktiviti rahsia | 1 |
| | F6 Mengumpul maklumat | 1 |
| | F7 Melakukan sabotaj | 1 |
| | F8 Menyebar propaganda | 1 |
| | F9 Membuat persiapan untuk British melancarkan operasi Zipper/ serangan besar-besaran menawan Tanah Melayu pada tahun 1945 | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan cara penentangan Force 136 terhadap Jepun.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **1**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 79* | (i) Operasi Semut di Sarawak | |
| | F1 Operasi peninjauan oleh Unit Khas Z Australia | 1 |
| | F2 Kempen tentera Bersekutu untuk menentang Jepun | 1 |
| | F3 Dilaksanakan oleh Jabatan Peninjauan Perkhidmatan Australia atau Australian Services Reconnaissance Department (SRD) | 1 |
| | F4 Mereka mengumpul risikan | 1 |
| | F5 Melatih orang tempatan dalam perang gerila | 1 |
| | F6 Tahun 1945, anggota SRD mendarat di kawasan tengah dan timur laut Sarawak | 1 |
| | F7 Tujuan untuk menentang Jepun | 1 |
| | F8 Persediaan pendaratan tentera Bersekutu | 1 |
| | F9 Anggota ini terdiri daripada tentera Australia, British dan New Zealand | 1 |
| | F10 Rekrut tempatan dikenal sebagai gerila Semut | 1 |
| | F11 Terdiri dari orang Kayan/ Kenyah/ Kelabit/ Murut/ Iban | 1 |
| | F12 Tentera Semut mahir dalam merancang taktikal perang gerila | 1 |
| | F13 Mereka tahu selok-belok bumi Sarawak | 1 |
| | F14 Kawasan operasi Semut di lembah Bario hingga ke Belait dan Trusan; lembangan Sungai Baram, Tutong, Marudi dan Brunei; lembangan Sungai Rajang; Bintulu dan Mukah | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan cara Operasi Semut di Sarawak dalam Gerakan anti-Jepun dilaksanakan.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| | (ii) Pemberontakan Jesselton (*Double Tenth*) di Sabah | |
| | F1 Diketuai Albert Kwok | 1 |
| | F2 Dikenal juga dengan nama gerila Kinabalu | 1 |
| | F3 Melancarkan serangan terhadap pejabat pentadbiran/ balai polis/ kemudahan tentera Jepun | 1 |
| | F4 Membunuh tentera Jepun di Jesselton/ Kota Belut/ Menggatal/ Tuaran | 1 |
| | F5 Mendapat serangan balas dari tentera Jepun | 1 |
| | F6 Perkampungan di pesisir pantai diserang/ dibom | 1 |
| | F7 Beratus orang disoal siasat/ diseksa/ ada yang mati | 1 |
| | F8 Tentera Jepun mencari pemimpin/ anggota pemberontak | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F9 Albert Kwok menyerah diri | 1 |
| | F10 Dengan harapan dapat menamatkan serangan balas tentera Jepun terhadap orang awam | 1 |
| | F11 Albert Kwok dengan 175 orang lain dihukum bunuh di Patagas | 1 |
| | F12 131 orang dipenjarakan di Labuan | 1 |
| | F13 Terdapat juga pasukan gerila dipimpin Datu Mustapha Datu Harun | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan cara Pemberontakan Jesselton (*Double Tenth*) di Sabah dalam Gerakan anti-Jepun dilaksanakan. | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **1**(*c*) KBAT | F1 Berani menghadapi cabaran hidup | 1 |
| | F2 Sedia meninggalkan negeri untuk keluar menuntut ilmu | 1 |
| | F3 Sanggup menanggung risiko | 1 |
| | F4 Mengutamakan negara tanpa belot kepada negara | 1 |
| | F5 Tidak takut menghadapi musuh negara | 1 |
| | F6 Sanggup berkorban demi mempertahankan negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sifat sedia berkorban oleh pasukan tentera yang boleh dicontohi oleh generasi pada masa kini. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 216* | F1 Tunku Abdul Rahman | 1 |
| | F2 Dato' Abdul Razak Hussein | 1 |
| | F3 Kolonel H.S. Lee | 1 |
| | F4 Dr. Ismail Abdul Rahman | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyenaraikan dua orang wakil Parti Perikatan pentadbiran yang menyertai rombongan kemerdekaan ke London. | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **2**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 218* | F1 Tarikh kemerdekaan diberikan pada 31 Ogos 1957 | 1 |
| | F2 Pembentukan suruhanjaya bebas untuk merangka perlembagaan | 1 |
| | F3 Tanah Melayu akan menjalankan ekonomi bebas | 1 |
| | F4 British akan melindungi keselamatan dan pertahanan Tanah Melayu | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kejayaan rundingan kemerdekaan terhadap Tanah Melayu | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **2**(*c*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 224–225* | F1 Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan tarikh kemerdekaan di Banda Hilir, Melaka | 1 |
| | F2 Membentuk Suruhanjaya Reid untuk membincang, menyusun dan merangka | 1 |
| | F3 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka | 1 |
| | F4 Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31Ogos 1957 | 1 |
| | F5 Pelaksanaan kerajaan berasaskan sistem Demokrasi Berparlimen | 1 |
| | F6 Konsep Raja Berperlembagaan dibentuk | 1 |
| | F7 Mentadbir negara mengikut acuan sendiri | 1 |
| | F8 Kedudukan istimewa orang Melayu dilindungi | 1 |
| | F9 Memberi hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir sendiri negara | 1 |
| | F10 Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kepentingan rombongan kemerdekaan terhadap Tanah Melayu. | |
| | [*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **2**(*d*)<br>*KBAT* | F1 Kebijaksanaan<br>H1 Dalam merunding kemerdekaan<br>F2 Kewibawaan sebagai seorang pemimpin<br>H2 Yang diiktiraf oleh British<br>F3 Bertolak ansur<br>H3 Demi mencapai matlamat kemerdekaan<br>F4 Kesabaran<br>H4 Dalam menghadapi cabaran dan dugaan<br>F5 Ketegasan<br>H5 Semasa rundingan bagi memastikan keadilan dan keuntungan berpihak pada negara<br>F6 Berani<br>H6a Mempertahankan hak negara, raja dan rakyat<br>H6b Memberi pendapat demi kepentingan negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan ciri-ciri kepimpinan yang patut dicontohi daripada pemimpin rombongan kemerdekaan.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **3**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 73* | F1 KEDA<br>F2 PERDA<br>F3 KEJORA<br>F4 KESEDAR<br>F5 KETENGAH<br>F6 DARA<br>F7 LKTS<br>F8 SALCRA<br>F9 SLDB<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan dua agensi pembangunan wilayah yang telah diperkenalkan untuk membangunkan wilayah baharu.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **3**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 73* | F1 Aktiviti industri dan komersial tertumpu di kawasan pantai barat<br>F2 Sudah menjadi tumpuan migrasi rakyat di kawasan tersebut<br>F3 Bandar telah berkembang pesat<br>F4 Untuk menjana pembangunan di kawasan yang kurang maju<br>F5 Mewujudkan keseimbangan pembangunan<br>F6 Merapatkan jurang perbezaan digital antara bandar dengan desa<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sebab negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia tidak termasuk dalam Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Menggalakkan rakyat meneroka bidang baharu<br>F2 Mengadakan perkongsian ilmu dan teknologi dengan negara serantau<br>F3 Menggalakkan pelaburan asing/kerjasama pihak swasta<br>F4 Memberi pelbagai insentif/ bantuan<br>F5 Menggalakkan penyelidikan dalam pelbagai bidang<br>F6 Meningkatkan hubungan antarabangsa<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan peranan pemimpin untuk membangunkan ekonomi negara.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **4**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 210* | F1 Malaysia berusaha mengadakan kerjasama dengan negara jiran<br>F2 Persatuan Asia Tenggara/ MAPHILINDO ditubuhkan tetapi gagal<br>F3 Deklarasi Bangkok 8 Ogos 1967<br>F4 Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) ditubuhkan<br>F5 Anggota awal lima buah negara (Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina dan Singapura)<br>F6 Keanggotaan bertambah menjadi sepuluh (Myanmar, Laos, Kemboja, Vietnam dan Brunei)<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan latar belakang/ sejarah penubuhan ASEAN.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **4**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 210* | F1 Kerjasama pendidikan<br>F2 Penubuhan SEAMEO/ Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara<br>F3 Pertukaran pelajar<br>F4 Penubuhan pusat serantau pendidikan<br>H4 Seperti pembinaan RECSAM di Pulau Pinang<br>F5 Kerjasama dalam bidang kebudayaan<br>F6 Mengadakan festival kebudayaan dan kesenian<br>F7 Penubuhan Tabung Kebudayaan ASEAN<br>F8 Menjalinkan kerjasama dalam sukan<br>F9 Sukan SEA dilaksanakan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kerjasama sosial antara Malaysia dengan ASEAN.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **4**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Berjaya<br>H1a Menyatukan negara ASEAN daripada lima kepada sepuluh<br>H1b Kepada satu blok yang dianggotai juga oleh negara komunis<br>H1c Anggota awal Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura<br>H1d Diikuti Vietnam, Kemboja, Laos, Brunei dan Myanmar<br>H1e Masalah Kemboja dan Vietnam berjaya diselesaikan melalui rundingan<br>H1f ASEAN menjadi lebih stabil/ tanpa peperangan<br>F2 Tidak berjaya<br>H2a Menangani isu Laut China Selatan masih berlarutan hingga kini<br>H2b Tuntutan bertindih Filipina-China di Kepulauan Spratly<br>H2c Menimbulkan ketegangan serantau<br>H2d Menjejaskan kestabilan ASEAN<br>H2e Isu pemerdagangan manusia masih berterusan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan pendirian menyokong atau tidak dengan pernyataan yang diberikan. Setiap pendirian mesti disokong dengan alasan atau bukti sokongan.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **5**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 40* | (i) Kesatuan Melayu Singapura (KMS)<br>F1 Persatuan terawal/ ditubuhkan pada tahun 1926<br>F2 Oleh Mohammad Eunos bin Abdullah<br>F3 Bertujuan menggalakkan ahli bergerak aktif dalam pentadbiran<br>F4 Memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam bidang politik/ pendidikan<br>F5 Mementingkan pelajaran teknik dan pengajian tinggi<br>F6 Berjaya mendorong penubuhan persatuan negeri lain<br>F7 Contohnya, Persatuan Melayu Pahang/ Selangor/ Negeri Sembilan | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |

**Bahagian B**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F8 Bekerjasama dengan British | 1 |
| | F9 Meminta lebih banyak peluang diberikan kepada orang Melayu dalam bidang pentadbiran | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan perkembangan pertubuhan atau persatuan KMS. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| | (ii) Kesatuan Melayu Muda (KMM) | |
| | F1 Ditubuhkan pada bulan Mei 1937 | 1 |
| | F2 Hasil daripada gagasan Ibrahim Haji Yaakob | 1 |
| | F3 Didaftarkan pada tahun 1938 | 1 |
| | F4 Berjuang melalui akhbar *Majlis* | 1 |
| | F5 Bertujuan menentang British | 1 |
| | F6 Berhasrat mewujudkan gagasan Melayu Raya/ gabungan Tanah Melayu dan Indonesia | 1 |
| | F7 Menyeru orang Melayu bangun sebagai bangsa yang mempunyai tamadun/ kesopanan di tanah air | 1 |
| | F8 Dianggap radikal oleh British kerana berani menyuarakan penentangan terhadap British | 1 |
| | F9 Membangkitkan perasaan anti-British melalui akhbar dan majalah | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan perkembangan pertubuhan atau persatuan KMM. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **5**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 41* | F1 Memberi perhatian kepada kebajikan/ perkembangan politik tempatan | 1 |
| | H1 Oleh masyarakat Cina yang dilahirkan di Negeri-Negeri Selat/ Cina Peranakan | 1 |
| | F2 Menggalakkan pelajaran tinggi dan teknikal dalam masyarakat Cina | 1 |
| | H2 Oleh mereka yang berpendidikan Inggeris/ Tan Jiak Kim | 1 |
| | F3 Menuntut peluang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan | 1 |
| | H3a Oleh Tan Cheng Lock | 1 |
| | H3b Melalui Persatuan Orang Cina Peranakan British (SCBA) | 1 |
| | F4 Menjaga kepentingan masyarakat India di Tanah Melayu | 1 |
| | H4 Melalui Persatuan India Taiping/ Persatuan India Pulau Pinan | 1 |
| | F5 Membincangkan isu berkaitan masyarakat India | 1 |
| | H5 Melalui Persidangan India Se-Malaya di Kuala Lumpur/ negeri lain | 1 |
| | F6 Mengembangkan idea nasionalisme masyarakat India di Tanah Melayu | 1 |
| | H6 Melalui Central India Association of Malaya (CIAM) | 1 |
| | F7 Menjaga kepentingan masyarakat Sikh | 1 |
| | H7 Melalui Khalsa Diwan Malaya ditubuhkan di Taiping | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab penduduk bukan Melayu menubuhkan persatuan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **5**(*c*) *KBAT* | F1 Berorganisasi | 1 |
| | H1 Menjadikan pengurusan sistematik | 1 |
| | F2 Mempunyai peraturan/ perlembagaan | 1 |
| | H2 Sebagai garis panduan kepada pemimpin/ ahli | 1 |
| | F3 Kepimpinan dipilih oleh ahli | 1 |
| | H3 Tidak berlaku pemusatan kuasa/perebutan kuasa | 1 |
| | F4 Menggunakan perundingan/perbincangan | 1 |
| | H4 Masalah dapat diselesaikan dengan baik/ berkesan | 1 |
| | F5 Matlamat lebih jelas | 1 |
| | H5 Mempunyai hala tuju | 1 |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*c*) KBAT | F6 Ahli lebih ramai berdaftar<br>H6 Memudahkan aktiviti/ kewangan mantap/ yuran<br>F7 Dianggotai oleh intelek<br>H7 Menjana idea memajukan persatuan<br>F8 Badan yang boleh menyatukan rakyat<br>H8 Melalui aktiviti kemasyarakatan/ kemanusiaan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan keberkesanan/ kebaikan perjuangan yang dilakukan melalui persatuan.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **6**(*a*) Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 128 | F1 Kerajaan British mengadakan perundingan secara tertutup dengan UMNO<br>F2 British mengetepikan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) daripada Jawatankuasa Kerja<br>F3 Golongan ini menganggap British tunduk kepada tuntutan UMNO<br>F4 Golongan ini menganggap penubuhan Jawatankuasa Kerja tidak demokratik<br>F5 Membantah kerana Jawatankuasa Kerja tidak mempunyai wakil bukan Melayu<br>F6 Golongan ini menganggap Perlembagaan Persekutuan tidak demokratik<br>F7 Kedudukan British di Tanah Melayu semakin kukuh<br>F8 Perlembagaan Persekutuan bersifat perkauman<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab gabungan PUTERA dan AMCJA tidak menerima cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **6**(*b*) Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 130 | F1 Tanah Melayu disatukan dengan Singapura<br>F2 Penubuhan sebuah Dewan Perundangan Pusat dan majlis –majlis negeri yang dipilih bagi seluruh Tanah Melayu<br>F3 Kewarganegaraan yang sama bagi semua orang yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal tetap<br>H3 Dan sanggup mencurahkan kesetiaan tanpa berbelah bahagi<br>F4 Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan yang bertanggungjawab kepada rakyat<br>H4 Dan menerima nasihat melalui Majlis Mesyuarat<br>F5 Hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu diketuai sepenuhnya oleh orang Melayu melalui Majlis Khas<br>F6 Perhatian khas hendaklah diberikan kepada kemajuan politik dan ekonomi orang Melayu<br>F7 Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi Tanah Melayu<br>F8 Hal ehwal luar negeri dan pertahanan hendaklah menjadi tanggungjawab bersama kerajaan Tanah Melayu dan kerajaan British<br>F9 Kewarganegaraan Malaya haruslah dinamakan Melayu<br>F10 Warna merah dan putih haruslah dimasukkan sebagai latar belakang bendera kebangsaan Tanah Melayu<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan isi kandungan Perlembagaan Rakyat 1947 yang dikemukakan oleh PUTERA-AMCJA.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
| --- | --- | --- |
| **6**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Menuntut peluang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan<br>H1a Tiada campur tangan kuasa asing<br>H1b Bebas mentadbir mengikut acuan negara sendiri<br>H1c Mengukuhkan perpaduan/ kerjasama antara kaum<br>C1 Penubuhan Sistem Ahli/ PTM 1948<br>F2 Menjamin kestabilan politik negara<br>H2a Pentadbiran negara dapat berjalan lancar<br>H2b Keamanan negara dapat dikekalkan<br>H2c Keselamatan rakyat terjamin kerana tiada pergaduhan<br>C2 Peristiwa 13 Mei 1969 tidak berulang<br>F3 Memajukan ekonomi negara<br>F4 Menunjukkan rasa patriotik<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab/ kepentingan untuk mengamalkan sikap bertanggungjawab kepada negara.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **7**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 242–245* | F1 Pengamalan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen<br>H1 Yang Di-Pertuan Agong menjadi Ketua Negara<br>F2 Sistem Demokrasi Berparlimen diamalkan<br>H2a Rakyat berkuasa memilih pemerintah/memiliki hak bersuara<br>H2b Rakyat mempunyai kuasa memilih kerajaan dan pemerintah melalui pilihan raya<br>H2c Pilihan raya memberi rakyat hak bersuara dan memilih wakil untuk menentukan hala tuju masa depan dan kesejahteraan negara<br>H2d Parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan<br>H2e Peringkat negeri, Dewan Undangan Negeri berkuasa menggubal undang-undang<br>F3 Negara ditadbir oleh rakyat tempatan<br>H3a Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Perdana Menteri<br>H3b Negara memainkan peranan penting dalam organisasi antarabangsa seperti PBB<br>H3c Negara mendapat pengiktirafan antarabangsa<br>F4 Ekonomi negara berkembang pesat<br>H4a Penubuhan FELDA<br>H4b Rancangan Malaya Pertama<br>H4c Penubuhan institusi kewangan<br>H4d Bank Negara/ Malay National Bank/ Kwong Yik Bank<br>H4e Pembangunan luar bandar<br>H4f Rancangan Buku Merah<br>F5 Pembangunan sosial ditingkatkan<br>H5a Pendidikan/ Penyata Rahman Talib diwujudkan<br>H5b Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka<br>H5c Penubuhan Jabatan Penerangan<br>H5d Kemudahan awam/ bekalan air/ bekalan elektrik disediakan<br>H5e Hospital/ pusat kesihatan dibina di luar bandar<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kesan kemerdekaan kepada negara.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 6 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **7**(*b*) KBAT | F1 Bangga | 1 |
| | H1a Menyaksikan bendera kebangsaan dinaikkan | 1 |
| | H1b Rakyat tempatan menerajui kepimpinan negara | 1 |
| | F2 Terharu | 1 |
| | H2 Melihat semua kaum dan golongan keluar meraikan kemerdekaan | 1 |
| | F3 Bersyukur | 1 |
| | F4 Negara bebas daripada penjajahan | 1 |
| | F5 Perpaduan antara kaum mantap | 1 |
| | F6 Perasaan cintakan negara semakin mantap | 1 |
| | F7 Sanggup berkorban mempertahankan kemerdekaan | 1 |
| | F8 Sedih | 1 |
| | H8 Mengenangkan pejuang-pejuang negara yang terkorban untuk kemerdekaan | 1 |
| | F9 Mengingati perjuangan tokoh negara dalam memperjuangkan kemerdekaan | 1 |
| | F10 Kesungguhan pemimpin berkorban demi negara | 1 |
| | F11 Perjuangan yang dilakukan adalah bijak tanpa pertumpahan darah | 1 |
| | F12 Berasa bertanggungjawab bagi mengekalkan kedaulatan negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menggambarkan perasaan calon sekiranya berada semasa peristiwa pemasyhuran kemerdekaan negara. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **7**(*c*) KBAT | F1 Mengeratkan perpaduan | 1 |
| | H1a Saling menghormati antara satu sama lain | 1 |
| | H1b Bertolak ansur | 1 |
| | H1c Menjamin kesetiaan rakyat | 1 |
| | H1d Mengelak perbalahan | 1 |
| | C1 Menghayati Rukun Negara | 1 |
| | F2 Memastikan kestabilan negara | 1 |
| | H2a Memimpin secara adil | 1 |
| | H2b Memajukan ekonomi negara | 1 |
| | H2c Mengutamakan hak rakyat | 1 |
| | H2d Menjamin keadilan | 1 |
| | C2 Rakyat mematuhi undang-undang negara | 1 |
| | F3 Menjaga keselamatan negara | 1 |
| | F4 Mewujudkan sistem pentadbiran yang teratur | 1 |
| | F5 Mengelak campur tangan kuasa asing | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan cara bagi mengekalkan kedaulatan negara. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 119* | F1 Politik | 1 |
| | H1a Lee Kuan Yew tidak berpuas hati | 1 |
| | H1b Dengan peranan kerajaan Singapura yang terhad | 1 |
| | F2 Konflik antara pemimpin | 1 |
| | H2a People's Action Party (PAP) dengan Perikatan | 1 |
| | H2b Kempen Malaysia Malaysia oleh Lee Kuan Yew | 1 |
| | H2c Menuntut hak sama rata semua kaum | 1 |
| | H2d Menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk | 1 |
| | F3 Ekonomi | 1 |
| | H3 Singapura menuntut pembukaan pasaran bersama (*common market*) disegerakan | 1 |
| | F4 Ketidakpuashatian Singapura | 1 |
| | H4a Terhadap cadangan tambahan cukai | 1 |
| | H4b Yang perlu diberikan kepada Kerajaan Persekutuan | 1 |
| | F5 Singapura mahu mengenakan faedah | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H5a Terhadap sebahagian daripada pinjaman sebanyak RM150 juta<br>H5b Kepada Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan Sarawak dan Sabah<br>F6 Masalah perkauman<br>H6a Berlaku rusuhan kaum pada 21 Julai 1964<br>H6b Menimbulkan ketegangan antara kaum<br>H6c Tuntutan persamaan hak<br>H6d Yang sama rata bagi semua kaum<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan faktor yang mendorong pemisahan Singapura daripada Malaysia.<br>[*Mana-mana* 7 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 7 *markah*] |
| **8**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 120* | F1 Kegagalan rundingan<br>H1a Tun Abdul Razak Hussein dengan Lee Kuan Yew<br>H1b Pada 29 Jun 1965<br>F2 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengarahkan Tun Abdul Razak Hussein<br>H2a Bermesyuarat dengan beberapa menteri<br>H2b Seperti Dr. Ismail Abdul Rahman, Tan Siew Sin dan V.T. Sambanthan<br>H2c Untuk berbincang tentang pemisahan pada 1 Julai 1965<br>F3 Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia<br>H3 Bersetuju dengan rancangan pemisahan pada awal Ogos 1965<br>F4 Tunku Abdul Rahman dan Lee Kuan Yew menandatangani persetujuan<br>F5 Tunku Abdul Rahman membawa usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen Malaysia pada 9 Ogos 1965<br>F6 Parlimen meluluskan rang undang-undang pemisahan Singapura<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan peristiwa pemisahan Singapura daripada Malaysia.<br>[*Mana-mana* 5 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 5 *markah*] |
| **8**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Bijak dan berpandangan jauh<br>H1a Sentiasa positif dan berwawasan<br>H1b Membangunkan dan memodenkan negara<br>H1c Mengelakkan campur tangan kuasa asing<br>C1 Pembinaan KLIA, KLCC dan Formula 1<br>F2 Sentiasa memikirkan kebajikan rakyat<br>H2a Mengelakkan penentangan dan ketidakadilan berlaku<br>H2b Mendengar masalah rakyat<br>C2 Peluang pekerjaan dan taraf hidup rakyat<br>F3 Mempunyai nilai hidup dan moral yang baik<br>F4 Merealisasikan kecemerlangan<br>F5 Kreatif dan penuh dengan idea-idea baharu<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kepentingan pemimpin yang berwibawa dalam memperjuangkan maruah bangsa untuk mengekalkan kedaulatan negara.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **9**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 157* | F1 Dibentuk selepas peristiwa 13 Mei 1969<br>F2 Hasil perbincangan/ pemikiran Majlis Perundingan Negara (MAPEN)<br>F3 Yang dibentuk oleh MAGERAN pada 29 Januari 1970<br>H4 Diisytiharkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong IV pada 31 Ogos 1970<br>F5 Sempena ulang tahun kemerdekaan yang ke-13<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sejarah pembentukan Rukun Negara.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **9**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 158* | F1 Melahirkan sebuah negara yang rakyatnya bersatu padu<br>H1 Serta cinta akan negara<br>F2 Melahirkan masyarakat demokratik<br>H2a Bertindak mengikut Parlimen<br>H2b Perlembagaan negara menjamin kebebasan hak asasi<br>H2c Kepentingan negara diutamakan<br>F3 Melahirkan masyarakat liberal<br>F4 Melahirkan masyarakat progresif<br>H4a Mengikut kemajuan sains dan teknologi<br>H4b Di samping mengamalkan nilai-nilai ketuhanan<br>H4c Bergerak maju seiring kemajuan zaman<br>F5 Melahirkan masyarakat adil<br>H5a Peluang sama menikmati kekayaan negara<br>H5b Pihak yang lemah dibantu supaya dapat bersaing<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan matlamat pembentukan Rukun Negara.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **9**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Membentuk keperibadian baik<br>HIa Melalui prinsip pertama, kepercayaan kepada tuhan<br>H1b Melahirkan individu yang bekerja kuat untuk diri/ masyarakat<br>F2 Prinsip kedua, kesetiaan kepada raja dan negara<br>H2a Raja sebagai simbol penyatuan rakyat berbilang kaum<br>H2b Melahirkan rakyat yang cintakan negara<br>H2c Sanggup berkorban untuk negara<br>C2 Sebagai *frontliners* semasa Covid-19, meninggalkan keluarga demi tugas<br>F3 Prinsip ketiga, keluhuran perlembagaan<br>H3 Bebas amalkan agama/ adat resam/ kebudayaan<br>F4 Melahirkan masyarakat progresif<br>H4a Mengikut kemajuan sains dan teknologi<br>H4b Di samping mengamalkan nilai-nilai ketuhanan<br>H4c Bergerak maju seiring kemajuan zaman<br>F5 Melahirkan masyarakat adil<br>H5a Peluang sama menikmati kekayaan negara<br>H5b Pihak yang lemah dibantu supaya dapat bersaing<br>H5c Rukun Negara jika diamalkan akan mewujudkan rakyat yang bersatu dan seterusnya mewujudkan negara maju dan makmur<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki membuktikan/ menjelaskan kepentingan Rukun Negara kepada rakyat dan negara.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |

# KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025 (SET 4)

## KERTAS 1

1 **D**
**Ulasan:** Kerajaan muncul disebabkan oleh adanya raja yang berdaulat yang menjadi pemerintah tertinggi dan dibantu oleh pembesar.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 6*

2 **C**
**Ulasan:** Golongan pemerintah terdiri daripada sultan, kerabat diraja dan pembesar. Peranan pembesar sebagai golongan pemerintah ialah memelihara keamanan dan kebajikan rakyat di kawasan pegangan. Selain itu, menjadi perantara antara sultan dengan rakyat dan mengutip hasil melalui sistem serah dan kerah.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 12*

3 **A**
**Ulasan:** Nasionalisme di Burma digerakkan oleh golongan kelas menengah, sami Buddha (pongyi). Thakin (siswazah universiti) dan golongan petani. Gerakan nasionalisme ini berlaku kerana British mengancam kedudukan agama Buddha. Persatuan Belia Buddha menggunakan isu kasut untuk membangkitkan nasionalisme di Burma. Isu kasut berpunca dari perbuatan orang British yang memakai kasut semasa memasuki kuil Buddha. Perbuatan ini dianggap mencemari kesucian agama Buddha.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 29*

4 **B**
**Ulasan:** Perkembangan nasionalisme yang berlaku akibat pengaruh dalaman dan luaran telah menyemarakkan pergerakan nasionalisme di negara kita. Kesannya lahir golongan intelektual yang berjuang melalui organisasi, penulisan kreatif dan penubuhan persatuan bagi membebaskan tanah air.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 35*

5 **C**
**Ulasan:** Antara faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama ialah persaingan kuasa imperialis bagi mendapatkan tanah jajahan untuk mendapatkan bahan mentah. Selain itu, pakatan ketenteraan seperti Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga adalah hasil dari permusuhan antara kuasa Eropah. Krisis rantau Balkan menjadi faktor pemangkin Perang Dunia Pertama akibat permusuhan Austria-Hungary dan Serbia menyebabkan berlaku pembunuhan Putera Mahkota Austria-Hungary oleh orang Serbia.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 54*

6 **D**
**Ulasan:** Jepun ingin mengeksploitasi kekayaan bahan mentah di negara kita bagi keperluan perindustrian dan operasi ketenteraan Jepun ekoran Pembaharuan Meiji dan operasi ketenteraan Jepun. Pendudukan Jepun di negara kita merupakan sebahagian daripada rancangan menjayakan pembentukan kawasan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya untuk mengukuhkan ekonomi Jepun.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 68*

7 **A**
**Ulasan:** Gagasan Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu bagi menggantikan BMA. British berharap Malayan Union akan melicinkan sistem pentadbiran, meningkatkan pelaburan ekonomi, mengukuhkan pertahanan dan mengekalkan orang asing sebagai sumber tenaga kerja untuk ekonomi British.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 96*

8 **B**
**Ulasan:** Salah satu cara penentangan terhadap Malayan Union adalah menerusi Akhbar Melayu seperti *Utusan Melayu* (Singapura), *Majlis* (Kuala Lumpur) dan *Warta Negara* (Pulau Pinang). Akhbar ini telah menyuarakan bantahan keras, mengecam dan mengutuk Malayan Union kerana merugikan orang Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 102*

9 **C**
**Ulasan:** Persekutuan Tanah Melayu 1948 ditubuhkan untuk menggantikan Malayan Union. Antara faktor penubuhannya ialah penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union, cadangan dari Raja-raja Melayu dan UMNO serta sokongan pentadbir British.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 132–133*

10 **D**
**Ulasan:** *Jus soli* dalam ciri kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu 1948 hanya terbuka kepada rakyat Raja dan rakyat British sahaja. Rakyat Raja ialah orang Melayu dan Orang Asli yang lahir dan tinggal di negeri Melayu yang mempunyai sultan. Rakyat British adalah mereka yang lahir di Melaka, Pulau Pinang dan mana-mana tanah jajahan British yang lain.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 135*

11 **D**
**Ulasan:** Berikutan daripada peristiwa pembunuhan tiga orang pengurus ladang oleh komunis, Sir Edward Gent, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu mengisytiharkan darurat. Undang-Undang


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

Darurat ini dilaksanakan di seluruh kawasan negeri Perak dan Johor.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 148*

12 **A**
**Ulasan:** Min Yuen (Organisasi Massa) ditubuhkan untuk mendapatkan bekalan makanan dan wang kepada komunis. Min Yuen juga melakukan peras ugut, merompak, menjalankan kegiatan propaganda, perisikan dan sabotaj, merekrut ahli baharu serta membantu menjalankan kegiatan politik.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 157*

13 **B**
**Ulasan:** Sistem Ahli berperanan untuk melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran PTM. Sistem Ahli juga memberikan latihan kepada penduduk tempatan berkaitan dengan pentadbiran negeri sebelum diberi kemerdekaan. Anggotanya diberikan tanggungjawab terhadap jabatan-jabatan tertentu seperti Hal Ehwal Dalam Negeri, Pelajaran dan Kesihatan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 179*

14 **B**
**Ulasan:** MIC menyertai UMNO dan MCA pada Oktober 1954 membentuk Parti Perikatan. Parti ini memilih kapal layar sebagai logo kerana ia melambangkan kesediaan menempuh cabaran dan rintangan bagi mencapai kemerdekaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 187*

15 **C**
**Ulasan:** Proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 bermula dengan Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan dan menetapkan 52 sempadan pilihan raya. Diikuti dengan kelulusan rang undang-undang bagi membolehkan pilihan raya diadakan. Pendaftaran pengundi dilakukan bermula 18 Oktober 1954, diikuti dengan penamaan calon pada 15 Jun 1955. Kemudian kempen pilihan raya diadakan selama 45 hari. Pengundi akan mengundi pada 27 Julai 1955. Selepas itu peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi dan proses pengiraan undi dilakukan. Akhir sekali, pengumuman keputusan pilihan raya.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 200*

16 **B**
**Ulasan:** Sebelum pilihan raya umum diadakan terdapat isu yang perlu diselesaikan, iaitu isu yang berkaitan dengan bilangan ahli MPP.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 198*

17 **B**
**Ulasan:** Testament Amanah Politik Perikatan menyediakan memorandum yang mengetengahkan isu kewarganegaraan. Terdapat pihak dalam UMNO yang menolak *jus soli*. Hal ini menyebabkan Dewan Perniagaan Melayu memohon mengetatkan soal kewarganegaraan. Persatuan Dewan Perniagaan Cina se-Malaya menggesa kewarganegaraan menerusi kelahiran. Masyarakat India menuntut kewarganegaraan mereka diteliti manakala masyarakat Serani juga mahu hak mereka dipertahankan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 222*

18 **A**
**Ulasan:** Antara inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu adalah tentang kewarganegaraan. Tiga cara kewarganegaraan diberikan, iaitu penguatkuasaan undang-undang, memohon didaftarkan sebagai rakyat dan menukar kewarganegaraan atau naturalisasi.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 224*

19 **D**
**Ulasan:** Jawatankuasa Persediaan Fizikal memfokuskan penonjolan identiti negara. Prasarana fizikal yang disediakan ialah pembinaan Stadium Merdeka dan Istana Negara. Selain itu lagu rasmi dicipta, iaitu lagu *Negaraku* yang berasal dari lagu *Terang Bulan*, lagu negeri Perak. Seterusnya penggunaan bendera Persekutuan Tanah Melayu yang direka bentuk oleh Mohamed Hamzah. Jata Negara juga diperkenankan oleh Raja-raja Melayu dan bunga raya dipilih sebagai bunga kebangsaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 236*

20 **B**
**Ulasan:** Kesan aspek politik di negara kita dapat dilihat melalui amalan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua utama negara dengan bidang kuasa tertentu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 242*

21 **A**
**Ulasan:** Ciri-ciri negara yang berdaulat ialah mempunyai pemerintahan, mempunyai sempadan, mempunyai perundangan dan mempunyai rakyat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 9*

22 **C**
**Ulasan:** Kedaulatan penting bagi memberikan hak kepada negara untuk menjalinkan hubungan dengan negara lain. Kesannya Malaysia menikmati pelbagai faedah dan kelebihan dalam usaha mempertahankan kedaulatan. Keanggotaan Malaysia dalam

pertubuhan serantau dan antarabangsa meningkatkan imej negara. Masyarakat antarabangsa mengakui peranan dan kebolehan negara kita setaraf dengan negara lain di dunia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 11*

23 **C**

**Ulasan:** Di Negeri-negeri Selat terdapat Charter of Justice untuk melindungi penduduk asal.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 25*

24 **B**

**Ulasan:** Bahasa Melayu merupakan ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan. Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, bahasa Melayu menjadi *lingua franca* dan memainkan peranan sebagai bahasa ilmu. Kini, bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 29*

25 **B**

**Ulasan:** Durbar ialah perjumpaan atau persidangan umum yang diadakan oleh Raja Melayu negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan dengan British. Durbar bertujuan untuk membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan pihak British.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 42*

26 **A**

**Ulasan:** Kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam perlembagaan tidak bersifat mutlak, tetapi tertakluk pada sekatan yang ditentukan oleh undang-undang yang digubal oleh Parlimen. Sekatan ini bertujuan memastikan ketenteraman dan kesejahteraan awam terjamin dalam masyarakat demokratik.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 51*

27 **B**

**Ulasan:** Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa tambahan bagi menyesuaikan kemasukan negeri berkenaan ke dalam Persekutuan Malaysia. Antaranya ialah undang-undang dan adat anak negeri, Mahkamah Anak Negeri dan kereta api di Sabah.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 70*

28 **D**

**Ulasan:** Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan FELDA untuk menguruskan dan menyalurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri dalam usaha melaksanakan rancangan pembangunan tanah baharu.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 72*

29 **D**

**Ulasan:** Idea gagasan Malaysia yang dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ialah penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei untuk merdeka di bawah satu sistem Kerajaan Persekutuan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 90*

30 **A**

**Ulasan:** Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah mengadakan lawatan ke Sarawak dan Brunei bagi meninjau dan bertemu dengan pemimpin tempatan bagi menerangkan rancangan pembentukan Malaysia. Pemimpin-pemimpin seperti Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Ghafar Baba turut mengadakan lawatan ke Sarawak dan Sabah untuk menunjukkan kesepakatan dalam kalangan ahli politik di Tanah Melayu untuk menjelaskan gambaran sebenar tentang rancangan Malaysia kepada penduduk Sarawak dan Sabah.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 98*

31 **C**

**Ulasan:** Antara faktor pemisahan Singapura ialah Lee Kuan Yew tidak berpuas hati dengan peranan Singapura yang terhad. Selain itu, berlaku konflik antara pemimpin PAP dengan Perikatan. Kempen Malaysian Malaysia oleh Lee Kuan Yew pula menuntut hak sama rata untuk semua kaum menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk. Singapura juga menuntut pembukaan pasaran bersama disegerakan dan tidak berpuas hati dengan tambahan cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan. Singapura juga mahu mengenakan kadar faedah terhadap pinjaman dari Kerajaan Persekutuan. Faktor ini ditambah dengan masalah rusuhan kaum di Singapura yang menyebabkan ketegangan antara kaum.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 119*

32 **C**

**Ulasan:** Kerajaan melaksanakan dua kaedah mengatasi ancaman komunis di Sarawak. Pertama melalui perang saraf bagi memenangi hati rakyat. Kedua melalui operasi ketenteraan seperti Operasi Hammer, RASCOM dan Operasi Sri Aman.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 121–122*

33 **B**

**Ulasan:** Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bertujuan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 149*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

**34** **B**

**Ulasan:** Sukan Malaysia (SUKMA) bertujuan mengeratkan hubungan kaum serta integrasi antara negeri. Sukan ini diadakan dwitahunan dan disertai oleh 13 buah negeri.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 153*

**35** **C**

**Ulasan:** Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) ditubuhkan pada tahun 1973 untuk membantu pekebun kecil, petani dan peladang yang terlibat dalam kegiatan koperasi.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 169*

**36** **D**

**Ulasan:** Matlamat DPN adalah untuk mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan. Matlamat ini dicapai melalui pembangunan seimbang antara negeri dan antara bandar dengan luar bandar.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 174*

**37** **C**

**Ulasan:** Matlamat dan tujuan penggubalan dasar luar Malaysia ialah mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara, melindungi kepentingan nasional, mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia, memupuk hubungan baik dengan negara luar dan menghadapi perkembangan serta cabaran politik, ekonomi dan sosial.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 196*

**38** **A**

**Ulasan:** Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ditubuhkan pada tahun 1945 dengan matlamat mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia. Pelibatan Malaysia dalam PBB menjadi bukti komitmen Malaysia untuk bekerjasama dan mewujudkan keamanan pada peringkat dunia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 198*

**39** **C**

**Ulasan:** Logo ASEAN menunjukkan 10 tangkai padi yang melambangkan 10 buah negara yang diikat oleh semangat persahabatan dan perpaduan. Moto ASEAN ialah keamanan, kestabilan, kegigihan, kedinamikan, kesucian dan kemakmuran.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 211*

**40** **D**

**Ulasan:** Malaysia merupakan negara yang membangkitkan isu Antartika. Malaysia mendesak PBB mengambil langkah pertama menjadikan Antartika sebagai warisan manusia sejagat. Malaysia mencadangkan PBB mentadbir Antartika agar segala bentuk hasil yang terdapat di benua tersebut dikongsi bersama-sama oleh semua negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 240*

## KERTAS 2

**Bahagian A**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 80* | F1 Membebaskan ahli KMM yang dipenjarakan oleh British<br>F2 Pentadbiran tentera Jepun memberi ruang kepada kegiatan politik<br>F3 Jepun memerlukan sokongan masyarakat tempatan<br>F4 Jun 1942, tentera Jepun membubarkan KMM<br>F5 Kerana tindakan pemimpin menuntut kemerdekaan daripada Jepun<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan reaksi Jepun terhadap KMM.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **1**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 80* | F1 *Giyu Gun* atau Pembela Tanah Air ialah pasukan tentera sukarela yang ditubuhkan oleh Jepun<br>F2 Untuk membantu Jepun mempertahankan Tanah Melayu<br>F3 Ibrahim Haji Yaakob mengetuai *Giyu Gun*<br>F4 Sebagai Leftenan Kolonel<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan organisasi *Giyu Gun* semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **1**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Penangkapan tokoh<br>H1 Penangkapan Ibrahim Haji Yaakob<br>F2 Penangkapan 150 orang penyokong KMM<br>F3 Ibrahim Haji Yaakob dan penyokong dipenjarakan<br>F4 Kekalahan Jepun secara mendadak<br>F5 British menguasai Tanah Melayu semula<br>F6 Sistem ketenteraan British lebih maju<br>F7 Kurang mendapat sokongan daripada rakyat Tanah Melayu<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan pandangan sebab Kesatuan Melayu Muda tidak berjaya dalam mencapai matlamat perjuangan politiknya.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 152* | F1 Cawangan Khas<br>F2 Special Constables (SC)<br>F3 Polis Hutan<br>F4 Polis Wanita<br>F5 Senoi Praaq (Urang Perang)<br>F6 Auxiliary Police (AP)<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyenaraikan tiga pasukan keselamatan polis yang ditubuhkan oleh British untuk membanteras kegiatan komunis.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **2**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 154–155* | **Pasukan Askar Melayu**<br>F1 Membanteras gerila komunis di dalam hutan<br>F2 Menumpaskan anggota komunis<br>F3 Memusnahkan kubu koperasi komunis<br>**Pasukan Askar Komanwel**<br>F4 Membantu dalam usaha memerangi komunis di negara kita<br>**Sarawak Rangers**<br>F5 Menjejak persembunyian komunis di dalam hutan<br>F6 Mahir selok-belok hutan<br>F7 Banyak kem dan markas komunis berjaya dimusnahkan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan tugas pasukan keselamatan tentera yang disenaraikan dalam penentangan terhadap komunis.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | <br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **2**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Ideologi bertentangan dengan cara hidup Islam dan adat orang Melayu<br>F2 Ideologi komunis dikaitkan dengan negara China<br>F3 Kekejaman pihak British<br>F4 Orang Melayu lebih menggunakan cara rundingan bersama<br>F5 Tindakan PKM semasa pendudukan Jepun telah menyemai perasaan benci penduduk tempatan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan pandangan mengenai kegagalan Parti Komunis Malaya menguasai Tanah Melayu yang merupakan satu kejayaan besar buat British.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 70* | F1 Undang-undang Islam<br>F2 Tanah<br>F3 Pertanian dan perhutanan<br>F4 Kerajaan tempatan<br>F5 Hari kelepasan negeri<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan perkara yang terkandung dalam Senarai Negeri.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **3**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 71* | F1 Membangunkan perumahan awam<br>F2 Menyediakan kemudahan sukan dan kebudayaan<br>F3 Menyediakan kemudahan awam<br>F4 Menyediakan perkhidmatan kecemasan<br>F5 Menyenggara jalan raya<br>F6 Menyenggara sistem saliran<br>F7 Mengindahkan kawasan<br>F8 Menjaga kesihatan awam<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan fungsi Kerajaan Tempatan.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Pembahagian kuasa<br>F2 Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri<br>F3 Tiada perebutan kuasa<br>F4 Menyeragamkan cukai<br>F5 Menyelaraskan undang-undang<br>F6 Senarai Persekutuan seperti kewangan, pelajaran, pertahanan<br>F7 Senarai Negeri seperti undang-undang Islam, tanah, kerajaan tempatan<br>F8 Mewujudkan kestabilan politik<br>F9 Menjimatkan perbelanjaan negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sistem Persekutuan dapat membentuk pentadbiran yang kukuh di negara kita.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 244* | F1 Keamanan negara<br>F2 Kemakmuran negara<br>F3 Pertumbuhan ekonomi negara<br>F4 Banyak projek pembangunan<br>F5 Banyak peluang pekerjaan<br>F6 Kestabilan ekonomi<br>F7 Keselamatan negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan faktor penarik kepada kedatangan pelarian dan PATI ke negara kita.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **4**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 245* | F1 Keselamatan sosial terancam<br>F2 Wujudnya penyakit berjangkit<br>F3 Mendatangkan masalah perumahan<br>F4 Kegiatan jenayah tinggi<br>F5 Pencemaran alam sekitar<br>F6 Hak rakyat terjejas<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan implikasi/ kesan kemasukan golongan pelarian dan PATI terhadap negara kita.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Meningkatkan kawalan<br>F2 Pihak polis dan imigresen bergabung tenaga<br>F3 Menubuhkan mekanisme pengurusan warga asing<br>F4 Pihak berkuasa lebih giat mengesan tempat PATI<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan cadangan untuk membendung isu kemasukan pelarian dan PATI.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |

**Bahagian B**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 9–11* | F1 Kedudukan yang strategik<br>H1 Terletak antara China dan India<br>F2 Laksamana menjaga keselamatan perairan<br>F3 Syahbandar menguruskan pelabuhan/ menjaga kebajikan pedagang luar<br>F4 Cukai yang berpatutan<br>F5 Penggunaan sistem mata wang/ sistem barter<br>F6 Undang-Undang Melaka yang mantap<br>H6 Hukum Kanun Melaka/ Undang-Undang Laut Melaka<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan faktor yang membolehkan pelabuhan Melaka menjadi tumpuan pedagang luar.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **5**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 11* | F1 Nakhoda/ dianggap raja dalam pelayaran<br>H1 Arahan nakhoda perlu dipatuhi<br>C1 Fasal 13.1, nakhoda perlu diberi keutamaan untuk berniaga selama empat hari<br>F2 Menjelaskan peranan pegawai pelayaran, iaitu nakhoda/ jurumudi/ malim/ jurubatu<br>H2 Memastikan pelayaran lancar dan selamat<br>C2 Fasal 9, seorang malim perlu mengetahui keadaan ombak, arus dan kedudukan bulan dan bintang agar pelayaran selamat<br>F3 Menjelaskan hukum terhadap perbuatan jenayah semasa pelayaran<br>H3 Hukuman mati jika membunuh di atas kapal<br>F4 Menjelaskan percukaian yang adil/ sistematik<br>H4 Nakhoda menentukan jumlah cukai terhadap penumpang<br>C4 Satu persepuluh daripada hasil penumpang sekiranya penumpang ingin turun sebelum sampai janjinya<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan mengenai Undang-Undang Laut Melaka yang telah memantapkan lagi kegiatan perdagangan di Melaka.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*c*)<br>KBAT | F1 Kerajaan boleh melabur dalam pembangunan infrastruktur pelabuhan yang canggih dan efisien | 1 |
| | H1a Ini termasuk perluasan dermaga/ pembinaan terminal kargo yang moden/ penggunaan fasiliti dan peralatan yang canggih dan berteknologi tinggi | 1 |
| | H1b Untuk meningkatkan kapasiti dan produktiviti pelabuhan | 1 |
| | C1b Membangunkan bandar pelabuhan di Pulau Carey yang terletak berdekatan Pelabuhan Klang | 1 |
| | H1c Mengurangkan kesesakan di Pelabuhan Klang termasuk pemeriksaan kontena berganda | 1 |
| | F2 Melibatkan agensi-agensi yang berkaitan dengan pembangunan proaktif | 1 |
| | H2 Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)/ Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) | 1 |
| | F3 Meningkatkan keamanan dan keselamatan | 1 |
| | H3a Kerajaan boleh memastikan bahawa pelabuhan tempatan dilengkapi dengan sistem keamanan dan keselamatan yang canggih | 1 |
| | H3b Termasuk peningkatan pengawasan maritim, perlindungan terhadap ancaman keamanan, dan pemenuhan standard keselamatan internasional untuk melindungi kargo dan memastikan operasi yang lancar | 1 |
| | F4 Kerajaan boleh memperkuat kerjasama dengan negara-negara lain dalam perdagangan maritim | 1 |
| | H4 Melibatkan hal perjanjian perdagangan, penyelenggaraan kapal dan promosi pelabuhan tempatan sebagai pintu gerbang eksport dan import dunia | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan usaha yang boleh diambil oleh kerajaan Malaysia untuk membangunkan pelabuhan tempatan agar mampu mengendalikan perdagangan maritim antarabangsa. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **6**(*a*)(i)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 197* | F1 Memilih sembilan orang ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town | 1 |
| | F2 Sebelum ini ahli Majlis Perbandaran dilantik oleh Gabenor Negeri-negeri Selat | 1 |
| | F3 Menjadi asas berkerajaan sendiri | 1 |
| | F4 Memberi peluang kepada rakyat memilih pemimpin | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan tujuan pilihan raya peringkat Majlis Perbandaran George Town 1951. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **6**(*a*)(ii)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 197* | F1 Pilihan raya ini diadakan untuk merebut 12 kerusi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur | 1 |
| | F2 Termasuk kawasan Sentul, Bangsar, Imbi dan Petaling Jaya | 1 |
| | F3 UMNO bahagian Selangor dan MCA bahagian Selangor mengadakan kerjasama dan bergabung | 1 |
| | F4 Membentuk Parti Perikatan | 1 |
| | F5 Kerjasama UMNO-MCA terus mendapat kemenangan pada kerusi majlis perbandaran yang dipertandingkan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan tujuan pilihan raya peringkat Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **6**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 197* | F1 Penerimaan rakyat terhadap Parti Perikatan | 1 |
| | F2 Kerjasama antara UMNO-MCA ke arah perpaduan kaum | 1 |
| | F3 Parti Perikatan memperjuangkan semua kaum | 1 |
| | F4 Rakyat mempunyai banyak pilihan untuk memilih pemimpin | 1 |
| | F5 Kepercayaan rakyat lebih kepada Parti Perikatan | 1 |
| | F6 Melibatkan semua kaum | 1 |
| | F7 Rakyat yakin dengan Parti Perikatan | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab Parti Perikatan memenangi sembilan kerusi daripada 12 kerusi yang dipertandingkan dalam Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **6**(*c*) *KBAT* | F1 Menunjukkan amalan demokrasi | 1 |
| | H1a Memberi pengalaman kepada rakyat dalam proses pilihan raya | 1 |
| | H1b Proses pilihan raya melambangkan pengurusan yang bersistematik | 1 |
| | F2 Persediaan awal ke arah berkerajaan sendiri | 1 |
| | H2 Memilih pemimpin yang berwibawa | 1 |
| | F3 Bersifat adil dan telus | 1 |
| | H3a Bebas memilih pemimpin tanpa paksaan | 1 |
| | H3b Memilih wakil memimpin kerajaan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kepentingan pilihan raya kepada sesebuah negara. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **7**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 216* | F1 Menyokong sepenuhnya | 1 |
| | H1 Tanpa mengira ideologi parti politik | 1 |
| | F2 Tunku Abdul Rahman menjelaskan isu keselamatan | 1 |
| | F3 Hubungan British-Tanah Melayu | 1 |
| | F4 Kewarganegaraan | 1 |
| | F5 Perlembagaan negara merdeka | 1 |
| | F6 Ahmad Boestamam menyeru rakyat menyokong rombongan London | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan tindak balas Raja-raja Melayu dan wakil Parti Perikatan semasa rundingan kemerdekaan. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **7**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 218* | F1 Ahli Majlis Eksekutif dilantik atas nasihat Ketua Menteri | 1 |
| | F2 Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu perlu membayar ganti rugi kepada pegawai British yang diberhentikan | 1 |
| | F3 British dan Komanwel memberi bantuan pertahanan | 1 |
| | F4 Isu perlembagaan, kewangan keselamatan dan pentadbiran | 1 |
| | F5 Jawatan Menteri Kewangan menggantikan Setiausaha Kewangan | 1 |
| | F6 Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan Menteri Pertahanan dalam kalangan rakyat tempatan | 1 |
| | F7 Tarikh kemerdekaan 31 Ogos, 1957 | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan perkara yang disepakati dalam rundingan kemerdekaan antara British dengan perwakilan Tanah Melayu. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **7**(*c*) *KBAT* | F1 Nilai tersebut adalah asas perpaduan | 1 |
| | H1 Rakyat pelbagai kaum pelbagai budaya | 1 |
| | F2 Rakyat sepakat, pemimpin mudah mentadbir | 1 |
| | H2 Rakyat sejahtera, negara maju | 1 |
| | F3 Tidak mementingkan diri/ kaum sendiri sahaja | 1 |
| | F4 Sanggup berkorban untuk negara yang merdeka | 1 |
| | H4 Kaum lain menerima hak istimewa orang Melayu | 1 |
| | C4 Orang Melayu bertoleransi soal kewarganegaraan | 1 |
| | F5 Sepakat membawa berkat | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan nilai permuafakatan, toleransi dan kerjasama sesama rakyat berbilang kaum boleh membawa kejayaan. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **8**(*a*)(i)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 95* | F1 Mendapat sambutan baik daripada penduduk<br>F2 Parti politik secara prinsipnya bersetuju<br>F3 Tunku Abdul Rahman mendapat sokongan UMNO<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan reaksi awal Persekutuan Tanah Melayu terhadap gagasan Malaysia.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **8**(*a*)(ii)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 97* | F1 PAP menyambut baik rancangan ini<br>F2 Golongan pedagang dan pengusaha menyokong usaha ini<br>F3 Parti Buruh Singapura menganggap sebagai usaha yang sukar dilaksanakan<br>F4 Parti Rakyat Singapura menentang gagasan Malaysia<br>F5 Barisan Sosialis juga menentang dan menganggap satu penjajahan bentuk baharu<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan reaksi awal Singapura terhadap gagasan Malaysia.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **8**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 97* | F1 Indonesia<br>H1a Indonesia tidak menentang pada peringkat awal<br>H1b Menteri Luar Indonesia mengalu-alukan idea pembentukan Malaysia<br>F2 Filipina<br>H2a Presiden Diosdado dari Filipina menentang<br>H2b Filipina ingin menuntut Sabah<br>F3 Thailand<br>H3a Kerajaan Thailand memberi reaksi yang positif<br>H3b Memperkuat usaha ke arah keamanan di Rantau Asia Tenggara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan reaksi awal negara jiran terhadap gagasan Malaysia.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Perbezaan pendapat dan pandangan<br>H1a Mempengaruhi perasaan seseorang untuk bertindak balas terhadap sesuatu perkara<br>H1b Mempunyai matlamat dan niat yang berbeza<br>F2 Sasaran yang ingin dihajati bergantung kepada kepentingan individu<br>H2 Marah apabila peluang keputusan yang diumumkan tidak tercapai<br>F3 Keadaan dan suasana yang berbeza<br>H3 Suasana perjuangan yang radikal menimbulkan tindak balas yang agresif<br>C3 Keadaan di tempat rusuhan melahirkan perasaan untuk memberontak<br>F4 Emosi dalaman yang terpendam berbeza<br>H4 Emosi marah ataupun dendam yang terpendam akan mempercepat tindak balas yang secara luar kawalan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan pendapat sebab terdapat pelbagai reaksi yang berbeza dalam pembentukan Malaysia.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **9**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 175* | F1 Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu<br>F2 Memperkukuh kestabilan sosial dan politik<br>F3 Mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan<br>F4 Membolehkan Malaysia mencapai taraf negara yang maju dalam semua aspek<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan objektif Dasar Pembangunan Negara (DPN).<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |

© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd. 

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **9**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 176–179* | F1 Pembasmian kemiskinan | 1 |
| | H1a Subsidi dan sokongan kepada petani dan nelayan | 1 |
| | H1b Latihan kepada belia untuk mendapatkan kemahiran | 1 |
| | F2 Penyusunan semula masyarakat | 1 |
| | H2a Meningkatkan tenaga kerja dan penyertaan bumiputera dalam pengurusan sektor moden | 1 |
| | H2b Usaha sama aktif bumiputera/ bukan bumiputera | 1 |
| | H2c Latihan dalam bidang pengurusan harta dan etika perniagaan | 1 |
| | F3 Penyusunan semula modal saham | 1 |
| | H3a Saham kaum bumiputera dipertingkatkan selaras dengan matlamat DEB | 1 |
| | H3b Sekurang-kurangnya 30 peratus dalam pemilikan, penguasaan dan pengurusan sektor moden | 1 |
| | H3c Program penswastaan | 1 |
| | C3c MARA/ PERNAS/ PKEN | 1 |
| | F4 Pembangunan wilayah | 1 |
| | H4a Integrasi ekonomi yang saling melengkapi antara negeri | 1 |
| | H4b Konsep pertanian pintar | 1 |
| | H4c MARDI ditingkatkan | 1 |
| | H4d Mendorong sektor swasta menempatkan semula kilang tambahan di negeri yang kurang maju | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mencapai objektif DPN. | |
| | [*Mana-mana* 9 × 1*m*] | [*Maksimum*: 9 *markah*] |
| **9**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Meningkatkan taraf hidup | 1 |
| | H1a Tidak bergantung sepenuhnya kepada bantuan kerajaan | 1 |
| | H1b Masyarakat memainkan peranan yang aktif dalam merebut peluang yang diberikan | 1 |
| | H1c Dapat membantu pembangunan dan menggerakkan pertumbuhan ekonomi | 1 |
| | H1d Menyumbang kepada kestabilan negara | 1 |
| | F2 Menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran | 1 |
| | H2a Melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif | 1 |
| | H2b Inovasi baharu untuk bersaing di peringkat antarabangsa | 1 |
| | F3 Taraf hidup rakyat akan meningkat seterusnya imej negara dapat ditingkatkan di mata dunia | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki untuk memberikan pandangan tentang tanggungjawab yang perlu dipikul oleh rakyat negara ini agar dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatannya. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

# KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025 (SET 5)

## KERTAS 1

1 **A**
**Ulasan:** Ciri-ciri negara bangsa membawa kesejahteraan kepada empayar Srivijaya dan diwarisi oleh Kesultanan Melayu Melaka di samping ciri-ciri lain dalam mengukuhkan negara bangsa kesultanan ini.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 5*

2 **C**
**Ulasan:** Nakhoda berkuasa penuh dan diibaratkan sebagai raja dalam pelayaran. Semua pihak perlu mematuhi arahan dan perintah nakhoda. Oleh itu, nakhoda perlu diberi keutamaan dalam berniaga selama empat hari.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 11*

3 **D**
**Ulasan:** Revolusi Keagungan dan Revolusi Perancis mempunyai persamaan dalam penentangan terhadap pemerintahan beraja. Revolusi Keagungan berlaku kerana keinginan rakyat menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat telah menyebabkan mereka menentang Raja James yang membelakangkan parlimen semasa menggubal undang-undang. Revolusi Perancis pula memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan oleh golongan pemikir seperti Jean Jacques Rousseau. Mereka menentang golongan autokratik dan bangsawan yang membawa pengakhiran sistem beraja Perancis dan kemunculan Republik Perancis.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 24–25*

4 **B**
**Ulasan:** Pemodenan negara dan dasar terbuka Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn adalah untuk menjadikan Thailand negara yang bebas daripada penjajahan kuasa Barat.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 31*

5 **B**
**Ulasan:** Dalam "Cerita Tekukur" ini terdapat rujukan jelas kepada "Tekukur nombor 1874" dan "Tekukur nombor 1909", iaitu tarikh penting negeri Melayu dikuasai oleh British. Tekukur menangisi nasibnya yang bebas dalam negeri merdeka, kini terkurung dalam "sangkar emas" yang kehilangan kemerdekaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 53*

6 **C**
**Ulasan:** Kekejaman tentera Jepun terhadap masyarakat awam digambarkan dalam novel *Nyawa di-hujong Pedang*. Novel tersebut berdasarkan kisah sebenar pemuda Melayu yang ditangkap dan diseksa oleh Kempeitai kerana difitnah terlibat dalam gerakan menentang Jepun. Beliau terselamat apabila tentera Jepun menyerah kalah. Kempeitai Jepun kemudiannya dihukum gantung oleh tentera British.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 73*

7 **B**
**Ulasan:** Pembentukan Malayan Union merupakan usaha penjajah untuk menakluki tanah air kita. Malayan Union telah mengubah status Tanah Melayu daripada negeri naungan kepada negeri Tanah Jajahan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 97*

8 **D**
**Ulasan:** British menyedari pemimpin antipenyerahan terdiri daripada pegawai perkhidmatan awam dan guru. British bertindak mengeluarkan Pekeliling No.9/1946 (Circular No.9) pada bulan Disember 1946 yang melarang pegawai awam menyertai gerakan antipenyerahan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 110*

9 **C**
**Ulasan:** Golongan nasionalis Melayu radikal membidas kerajaan British kerana menjalankan perundingan secara tertutup dengan UMNO. Pihak British mengetepikan PKMM daripada Jawatankuasa Kerja tersebut. Golongan ini bergabung membentuk Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA).

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 128*

10 **A**
**Ulasan:** Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Perundangan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan serta hal lain yang mempunyai kepentingan bersama.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 134*

11 **A**
**Ulasan:** Kegagalan Partai Komunis Indonesia (PKI) menguasai Pulau Jawa (1926) menyebabkan PKI berusaha untuk membuka cawangan di Tanah Melayu. Namun begitu, usaha mereka tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu kerana komunis menggunakan kekerasan untuk mencapai matlamat mereka.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 146*

12 **D**
**Ulasan:** Parti Komunis Malaya (PKM) menyasarkan pasukan keselamatan dan menyerang balai polis. Tindakan ini dilakukan untuk mencetuskan keadaan yang huru-hara dan menunjukkan ketidakupayaan kerajaan untuk melindungi keselamatan penduduk.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 150*

13 **A**
**Ulasan:** Kesatuan Melayu Muda (KMM) pimpinan Ibrahim Haji Yaakob memperjuangkan kemerdekaan tanah air melalui konsep Melayu Raya. Idea ini merupakan penyatuan bangsa dan dunia Melayu berdasarkan aspek persamaan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa yang menjadi satu rumpun yang sama, iaitu Melayu. Selepas KMM diharamkan, idea Melayu Raya terus diperjuangkan oleh Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 172*

14 **C**
**Ulasan:** Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan pada Januari 1949 yang menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum. Antara objektif pembentukan CLC ialah mengkaji hubungan kaum secara mendalam, membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial supaya wujud pembahagian yang adil untuk semua komuniti, dan mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan penduduk di negara ini.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 174*

15 **B**
**Ulasan:** Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan diwujudkan pada tahun 1950 yang memberikan kuasa kepada majlis tempatan untuk mengadakan pilihan raya.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 196*

16 **D**
**Ulasan:** Peranan kabinet pertama ialah membincangkan soal kewangan dan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam, menyambung sistem yang diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan yang berasaskan Model Westminster, mengurangkan kuasa pentadbiran British, membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan, dan meminta Kuasa Veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 206*

17 **A**
**Ulasan:** Antara tugas suruhanjaya ini termasuklah membincangkan, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 220*

18 **C**
**Ulasan:** Dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar dan bahasa komunikasi.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 225*

19 **C**
**Ulasan:** Kemerdekaan memberikan hak untuk rakyat menentukan sendiri bentuk dan hala tuju negara tanpa pengaruh kuasa luar. Penghayatan terhadap erti merdeka menuntut rakyat mengenali sejarah negara. Hal ini penting bagi kita untuk mengukuhkan jati diri terutama bagi mengisi kemerdekaan ini.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 235*

20 **B**
**Ulasan:** Rancangan Buku Merah dilancarkan pada 25 Januari 1961. Buku ini mengandungi projek berkaitan dengan kemudahan asas seperti jalan kampung, jambatan, surau, bekalan air dan bekalan elektrik. Pemantauan dan maklum balas berdasarkan rekod yang terdapat dalam Buku Merah diletakkan di dalam Bilik Gerakan Kemajuan Negara pada peringkat daerah, negeri dan pusat.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 244*

21 **A**
**Ulasan:** Ciri-ciri negara yang berdaulat ialah mempunyai pemerintahan, mempunyai sempadan, mempunyai perundangan dan mempunyai rakyat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 9*

22 **C**
**Ulasan:** Dalam mengukuhkan pertahanan negara rakyat perlu peka terhadap isu keselamatan negara. Contohnya, memberikan maklumat tentang pencerobohan sempadan negara. Selain itu rakyat perlu mengelakkan kolaborasi dengan pihak luar yang boleh mengancam keselamatan dan kedaulatan negara. Rakyat juga boleh menganggotai pasukan keselamatan dan pasukan sukarelawan untuk mempertahankan negara di samping sanggup berkorban demi mempertahankan kedaulatan negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 15*

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

23 **C**
**Ulasan:** Pembentukan undang-undang dalam sesebuah negara dilakukan oleh badan yang sah dalam perundangan. Di Malaysia, badan perundangan dinamakan Parlimen yang berkuasa penuh membentuk undang-undang negara. Sejak negara mencapai kemerdekaan, ahli Parlimen memainkan peranan meminda perlembagaan bagi menegakkan kedaulatan negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 25*

24 **D**
**Ulasan:** Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda selepas pembentukan Malaysia. Pindaan yang dibuat adalah dengan cara memasukkan klausa baharu pada bahagian tertentu bagi menyesuaikannya dengan keperluan semasa. Terdapat tiga perkara utama yang berlaku dalam pindaan Perlembagaan 1963, iaitu struktur Mahkamah Atasan, pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo dan jawatan Yang di-Pertua Negeri.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 30–31*

25 **B**
**Ulasan:** Pengasingan kuasa dalam pemerintahan negara kita diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong. Antaranya ialah Badan Eksekutif, iaitu badan pemerintah yang melaksanakan kuasa eksekutif mengikut Perlembagaan Persekutuan. Seterusnya Badan Kehakiman yang bertanggungjawab mentafsir dan melaksanakan undang-undang serta mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Yang terakhir adalah Badan Perundangan yang berfungsi menggubal undang-undang.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 55*

26 **D**
**Ulasan:** Kuasa budi bicara raja ialah kuasa yang boleh dilaksanakan oleh baginda tanpa mendengar atau menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa budi bicara kepada Yang di-Pertuan Agong dalam soal pelantikan ketua Kerajaan Persekutuan, iaitu Perdana Menteri. Yang di-Pertuan Agong juga mempunyai kuasa budi bicara untuk tidak memperkenankan permintaan pembubaran Parlimen.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 57*

27 **B**
**Ulasan:** Faktor kejayaan FELDA dan FELCRA dalam menjayakan sosioekonomi negara adalah kerana enggan adanya kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan menubuhkan agensi yang dapat memberikan bantuan kewangan dan kepakaran kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri pula menyediakan tanah untuk tujuan pembangunan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 72*

28 **D**
**Ulasan:** Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan Majlis Negara untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, iaitu Majlis Kewangan Negara, Majlis Tanah Negara dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 81*

29 **A**
**Ulasan:** Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu meminta penggabungan wilayah Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura disegerakan bagi tujuan keselamatan. Manakala Sir Geofroy Tory, Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu mencadangkan penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu atas kepentingan ekonomi.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 91*

30 **B**
**Ulasan:** Pembentukan Malaysia yang sepatutnya diisytiharkan pada 31 Ogos 1963 ditangguhkan kerana laporan Setiausaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hanya dapat disiapkan pada 14 September 1963. Hal ini kerana Indonesia membuat bantahan rasmi pembentukan Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Oleh itu, U Thant, Setiausaha Agung PBB mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa, iaitu United Nations Malaysia Mission (UNMM) pada 12 Ogos 1963 untuk menilai dan membuat laporan. Laurence Michelmore, Duta Amerika Syarikat di PBB mengetuai rombongan melakukan tinjauan di Sarawak dan Sabah. Pada 14 September 1963, misi ini menerbitkan laporan penduduk Sarawak dan Sabah yang menerima pembentukan Malaysia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 104*

**31** **A**
**Ulasan:** Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengarahkan Tun Abdul Razak Hussein bermesyuarat dengan beberapa menteri seperti Dr. Ismail Abdul Rahman, Tan Siew Sin dan V.T. Sambanthan pada 1 Julai 1965 untuk berbincang tentang pemisahan Singapura.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 120*

**32** **C**
**Ulasan:** Kerajaan melaksanakan Operasi Hammer untuk mengatasi ancaman komunis di Sarawak. Operasi ini sama seperti dalam Rancangan Briggs, iaitu rancangan untuk memenangi hati rakyat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 122*

**33** **B**
**Ulasan:** Penubuhan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) pada 1 Disember 1972 menjadikan UKM sebagai pusat penyelidikan dan rujukan dalam bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan tamadun Melayu. Institut ini kemudian bertukar nama kepada Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) pada tahun 1992.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 149*

**34** **D**
**Ulasan:** Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM), Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan Sukan Malaysia (SUKMA) bertujuan untuk mengeratkan hubungan kaum serta integrasi antara negeri seterusnya dapat membentuk perpaduan kaum.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 153*

**35** **C**
**Ulasan:** Strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat tanpa mengira kaum. Selain itu menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 167*

**36** **B**
**Ulasan:** Kadar kemiskinan di Malaysia berjaya dikurangkan. Usaha kerajaan mempelbagaikan kegiatan ekonomi membuka peluang pekerjaan dan menambah pendapatan isi rumah yang melibatkan semua kaum. Kerajaan juga menambah baik peluang untuk rakyat mendapatkan kemudahan awam yang dapat meningkatkan taraf dan kualiti hidup. Keperluan tenaga kerja dalam bidang pertanian dan perindustrian dapat mengurangkan masalah pengangguran dan kadar kemiskinan rakyat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 180*

**37** **C**
**Ulasan:** Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia, iaitu ikatan sejarah, keperluan nasional, kepimpinan dan persekitaran luar.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 197*

**38** **D**
**Ulasan:** Kepentingan Perisytiharan Lusaka ini menunjukkan iltizam NAM dalam isu kawalan senjata nuklear. Malaysia menandatangani Perisytiharan Lusaka pada tahun 1970 sebagai mendesak agar senjata nuklear ini diharamkan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 213*

**39** **A**
**Ulasan:** Pemerdagangan orang merupakan jenayah terancang. Aktiviti ini dijalankan tanpa mengenal bangsa, agama, keturunan dan warna kulit. Pemerdagangan orang juga merupakan ancaman terhadap hak asasi manusia dan keselamatan negara. Malaysia tidak terkecuali daripada berdepan dengan isu ini. Hal ini kerana perkembangan ekonomi dan kemakmuran Malaysia menarik kehadiran warga asing. Ini membolehkan warga asing yang masuk ke Malaysia melalui sindiket pemerdagangan orang. Di samping itu kedudukan Malaysia yang strategik di Asia Tenggara turut menjadikannya sebagai lokasi transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 232*

**40** **A**
**Ulasan:** Pada tahun 1997–1998, kebanyakan negara Asia termasuk Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi yang bermula dengan kejatuhan nilai ringgit, antara lain disebabkan oleh spekulasi mata wang. Malaysia didesak untuk mencontohi langkah yang diambil oleh negara lain, iaitu menggunakan pelan perancangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), namun negara kita enggan menerimanya. Malaysia menggunakan pendekatan sendiri dalam usaha memulihkan keadaan termasuklah menambat kadar pertukaran ringgit (RM) kepada dolar (USD) dengan kadar RM3.80 bagi USD1. Langkah ini berjaya memulihkan ekonomi negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 232*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

## KERTAS 2

**Bahagian A**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 22* | F1 Perasaan cinta terhadap bangsa/ negara | 1 |
| | F2 Semangat kebangsaan | 1 |
| | F3 Perjuangan menentang penjajahan | 1 |
| | F4 Gerakan untuk mencapai kebebasan politik/ ekonomi/ sosial daripada penguasaan orang asing | 1 |
| | F5 Pengiktirafan hak setiap bangsa di dunia | 1 |
| | F6 Keinginan membina negara bangsa | 1 |
| | F7 Melahirkan identiti sendiri | 1 |
| | F8 Bertujuan melahirkan perasaan kekitaan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan maksud nasionalisme. | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **1**(*b*)(i)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 34* | F1 Berperanan sebagai penyalur maklumat/ berita | 1 |
| | F2 Akhbar *Jawi Peranakan* | 1 |
| | F3 Menegur campur tangan British dalam soal agama Islam/ isu bahasa Melayu | 1 |
| | F4 Akhbar *Sekola Melayu* | 1 |
| | F5 Sebagai bahan bacaan di sekolah Melayu | 1 |
| | F6 *Al-Imam*/ *Neracha*/ *Pengasuh* | 1 |
| | F7 Memuatkan idea pembaharuan | 1 |
| | F8 Akhbar *Fajar Sarawak* | 1 |
| | F9 Mengkritik dasar pemerintahan Brooke | 1 |
| | F10 Mengetengahkan isu hak/ masa depan bangsa/ negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan faktor media cetak yang mendorong kemunculan nasionalisme di negara kita pada awal abad ke-20. | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **1**(*b*)(ii)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 35* | F1 Penubuhan madrasah | 1 |
| | F2 Meniupkan semangat dalam kalangan pelajar | 1 |
| | F3 Madrasah al-Attas/ Madrasah al-Masyhur/ Madrasah al-Idrisiyah | 1 |
| | F4 Menerima kunjungan ulama Kaum Muda | 1 |
| | F5 Menyebarkan idea kemajuan/ pemodenan kepada masyarakat | 1 |
| | F6 Raffles Institution/ Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) | 1 |
| | F7 Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) | 1 |
| | F8 Melahirkan golongan yang memimpin rakyat | 1 |
| | F9 Pelajar didedahkan dengan idea tokoh falsafah Islam/ Barat | 1 |
| | F10 Memperlihatkan kelemahan bangsa yang dijajah | 1 |
| | F11 Mendesak British melakukan pembaharuan | 1 |
| | F12 SITC menjadi medan ilmu untuk berbincang/ menghasilkan karya nasionalisme | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan faktor sistem pendidikan yang mendorong kemunculan nasionalisme di negara kita pada awal abad ke-20. | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **1**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Keamanan negara terjejas | 1 |
| | F2 Perpaduan kaum tidak kukuh | 1 |
| | F3 Kedaulatan negara tergugat | 1 |
| | F4 Imej negara terjejas | 1 |
| | F5 Keselamatan negara tergugat | 1 |
| | F6 Campur tangan kuasa luar | 1 |
| | F7 Memburukkan nama negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak memiliki semangat nasionalisme yang tinggi. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **2**(*a*) | F1 Masalah kewangan SBUB | 1 |
| *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 114* | F2 Tentera Jepun telah memusnahkan bandar-bandar utama | 1 |
| | C2 Jesselton/ Kudat/ Sandakan | 1 |
| | F3 Pemulihan kerosakan memerlukan kos yang tinggi | 1 |
| | F4 SBUB tidak mampu membangunkan Sabah | 1 |
| | F5 Menghadapi masalah kekurangan dana | 1 |
| | F6 Sebelum Perang Dunia Kedua, Sabah sudah pun dijadikan negeri naungan British | 1 |
| | F7 British telah menguasai perhubungan luar negeri dan pertahanan Sabah | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan sebab Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menyerahkan Sabah kepada British selepas Perang Dunia Kedua. | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **2**(*b*) | F1 Memenuhi kepentingan British | 1 |
| *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 117* | F2 Britain dalam proses memerdekakan tanah jajahannya di Sri Langka/ India/ Burma | 1 |
| | F3 Sabah berpotensi menggantikan jajahan tersebut | 1 |
| | F4 Sabah berupaya membekalkan sumber bahan mentah | 1 |
| | F5 Menjadi kawasan pasaran British | 1 |
| | F6 Sebelum Perang Dunia Kedua, British mahu menjadikan Sabah sebagai wilayah jajahan British | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kepentingan Sabah kepada British. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*c*) | F1 Mewujudkan peluang pekerjaan | 1 |
| *KBAT* | F2 Memperkasakan perusahaan mikro/ IKS | 1 |
| | F3 Memberi bantuan modal | 1 |
| | F4 Mengawal pengaliran keluar wang negara ke negara lain | 1 |
| | F5 Kempen melancong di dalam negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan cadangan berkenaan tindakan yang akan seorang pemimpin lakukan untuk mengatasi masalah kewangan tersebut. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*a*) | F1 Undang-undang bertulis | 1 |
| *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 22* | F2 Undang-undang/ peraturan tertinggi | 1 |
| | F3 Teras pemerintahan negara | 1 |
| | F4 Panduan/ kawalan kepada raja/ pemerintah dalam proses pemerintahan negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan maksud perlembagaan. | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **3**(*b*) | F1 Kesultanan/ pemerintahan beraja | 1 |
| *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 28–29* | H1a Sultan merupakan pemerintah berdaulat | 1 |
| | H1b Memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing | 1 |
| | H1c Selepas merdeka disesuaikan dengan Demokrasi Berparlimen | 1 |
| | H1d YDPA sebagai pemerintah tertinggi negara | 1 |
| | H1e Raja/ sultan merupakan ketua negeri | 1 |
| | F2 Agama Islam | 1 |
| | H2a Raja Melayu tidak perlu menerima nasihat British | 1 |
| | H2b Berkaitan hak/ kedaulatan/ adat istiadat/ agama Islam | 1 |
| | H2c Selepas merdeka agama Islam diletakkan di bawah kuasa raja | 1 |
| | H2d Bagi Wilayah Persekutuan/ negeri tidak beraja diletakkan di bawah kuasa YDPA | 1 |
| | F3 Bahasa Melayu | 1 |
| | H3a Bahasa Melayu digunakan dalam pemerintahan KMM | 1 |
| | H3b Bahasa Melayu menjadi bahasa *lingua franca*/ bahasa ilmu | 1 |
| | H3c Kini bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan/ rasmi | 1 |
| | F4 Kedudukan orang Melayu dan bumiputera | 1 |
| | H4a Sebelum merdeka di bawah kuasa raja/ ketua peribumi | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H4b Selepas merdeka, YDPA memelihara kedudukan istimewa orang Melayu/ bumiputera/ kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan ciri tradisional yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan di negara kita. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*c*) KBAT | F1 Menyesuaikan peruntukan negeri baharu/ pembentukan Malaysia | 1 |
| | F2 Memansuhkan perkara berkaitan Singapura/ pemisahan Singapura | 1 |
| | F3 Melindungi kepentingan rakyat | 1 |
| | F4 Menjaga keselamatan negara | 1 |
| | F5 Supaya sentiasa relevan dengan keperluan semasa | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sebab pindaan perlembagaan perlu dilakukan. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*a*) Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 172 | F1 Industri pembuatan barangan | 1 |
| | F2 Meliputi kraf tangan/ makanan/ pakaian dan inap desa | 1 |
| | F3 Penggunaan modal yang kecil | 1 |
| | F4 Berskala kecil/ sederhana | 1 |
| | F5 Tenaga kerja yang tidak ramai | 1 |
| | F6 Terletak berhampiran dengan bandar/ desa/ rumah kediaman sendiri atau di pinggir bandar | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyenaraikan dua ciri Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di negara kita. | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **4**(*b*) Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 172 | F1 Melahirkan golongan usahawan muda | 1 |
| | F2 Menggalakkan penyertaan anak muda dalam bidang perniagaan | 1 |
| | C2 Contohnya, Ramly Food Processing Sendirian Berhad | 1 |
| | F3 Dapat membaiki taraf hidup rakyat | 1 |
| | F4 Membangunkan industri pembuatan barangan tempatan | 1 |
| | F5 Memasarkan produk industri tempatan dalam pasaran luar secara komersial | 1 |
| | C5 Contohnya, kraf tangan/ makanan tradisional | 1 |
| | F6 Menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan IKS ini memberikan manfaat kepada perkembangan ekonomi negara kita. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*c*) KBAT | F1 Meningkatkan daya pengeluaran | 1 |
| | F2 Meluaskan pasaran dalam dan luar negara | 1 |
| | F3 Memantapkan kualiti produk/ perkhidmatan memenuhi piawaian yang telah ditetapkan | 1 |
| | C3 Contohnya, mendapatkan ISO 9001 | 1 |
| | F4 Meningkatkan inovasi dalam industri pembuatan barangan | 1 |
| | F5 Melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) ke atas produk tempatan yang boleh dipasarkan | 1 |
| | C5 Contohnya, kepelbagaian produk makanan Best Farm Co | 1 |
| | F6 Menarik lebih ramai pelanggan membeli dan menggunakan barangan/ perkhidmatan usahawan IKS | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cadangan untuk memastikan pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mampu mengembangkan lagi industri yang diusahakannya. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |

**Bahagian B**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 68* | F1 Kedudukan yang strategik | 1 |
| | H1a Mengeksploitasi kekayaan bahan mentah | 1 |
| | H1b Untuk keperluan perindustrian | 1 |
| | H1c Ekoran Pembaharuan Meiji | 1 |
| | H1d Operasi ketenteraan Jepun | 1 |
| | H1e Tanah Melayu pengeluar utama bijih timah/ getah/ emas/ bijih besi/ arang batu/ bauksit | 1 |
| | H1f Di Sarawak/ Lutong/ Miri, untuk mendapatkan sumber minyak | 1 |
| | H1g Sebahagian rancangan pembentukan Kawasan Sekemakmuran Asia Timur Raya | 1 |
| | H1h Mengukuhkan ekonomi Jepun | 1 |
| | F2 Kepentingan strategik ketenteraan | 1 |
| | H2a Kedudukan strategik negara | 1 |
| | H2b Hujung Semenanjung Tanah Melayu/ Singapura terletak pangkalan tentera laut British | 1 |
| | H2c Membuka laluan penguasaan telaga minyak di Sumatera | 1 |
| | H2d Penguasaan Pulau Borneo untuk menjayakan operasi penaklukan Pulau Jawa | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab Jepun menjadikan negara kita sebagai sasaran untuk peluasan kuasa. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **5**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 71* | F1 Pentadbiran tentera Jepun | 1 |
| | H1a Memperkenalkan Pemerintahan Tentera Tanah Melayu | 1 |
| | H1b Tanah Melayu digabungkan dengan Sumatera di bawah satu pentadbiran | 1 |
| | H1c Membentuk Kawasan Pertahanan Khas/ pentadbiran pasukan tentera ke-25 | 1 |
| | H1d Yang berpusat di Singapura | 1 |
| | H1e April 1944 – Tanah Melayu dan Sumatera ditadbir berasingan | 1 |
| | H1f Terdapat perbezaan politik dan ekonomi semasa pentadbiran British dan Belanda sebelum perang | 1 |
| | H1g Sumatera diletakkan dalam pentadbiran tentera Jepun ke-25/ di Bukit Tinggi | 1 |
| | H1h Tanah Melayu di tadbir dalam pentadbiran tentera Jepun ke-29/ di Taiping, Perak | 1 |
| | H1i Singapura dikenali sebagai *Syonan-to* (Pulau Cahaya Selatan) | 1 |
| | H1j Diasingkan pentadbiran dari Tanah Melayu | 1 |
| | H1k Tanah Melayu dikenali sebagai *Malai Baru* (Melayu Baru) | 1 |
| | H1l Perlis/ Kedah/ Kelantan/ Terengganu dipindahkan di bawah pentadbiran Thailand | 1 |
| | H1m Sarawak/ Sabah/ Brunei digabungkan sebagai *Kita Boruneo* | 1 |
| | H1n Diketuai oleh Gabenor Jeneral | 1 |
| | H1o Diletakkan di bawah pasukan tentera ke-37/ di Kuching | 1 |
| | F2 Dasar terhadap Raja-raja Melayu | 1 |
| | H2a Mengiktiraf kedudukan Raja-raja Melayu | 1 |
| | H2b Sebagai ketua hal ehwal agama Islam/ adat Melayu | 1 |
| | H2c Diberikan bayaran pencen seperti sebelum perang | 1 |
| | H2d Di bawah pengawasan Gabenor Jepun | 1 |
| | F3 Dasar terhadap kepimpinan tempatan | 1 |
| | H3a Memberikan peluang kenaikan pangkat kepada pemimpin tempatan yang berpendidikan/ berpengalaman | 1 |
| | H3b Bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai | 1 |
| | H3c Dan mendapatkan sokongan penduduk | 1 |
| | H3d Menubuhkan Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda/ Koa Kunrenjo | 1 |
| | H3e Untuk melatih/ menanamkan semangat memperjuangkan cita-cita politik Jepun | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan pelaksanaan dasar pentadbiran Jepun di negara kita. | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*c*) KBAT | F1 Peluasan kuasa terhadap Palestin oleh Israel<br>H1a Dengan mengusir penduduk tempatan<br>H1b Untuk mengambil tanah mereka<br>H1c Untuk membuat petempatan bagi rakyat Israel<br>F2 Penjajahan secara tidak langsung<br>H2a Melalui penguasaan ekonomi<br>H2b Dengan memonopoli pasaran/ bahan mentah<br>H2c Dan memberi pinjaman/ kredit<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki membincangkan mengenai peluasan kuasa ke atas negara-negara kecil masih berlaku pada masa kini.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **6**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 200* | F1 Penubuhan Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan<br>F2 52 kawasan pilihan raya berjaya dibentuk<br>F3 Meluluskan rang undang-undang bagi membolehkan pilihan raya diadakan<br>F4 Pendaftaran pengundi<br>F5 Penamaan calon<br>F6 Kempen pilihan raya<br>F7 Pembuangan undi<br>F8 Peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi<br>F9 Proses pengiraan undi<br>F10 Pengumuman keputusan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan proses pilihan raya berdasarkan gambar.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **6**(*b*) KBAT | F1 Pemilihan dilakukan secara sulit<br>F2 Menggunakan prosedur yang telus/ teratur<br>F3 Pengiraan undi dibuat secara terbuka<br>F4 Keputusan undi direkodkan<br>F5 Calon yang mendapat undi terbanyak dikira menang<br>F6 Menggunakan sistem majoriti mudah<br>F7 Pengundi bebas memilih/ menganggotai parti yang digemari<br>F8 Calon bebas berkempen sebelum pilihan raya<br>F9 Hanya pengundi berdaftar sahaja yang boleh mengundi<br>F10 Wujud badan pemantau pilihan raya<br>F11 Suruhanjaya Pilihan Raya adalah suruhan jaya bebas<br>F12 SPR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong<br>F13 Tiada tekanan parti pemerintah/ parti pembangkang<br>F14 Mengemas kini senarai pengundi/ daftar pemilih<br>F15 Penggunaan dakwat kekal<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki membuktikan bahawa pilihan raya di negara kita dilaksanakan secara adil.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **6**(*c*) KBAT | F1 Mengadakan pendaftaran pemilih secara atas talian<br>F2 Aplikasi dalam telefon bimbit<br>F3 Mewujudkan pendaftaran pemilih secara automatik<br>C3 Contohnya, pada hari lahir ke-21<br>F4 Kempen kesedaran kepada generasi muda<br>F5 Tentang perlunya menunaikan hak mereka sebagai pengundi<br>F6 Mewajibkan menjadi pengundi<br>F7 Sekiranya ingin berkhidmat di sektor awam<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan cadangan untuk mengatasi isu generasi muda yang masih tidak mendaftar sebagai pengundi.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
| --- | --- | --- |
| **7**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 66–67* | F1 Penyatuan beberapa buah negeri<br>F2 Membentuk sebuah negara bersekutu<br>F3 Pada tahun 1963, menggabungkan 11 buah negeri Tanah Melayu<br>F4 Persekutuan dinamakan Malaysia<br>F5 Wujudnya Kerajaan Persekutuan (Kerajaan Pusat)<br>F6 Kerajaan Negeri<br>F7 Pembahagian kuasa dalam sistem pentadbiran<br>F8 Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong<br>F9 Sistem Raja Berperlembagaan<br>F10 Demokrasi Berparlimen diwujudkan dalam pentadbiran negara<br>F11 Bagi melicinkan pentadbiran negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan konsep sistem Persekutuan di negara kita.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **7**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 68–71* | F1 Pentadbiran kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat<br>F2 Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan<br>F3 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa khusus antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri<br>F4 Meliputi kuasa perundangan dan kuasa pemerintahan<br>F5 Pembahagian kuasa bertujuan untuk melicinkan perjalanan sistem Persekutuan<br>F6 Mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan<br>F7 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa yang lebih kepada Kerajaan Persekutuan<br>F8 Bertujuan untuk mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat<br>F9 Menjamin kestabilan/ kemajuan negara<br>F10 Tiada kuasa khusus kepada Kerajaan Tempatan<br>F11 Kuasa Kerajaan Tempatan berada di bawah kuasa Kerajaan Negeri<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan cara pembahagian kuasa dalam pentadbiran kerajaan Malaysia dilaksanakan.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **7**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Menghormati keluhuran Perlembagaan<br>H1a Sentiasa mematuhi undang-undang negara<br>H1b Taat setia kepada kepimpinan YDPA<br>F2 Menerima konsep pengasingan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri<br>H2a Mematuhi dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri<br>H2b Menggembleng tenaga untuk memajukan kerajaan dalam pelbagai bidang<br>F3 Sentiasa menjaga nama baik negara<br>F4 Meraikan sambutan hari kebesaran negara<br>C4 Seperti sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia<br>F5 Berbangga sebagai anak Malaysia<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan rakyat untuk mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara Persekutuan.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*a*)(i)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 119* | F1 Politik<br>H1a Lee Kuan Yew tidak berpuas hati dengan peranan Singapura yang terhad<br>H1b Konflik antara pemimpin PAP dengan Perikatan<br>H1c Kempen Malaysian Malaysia/ hak yang sama antara kaum<br>F2 Ekonomi<br>H2a Tuntutan pembukaan pasaran bersama disegerakan<br>H2b Tidak berpuas hati dengan cadangan tambahan cukai<br>H2c Mahu mengenakan kadar faedah terhadap sebahagian daripada pinjaman/ RM150 juta untuk pembangunan Sarawak/ Sabah | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F3 Masalah perkauman | 1 |
| | H3a Berlaku rusuhan kaum/ ketegangan antara kaum | 1 |
| | H3b Usaha menuntut persamaan hak sama rata bagi semua kaum | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cabaran selepas pembentukan Malaysia dalam isu pemisahan Singapura. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **8**(*a*)(ii)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 129* | F1 Rusuhan antara kaum pada 13 Mei 1969 | 1 |
| | F2 Kesan ketidakseimbangan dalam ekonomi/ sosial | 1 |
| | F3 Keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga | 1 |
| | F4 Ketegangan bermula dengan kempen pilihan raya | 1 |
| | F5 Menggunakan isu sensitiviti/ sentimen perkauman/ keagamaan | 1 |
| | F6 Parti politik mengeksploitasi isu yang menyentuh sensitiviti kaum | 1 |
| | F7 PKM mengambil kesempatan mempengaruhi penduduk untuk bermusuh | 1 |
| | F8 Perarakan kemenangan pilihan raya yang tidak terkawal | 1 |
| | F9 Menimbulkan kekacauan/ perbuatan provokatif | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cabaran selepas pembentukan Malaysia dalam isu tragedi hubungan antara kaum. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **8**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 120 & 129–131* | **Pemisahan Singapura** | |
| | F1 Mengadakan rundingan antara Tun Abdul Razak dengan Lee Kuan Yew tetapi gagal | 1 |
| | F2 Mengadakan mesyuarat dengan menteri tentang pemisahan | 1 |
| | F3 Tun Abdul Razak/ Dr. Ismail Abdul Rahman/ Tan Siew Sin/ V.T. Sambanthan | 1 |
| | F4 Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia bersetuju dengan rancangan pemisahan | 1 |
| | F5 Tunku Abdul Rahman dan Lee Kuan Yew menandatangani persetujuan Singapura keluar daripada Malaysia | 1 |
| | F6 Membawa usul ke Parlimen Malaysia | 1 |
| | F7 Parlimen meluluskan rang undang-undang pemisahan Singapura | 1 |
| | **Tragedi hubungan antara kaum** | |
| | F8 Pengisytiharan perintah darurat oleh YDPA | 1 |
| | F9 Perlembagaan digantung | 1 |
| | F10 Parlimen digantung | 1 |
| | F11 Mewujudkan pusat perlindungan | 1 |
| | F12 Pelaksanaan perintah berkurung | 1 |
| | F13 Penubuhan jawatankuasa bertugas | 1 |
| | F14 Untuk menyusun semula perkhidmatan penerangan kerajaan | 1 |
| | F15 Semua berita ditapis | 1 |
| | F16 Memastikan bekalan makanan mencukupi terutama di pusat perlindungan | 1 |
| | F17 Mangsa rusuhan dipindahkan ke pusat perlindungan | 1 |
| | F18 Di Stadium Merdeka/ Tiong Nam Settlement | 1 |
| | F19 Memagar kawasan Kampung Baru | 1 |
| | F20 Dijadikan kawasan perintah berkurung yang besar | 1 |
| | F21 Memberikan perlindungan di beberapa kem tentera | 1 |
| | F22 Menubuhkan MAGERAN | 1 |
| | F23 Diberi kuasa memerintah semasa darurat | 1 |
| | F24 Bertanggungjawab mengawal ketenteraman negara | 1 |
| | F25 Fokus utama menyelesaikan masalah perpaduan kaum/ ketidakseimbangan ekonomi | 1 |
| | F26 Mengembalikan keamanan dan undang-undang | 1 |
| | F27 Menentukan pentadbiran yang licin | 1 |
| | F28 Mengembalikan keharmonian/ kepercayaan antara kaum | 1 |
| | F29 Menggantung sementara penerbitan akhbar | 1 |
| | F30 Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948 | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
| --- | --- | --- |
| | F31 Jabatan Penerangan menapis berita palsu/ menerangkan usaha kerajaan | 1 |
| | F32 Raja berperanan menenteramkan rakyat/ bertenang/ mematuhi undang-undang | 1 |
| | F33 Penubuhan Jawatankuasa Muhibbah di Perak | 1 |
| | F34 Menulis surat merayu penduduk bertenang/ membantu negara mengekalkan keamanan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan tindakan kerajaan Malaysia mengatasi cabaran tersebut. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **8**(*c*) *KBAT* | F1 Merupakan nilai murni/ amalan baik/ yang menjadi teras kepada semua pihak | 1 |
| | F2 Perpaduan di antara kepelbagaian kaum, agama dan ideologi politik | 1 |
| | F3 Demi memastikan negara terus aman dan makmur | 1 |
| | F4 Mewujudkan keselamatan melalui toleransi | 1 |
| | F5 Membuka ruang untuk masyarakat/ pemimpin bersatu tenaga dan idea bagi memajukan negara | 1 |
| | F6 Program bersifat penglibatan secara langsung dengan tema toleransi antara kaum | 1 |
| | F7 Agar aspirasi ke arah perpaduan yang madani | 1 |
| | F8 Menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan tanpa membataskan sempadan agama dan bangsa | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan hujah bagi menyokong bahawa sikap toleransi semua pihak dapat mengatasi masalah ketegangan hubungan antara kaum. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **9**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 196* | F1 Mempertahankan kemerdekaan/ kedaulatan negara | 1 |
| | F2 Melindungi kepentingan nasional | 1 |
| | F3 Mempertahankan/ memajukan kepentingan Malaysia | 1 |
| | F4 Memupuk hubungan baik dengan negara luar | 1 |
| | F5 Menghadapi perkembangan/ cabaran politik/ ekonomi/ sosial | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan matlamat penggubalan dasar luar negara kita. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **9**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 197* | F1 Ikatan sejarah | 1 |
| | H1a Ikatan sejarah dan budaya dengan negara serantau/ antarabangsa | 1 |
| | C1a Singapura/ Indonesia/ Brunei/ Filipina/ Thailand/ Burma/ China/ India | 1 |
| | H1b Ikatan keagamaan | 1 |
| | C1b Arab Saudi/ Mesir/ Yaman/ Turki | 1 |
| | H1c Menyertai Komanwel selepas merdeka | 1 |
| | F2 Keperluan nasional | 1 |
| | H2a Keutamaan kepada kepentingan negara | 1 |
| | H2b Bagi menjamin kedaulatan negara | 1 |
| | H2c Dasar yang menguntungkan negara | 1 |
| | H2d Kedudukan strategik | 1 |
| | H2e Hubungan baik dengan negara luar | 1 |
| | H2f Menjamin kebajikan rakyat Malaysia yang berada di luar negara | 1 |
| | H2g Kepentingan ekonomi dan keamanan | 1 |
| | H2h Menyebabkan dasar luas bebas/ berkecuali/ tanpa menira ideologi diamalkan | 1 |
| | F3 Kepimpinan | 1 |
| | H3a Kebijaksanaan pemimpin | 1 |
| | H3b Peka kepada perkembangan semasa bagi menentukan hala tuju negara | 1 |
| | H3c Menjalinkan hubungan dengan negara sedang membangun | 1 |
| | C3c Afrika/ negara kepulauan di Pasifik Selatan | 1 |
| | F4 Persekitaran luar | 1 |
| | H4a Akibat perkembangan politik/ ekonomi/ sosial antarabangsa yang sentiasa berubah | 1 |
| | H4b Ditentukan oleh perkembangan pada peringkat antarabangsa | 1 |
| | H4c Dasar luar negara probarat semasa era Perang Dingin | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H4d Malaysia mengubah dasar daripada probarat kepada tidak berpihak<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar negara.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br><br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **9**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Mengekalkan kedaulatan negara<br>F2 Menjalinkan hubungan dengan semua negara<br>F3 Tanpa mengira ideologi<br>C3 PBB/ Komanwel/ OIC<br>F4 Membantu negara ketika dilanda masalah<br>C4 Serangan di Lahad Datu, Sabah<br>F5 Menangani masalah melalui rundingan/ meja bulat<br>F6 Mengelak menggunakan kuasa ketenteraan<br>C6 Pulau Batu Putih<br>F7 Krisis dengan Indonesia/ pembentukan Malaysia<br>F8 Membuat bantahan di PBB<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki untuk memberikan hujah bagi menyokong bahawa pelaksanaan dasar berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara telah mewujudkan keamanan dan kemakmuran dalam negara kita.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |